




# LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN 2014



# Melakar Kejayaan






# KANDUNGAN

Perutusan Ketua Audit Negara	4 - 6
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014	7 - 9
Pejabat dan Wisma Audit	10 - 11
Pernyataan Korporat	12 - 15
Sejarah dan Evolusi	16 - 18
Mantan Ketua Audit Negara	19
Carta Organisasi	20 - 21
Pengurusan Tertinggi	22
Laporan Aktiviti Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	23 - 36
Laporan Aktiviti Sektor Audit Kerajaan Negeri	37 - 48
Laporan Aktiviti Jabatan Audit Negara, Negeri	49 - 96
Laporan Aktiviti Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	97 - 112
Laporan Aktiviti Bahagian Susulan Audit	113 - 116
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara & Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	117 - 136
Laporan Aktiviti Sektor Audit Khas dan Penyelidikan	137 - 180
Laporan Aktiviti Sektor Pengurusan	181 - 222
Laporan Aktiviti Akademi Audit Negara	223 - 330
Artikel	
• Kesiapsiagaan Jabatan Audit Negara Mengaudit GST	231 - 238
• Kesiapsiagaan Jabatan Audit Negara Mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Berasaskan Akruan	239 - 247
• Komitmen Jabatan Audit Negara Terhadap Kaedah CAAT's Dengan Menggunakan Perisian ACL	248 - 251
• <i>International Standards Of Supreme Audit Institution (ISSAI)</i> - Standard Pengauditan Menggunakan ISSAI Memacu Transformasi Jabatan Audit Negara	252 - 261
• Membudaya Integriti Di Kalangan Pegawai Jabatan Audit Negara	262 - 266
Diari Peristiwa	267 - 278
Penerima Pingat dan Darjah Kebesaran Di Kalangan Warga Jabatan	279 - 286
Jasamu Dikenang	287 - 294
Kursus-Kursus di Jabatan	295 - 300
Laporan Kelab	
• Majlis Sukan JAN (MASJAN)	301 - 311
• PUSPANITA JAN	312 - 316
Liputan Akhbar Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013	317 - 320

# Perutusan Ketua Audit Negara





Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

**A**lhamdulillah, Laporan Aktiviti Tahunan 2014 Jabatan Audit Negara (JAN) telah dapat diterbitkan mengikut jadual dan telah mematuhi KPI yang ditetapkan. Kandungannya sarat dengan informasi berkaitan dengan pelbagai aktiviti dan peristiwa yang berlaku di peringkat ibu pejabat dan di negeri-negeri sepanjang tahun 2014. Selaras dengan Dasar Transformasi Perkhidmatan Awam, JAN turut mengambil inisiatif menyediakan pelan transformasi Jabatan yang memfokuskan kepada pemerkasaan fungsi pengauditan melalui prinsip kebebasan (*independence*), profesional, berintegriti, adil, telus dan seimbang. Perubahan struktur organisasi melibatkan rombakan kepada struktur tradisional yang agak tegar dari segi agihan tugas, penggunaan sumber dan mobilisasinya.

Perubahan ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada dan pada masa yang sama tidak akan menjejaskan tahap produktiviti Jabatan. Perubahan yang dirancang selanjutnya ialah untuk meningkatkan lagi tahap profesional juruaudit melalui pelbagai program latihan yang menjurus kepada penguasaan ilmu dan kemahiran dalam bidang-bidang yang diperlukan seperti ISSAI (*International Standards of Supreme Audit Institutions*), Perakaunan Akruan, Pengurusan Risiko, Statistik, Forensik Audit, Analisa Pelaburan, Alam Sekitar dan Teknologi Maklumat.

Bidang teknikal juga perlu dipertingkatkan keupayaannya supaya mampu melaksanakan lebih banyak pengauditan prestasi yang akan melibatkan projek-projek Kerajaan bersaiz mega. Pendekatan mengaudit di peringkat awal projek akan dapat mengelakkan berlakunya pembaziran, pemborosan, ketirisan dan penyelewengan. Penggunaan teknologi dalam bidang pengauditan akan dioptimumkan lagi melalui pembangunan prasarana, perisian dan peralatan ICT selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan ICT JAN. Melalui pendekatan

**Selaras dengan Dasar Transformasi Perkhidmatan Awam, JAN turut mengambil inisiatif menyediakan pelan transformasi Jabatan yang memfokuskan kepada pemerkasaan fungsi pengauditan melalui prinsip kebebasan (*independence*), profesional, berintegriti, adil, telus dan seimbang.**

ini, pergantungan kepada sumber tenaga manusia dapat dikurangkan. Sebahagian kerja yang dibuat secara manual sebelum ini akan dapat dilaksanakan secara elektronik misalnya dengan pelaksanaan sistem *e-working paper*.

Untuk meningkatkan lagi keberkesanan fungsi pengauditan sektor awam, kawalan ke atas sumber organisasi seperti sumber kewangan dan modal insan amatlah kritikal. Oleh itu JAN bersama PEMANDU sedang memperincikan rasionalisasi cadangan pemeraksanaan JAN serta kaedah yang paling praktikal untuk melaksanakannya. Transformasi JAN adalah seiring dengan amalan terbaik (*best practices*) di peringkat antarabangsa di mana institusi audit perlu bebas (*independent*) termasuk kawalan terhadap sumber yang memberikan kesan langsung kepada keberkesanan fungsi pengauditan dan mandat untuk mengaudit kesemua agensi dan apa-apa entiti yang ada kepentingan Kerajaan.

Tahun 2014 merupakan tahun yang sibuk bagi warga kerja JAN. Disamping melaksanakan *core business* seperti dirancang sebagai sasaran kerja tahunan masing-masing, mereka juga bertungkus lumus membuat persediaan awal bagi penganjuran Perhimpunan ASOSAI ke 13 dari 10 hingga 13 Februari 2015. Malaysia telah di beri penghormatan oleh ahli-ahli ASOSAI untuk menjadi tuan rumah kepada acara tiga tahunan peringkat antarabangsa. Adalah menjadi hasrat JAN untuk mengurus penganjuran majlis ini dengan cemerlang bukan sahaja untuk memastikan objektif perhimpunan ini dicapai tetapi juga untuk mengharumkan nama dan imej JAN serta Negara amnya sebagai penganjur yang boleh dijadikan penanda aras contohnya dari segi layanan mesra, profesional, kemudahan yang disediakan, teknologi yang digunakan dan pengisian program oleh Negara lain yang akan dipilih sebagai tuan rumah bagi perhimpunan ini pada masa akan datang.

Sepanjang tahun 2014, JAN telah menerima beberapa anugerah pencapaian di peringkat antarabangsa dan tempatan. Di peringkat antarabangsa, JAN buat julung kalinya telah berjaya merangkul *Grand Prize Award* semasa *16<sup>th</sup> ACL Annual Impact Award* yang telah diadakan pada 1 hingga 4 Jun 2014 di Dallas, Texas U.S.A. Selain itu, JAN juga berjaya menerima anugerah pencapaian lain seperti *ACCA Approved Employer - Professional Development*, Pencapaian Sangat Melempi Sasaran - Sistem Aplikasi HRMIS Tahun 2013, Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2013, mencapai tahap cemerlang bagi Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2013 dan Johan Kategori Kerajaan bagi Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H/2014M.

Saya turut mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JAN atas segala komitmen dan usaha yang telah diberikan untuk merealisasikan misi JAN sepanjang tahun 2014.

Selamat Maju Jaya.

# Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2014


Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara (KAN) mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong / Sultan/ Tuan Yang Terutama yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen/ Dewan Undangan Negeri (DUN).

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan beserta LKAN Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Siri 1/2013 telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2014 dan Siri 2/2013 pada 16 Jun 2014 dan seterusnya Siri 3/2013 di bentangkan di Parlimen pada 10 November 2014. Manakala LKAN Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2013 telah dibentangkan pada 10 November 2014.




Pembentangan LKAN Tahun 2013 di DUN adalah seperti berikut :

Dewan Undangan Negeri	Tarikh Pembentangan
<b>Johor</b>	
Negeri Siri 1/2013 Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan	29 Mei 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	12 November 2014
<b>Kedah</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	28 April 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	12 Ogos 2014
<b>Kelantan</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	13 Oktober 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	13 Oktober 2014
<b>Melaka</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	3 Mac 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	23 Jun 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2013	11 November 2014
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2013	11 November 2014
<b>Negeri Sembilan</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	18 Ogos 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	18 Ogos 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2013	5 Disember 2014
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2013	5 Disember 2014
<b>Pahang</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	18 Ogos 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	18 Ogos 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2013	19 Disember 2014
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2013	19 Disember 2014
<b>Perak</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	26 Oktober 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	26 Oktober 2014



Dewan Undangan Negeri	Tarikh Pembentangan
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2013	8 Disember 2014
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2013	8 Disember 2014
<b>Perlis</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	20 Ogos 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	20 Ogos 2014
<b>Pulau Pinang</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	9 Mei 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	7 November 2014
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2013	7 November 2014
<b>Sabah</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	14 April 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	14 Julai 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2013	13 November 2014
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2013	13 November 2014
<b>Sarawak</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	10 November 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	10 November 2014
<b>Selangor</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	8 April 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	24 November 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2013	24 November 2014
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2013	24 November 2014
<b>Terengganu</b>	
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2013	23 September 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2013	23 September 2014
Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 3/2013	8 Disember 2014
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2013	8 Disember 2014

# Pejabat dan Wisma Audit Jabatan Audit Negara Malaysia



## Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62518 Putrajaya, Malaysia  
Tel : 03-8889 9000 Faks : 03-8889 9721



## Jabatan Audit Negara, Negeri Johor

Tingkat 21, Menara Ansar  
No. 65, Jalan Trus  
80000 Johor Bahru, Johor  
Tel : 07-2243511 / 07-2235060 / 07-2227275 / 07-2227285  
Faks : 07-2238127



## Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah

Blok A, Aras 4, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS-Sulaman, Beg Berkunci No. 2021  
88450 Kota Kinabalu, Sabah  
Tel : 088-488117 / 088-488119 / 088-488120 / 088-488137  
Faks : 088-488140 / 088-488144 / 088-488123



## Jabatan Audit Negara, Negeri Sarawak

Tingkat 4, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga, 93518 Kuching, Sarawak  
Tel : 082-242372 / 082-242342 / 082-234872  
Faks : 082-242191 / 082-239876



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor

Wisma Audit, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14  
40000 Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-55147400 Faks : 03-55147405



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Pahang

Wisma Audit, Seksyen II, Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan, Pahang  
Tel : 09-5729988 Faks : 09-5729698



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Perak

Wisma Audit, Persiaran Meru Utama  
Bandar Meru Raya, 30518 Ipoh, Perak  
Tel : 05-5279984 / 05-5268646 / 05-5269646  
Faks : 05-5280358 / 05-5280371



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Kedah

Aras 3, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
06550 Bandar Muadzam Shah, Kedah  
Tel : 04-7309855 / 04-7310624 / 04-7310625  
Faks : 04-73277417



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu

Tingkat 11, Wisma Persekutuan  
20518 Kuala Terengganu, Terengganu  
Tel : 09-6221040 Faks : 09-6225194



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Kelantan

Wisma Audit, Bandar Baru Tunjong  
Jalan Pasir Mas-Salor, 15518 Kota Bharu, Kelantan  
Tel : 09-7418460 Faks : 09-7445399



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Pulau Pinang

Tingkat 2, Wisma PERKESO, No.3012, Lebuhraya Tengah  
13700 Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang  
Tel : 04-3904967 Faks : 04-3905017



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Melaka

Wisma Audit, Persiaran MITC  
Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka  
Tel : 06-2325141 / 06-2325184 Faks : 06-2325771



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan

Wisma Audit, Jalan Haruan 2, Oakland Commercial Centre,  
Seremban 2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan  
Tel : 06-7629700 / 06-7635996 / 06-7613076 / 06-7627037  
Faks : 06-7639817



#### Jabatan Audit Negara, Negeri Perlis

Tingkat 1, Bangunan Persekutuan,  
Persiaran Jubli Emas 01000 Kangar, Perlis  
Tel : 04-9770013 / 04-9761351 Faks : 04-976 5015

# Pernyataan Korporat



## LAMBANG PERSEKUTUAN

Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada KAN bagi melaksanakan pengauditan akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

## DUA TANGKAI PADI

Melambangkan usaha dan kegigihan warga Audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh JAN.

## BENTUK BULAT

Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga Audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi.

## WARNA MAROON


Melambangkan imej korporat dan identiti JAN.

## WARNA KUNING

Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik KAN atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

## WARNA PUTIH

Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam.



## Pelantikan Ketua Audit Negara

KAN dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang telah memegang jawatan KAN boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesebuah Negeri. KAN boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan tetapi tidak boleh dilucutkan jawatannya kecuali atas asas dan kaedah yang sama bagi melucutkan jawatan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

## Mandat Audit

Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menggariskan tanggungjawab KAN untuk mengaudit Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Awam Lain dan Badan-Badan yang ditentukan dengan perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mandat bagi pengauditan Syarikat Kerajaan/Anak Syarikat Kerajaan juga diterima melalui Perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. LKAN bagi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Parlimen. Manakala LKAN bagi Kerajaan Negeri dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar/Yang di-Pertua Negeri untuk dibentangkan di Parlimen dan DUN.

KAN berkuasa penuh untuk mendapatkan segala maklumat dan keterangan serta penjelasan dalam menjalankan kewajibannya. Beliau berhak memeriksa semua dokumen dan boleh meminta individu tertentu memberi keterangan secara bersumpah serta memberi kuasa kepada mana-mana individu menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan bagi pihak beliau. Di samping itu, KAN juga boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan bagi menjalankan tugasnya. Segala keterangan dan maklumat yang didapati oleh KAN berkaitan dengan kewajibannya adalah rahsia.

## Visi

Untuk Menjadi Penyumbang Utama Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dan Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam Menjelang Tahun 2020.

## Misi

Melaksanakan Pengauditan Secara Profesional Dan Bebas Serta Mengemukakan Laporan Seimbang Kepada Parlimen Dan Dewan Perundangan Negeri Ke Arah Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam

## Objektif


- Menyediakan Laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa untuk dikemukakan kepada Parlimen / DUN
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada stakeholders dan auditi
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan
- Menjadi Jabatan contoh

## Piagam Pelanggan

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka

## Slogan Kualiti

‘Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti’



## Dasar Kualiti

- JAN adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa
- JAN adalah komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua Objektif Kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan

## Objektif Kualiti

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap
- Menyiapkan pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh mula pengauditan
- Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun

## Budaya Korporat

- **INTEGRITI**  
Mematuhi kod etika profesional dalam melaksana dan melaporkan penemuan Audit
- **ESPRIT DE CORPS**  
Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat *esprit de corps* dan berinovasi
- **BERTANGGUNGJAWAB**  
Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai Juruaudit atau kakitangan Jabatan
- **PROFESIONALISME**  
Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja
- **KEBEBASAN**  
Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan keperluan Akta Audit 1957
- **KUALITI**  
Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan


## Sejarah dan Evolusi

Institusi Audit telah wujud di Tanah Melayu sejak pentadbiran penjajah British pada awal abad ke 19. Pada ketika itu Audit wujud secara berasingan mengikut negeri iaitu Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat. Institusi Ketua Audit Negara bagi Semenanjung Tanah Melayu wujud pada tahun 1906 apabila Ketua Audit Negara untuk Negeri Melayu Bersekutu pertama dilantik. Beliau bertanggungjawab terhadap fungsi audit bagi 4 negeri yang berpusat di Kuala Lumpur. Pada tahun 1932 kedua-dua Institusi ini digabungkan dan diletakkan di bawah kawalan *Director of Colonial Audit* yang berpusat di London. Tugas pengauditan dipertanggungjawabkan kepada *Auditor of the Straits Settlements and the Federated Malay States*, berpusat di Kuala Lumpur. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, jawatan *Director of Audit Malaya* ditukar kepada nama Jabatan Audit Negara. Perlantikan Ketua Audit Negara serta tanggungjawabnya termaktub di bawah Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan daripada pihak Inggeris, sebahagian besar jawatan tertinggi Kerajaan pada ketika itu termasuklah jawatan Ketua Audit Negara masih lagi disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Hanya pada tahun 1963, Jawatan Ketua Audit Negara yang pertama disandang oleh anak tempatan iaitu En. S. Kandiah memandangkan sebelum dari tarikh ini jawatan tersebut dilantik di kalangan pegawai *British Colonial Audit Service*.

### 1906-1946

Pengauditan audit pada masa itu lebih tertumpu kepada aspek transaksi bagi mengukuhkan lagi sistem pentadbiran kewangan pihak penjajah sehinggalah penubuhan Malayan Union.

Pada tahun 1934 bentuk Laporan Audit telah dipinda dan di bahagikan kepada dua Bahagian iaitu Bahagian 1 mengenai pengesahan terhadap akaun dan Bahagian 2 mengenai hasil pengauditan yang dijalankan terhadap pengendalian akaun dan penyimpanan rekod.



## 1948-1956

Pada tahun 1948, kandungan Laporan Audit mula mengasingkan Laporan Audit Persekutuan dan Laporan Audit Negeri. Format Laporan Audit lebih berbentuk pengesahan penyata dan pengurusan kewangan.

Mulai tahun 1956 selain daripada pengesahan kepada penyata kewangan, Laporan Audit membangkitkan isu mengenai kelewatan penyerahan penyata, kawalan dalaman, penelewangan, kehilangan dan juga melaporkan pengurusan kewangan di Jabatan dan Kementerian.

## 1957

Pendekatan audit berdasarkan kuasa yang diperuntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Pendekatan lebih tertumpu kepada aspek kewangan dan pematuhan.

Selepas merdeka bentuk pengauditan masih menekankan kepada pengesahan penyata kewangan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang.

## 1960-1968

Mulai tahun 1960 Laporan Audit disediakan dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu

*Program and Performance Budgeting System* diperkenalkan. Pendekatan audit pada masa ini mula member penekanan terhadap pelaksanaan projek Kerajaan. Oleh itu pendekatan audit berorientasikan pencapaian mula dilakukan walaupun tidak ada peruntukan undang-undang.

## 1978-1983

Pendekatan audit telah diperluaskan lagi dengan pindaan Akta Audit 1957 pada tahun 1978 dan 1983 iaitu untuk melaksanakan pengauditan prestasi terutama terhadap pelaksanaan projek Kerajaan.

## 1986

Pengauditan kewangan terhadap Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mula diswastakan kepada Firma Audit Swasta

## 2000-2005

Pendekatan pengauditan yang mesra auditi diperkenalkan melalui Program Pembaharuan Jabatan. Beberapa perubahan dari segi pendekatan audit diperkenalkan untuk membantu pihak auditi seperti: Program Anak Angkat, Khidmat Nasihat terhadap Sistem Kawalan Dalaman, Pengauditan Pengurusan dan Pembangunan Sistem ICT dan Projek Alam Sekitar, Forensik dan Sistem ICT. Warta dikeluarkan untuk pengauditan langsung oleh Jabatan terhadap 496 buah Syarikat dan anak Syarikat Kerajaan.

Pembinaan Akademi Audit Negara pada tahun 2005 sebagai landasan untuk mempertingkatkan imej dan profesionalisme juruaudit sektor awam.

## 2006-2014

Bermula pada tahun 2006, Jabatan telah mengeluarkan dua LKAN yang berasingan iaitu LKAN mengenai Aktiviti dan Pengurusan Syarikat bagi Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Penstrukturan semula JAN yang dibuat pada tahun 2007 dengan penubuhan Sektor Audit Khas & Penyelidikan yang merangkumi bahagian pengkhususan seperti Pengurusan Air, Alam Sekitar, Kajian Khas dan ICT.


Tahun 2007 juga telah diperkenalkan Indeks Akauntabiliti bagi mengukur prestasi pengurusan kewangan Kementerian, Jabatan dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Pada tahun 2009, Kerajaan telah bersetuju dengan pengkaderan jawatan Juruaudit Dalam di Kementerian/Jabatan di mana Juruaudit JAN telah ditempatkan di Unit Audit Dalam yang berkenaan.

Budaya perkongsian pengetahuan dan pengalaman melalui penulisan mula diterapkan pada awal tahun 2011 dengan penerbitan dua edisi Jurnal Pengauditan Sektor Awam setahun.

Penubuhan 13 Pasukan Rujukan pada tahun 2013 bagi membantu kompetensi juruaudit baru dan sedia ada atau sebagai *reference point* kepada mereka.

Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 berhubung pemanbahbaikan terhadap proses pelaporan iaitu pembentangan tiga siri LKAN, Penubuhan Jawatankuasa Tindakan, Pembangunan AG's Dashboard dan Inkuisisi Putrajaya pada tahun 2013. Sehubungan dengan itu Bahagian Susulan Audit diwujudkan selaras dengan pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 tersebut.



# Mantan Ketua Audit Negara

*Auditor General of the Federated Malay States/States of the Straits Settlement*

1906 - 1911 W.J.P Hume  
1911 - 1919 F.W Talbot  
1919 - 1931 G.P Bradney

*Auditor General of the Colonial Administration*

1932 - 1936 G.P Bradney  
1936 - 1946 L.G Corney

*Auditor Malayan Union*

1946 - 1947 R. McDonald

*Director of Audit, Malaya*

1948 - 1951 R. McDonald  
1951 - 1954 C.W.S Seed



H.M. Watson  
1957 - 1960



D.G. Bompas  
1960 - 1966



S.Kandiah  
1966 - 1969



Haji Mohd Zain bin  
Ahmad  
1969 - 1975



Tan Sri Ahmad Noordin  
bin Haji Zakaria  
1975 - 1986



Tan Sri Dato' Ishak bin  
Tadin  
1986 - 1994



Datuk Haji Mohd. Khalil  
bin Dato' Haji Mohd  
Noor  
1994 - 2000




Tan Sri Dr. Hadenan  
bin A. Jalil  
2000 -2006

# Carta Organisasi Jabatan Audit Negara

Ketua Audit Negara Malaysia

## Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Timbalan Ketua Audit Negara





# Pengurusan Tertinggi Jabatan Audit Negara



1. **YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang**  
Ketua Audit Negara
2. **YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri**  
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)
3. **YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman**  
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)
4. **YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng**  
Pegawai  
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
5. **YBhg. Datuk Hj. Aziz bin Mohd Akil**  
Pegawai  
Sektor Pengurusan
6. **YBhg. Datuk Juhari bin Haron**  
Pegawai Bahagian Audit Susulan
7. **YBhg. Dato' Hj. Che Isa bin Che Kob**  
Pegawai  
Sektor Audit Kerajaan Negeri
8. **En. Zulkipli bin Abdullah**  
Pegawai  
Sektor Audit Khas dan Penyelidikan
9. **Tn. Hj. Abdul Rashid bin Yaakub**  
Pegawai Bahagian I  
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
10. **Pn. Hjh. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad**  
Pegawai Bahagian II  
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
11. **Ir. Md. Wahid bin Mohd Nor**  
Pegawai  
Bahagian Pengauditan Air  
Sektor Audit Khas dan Penyelidikan

# LAPORAN AKTIVITI SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN



## LAPORAN AKTIVITI SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN

### PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2013


Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 telah diserahkan oleh Akauntan Negara Malaysia kepada KAN pada 28 Februari 2014 untuk diaudit dan disahkan selaras dengan peruntukan Seksyen 16 Akta Tatacara Kewangan 1957. Pengauditan telah dijalankan sepanjang bulan Mac dan April 2014 dan *pre-exit conference* bersama wakil-wakil dari semua Kementerian telah diadakan pada 30 Mei 2014 bagi membincangkan penemuan Audit yang melibatkan Kementerian/Jabatan. Seterusnya *Exit Conference* bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah diadakan pada 4 Jun 2014 bagi membincangkan beberapa isu yang material berkaitan pengesahan Penyata Kewangan. Sijil Ketua Audit Negara telah ditandatangani pada hari yang sama di mana Sijil Bersih telah dikeluarkan.



*Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 pada 28 Februari 2014*



*Exit Conference Penyata Kewangan pada 30 Mei 2014*



## PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2014, JAN telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti di kesemua 24 Kementerian serta 45 Jabatan Persekutuan dan secara *across the board* di Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia.

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun 2013 adalah bertambah baik berbanding 4 tahun sebelumnya. Pada tahun 2013, sebanyak **23 Kementerian** mencapai tahap sangat baik berbanding **22 Kementerian** pada tahun 2012, **19 Kementerian** pada tahun 2011, **17 Kementerian** pada tahun 2010 dan **10 Kementerian** pada tahun 2009. Namun jika dibandingkan dengan tahun 2009, bilangan Kementerian yang berjaya mencapai tahap sangat baik telah meningkat sehingga **130%**.

Manakala prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan bagi tahun 2013 berlaku peningkatan dari segi bilangan jabatan yang mendapat penarafan sangat baik berbanding tahun 2012, 2011 serta tahun-tahun sebelum. Bagaimanapun dari segi peratusan berlaku penurunan memandangkan jumlah jabatan yang diaudit pada tahun 2013 bertambah 6 jabatan berbanding tahun sebelum. Pada tahun 2013, **21 (46.7%)** daripada **45 Jabatan** berada di tahap sangat baik berbanding **21 (53.9%)** daripada **39 Jabatan** pada tahun 2012 dan **21 (50%)** daripada **42 Jabatan** pada tahun 2011.

### TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2013


TAHAP PENARAFAN	KEMENTERIAN					JABATAN				
	2009	2010	2011	2012	2013	2009	2010	2011	2012	2013
Sangat Baik	10	17	19	22	23	4	13	21	21	21
Baik	15	8	6	3	1	36	22	20	18	24
Memuaskan	-	-	-	-	-	4	-	1	-	-
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>25</b>	<b>24</b>	<b>44</b>	<b>35</b>	<b>42</b>	<b>39</b>	<b>45</b>


**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2013 BAGI KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI DEWAN SERI SIANTAN, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA PADA 19 JANUARI 2015**




YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara bergambar bersama barisan Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Jabatan yang mendapat 4 Bintang dalam Pengurusan Kewangan AI bagi Tahun Kewangan Berakhir 2013

Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi Jabatan Penerangan adalah seperti berikut:





Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi Jabatan Pendaftaran Negara adalah seperti berikut:




## PENGAUDITAN PRESTASI

Sepanjang tahun 2013, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 65 program/aktiviti/projek di bawah 27 Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan 2 syarikat Kerajaan. Pengauditan prestasi yang dijalankan adalah seperti di jadual dan carta berikut:


### PENGAUDITAN PRESTASI YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2014

BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK
1.	Cukai Pendapatan	Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM)
		Pengurusan Cukai Pegangan
		Pengurusan Cukai Perniagaan Bukan Syarikat (OG)
		Pengurusan Siasatan Dan Pengendalian Rayuan
		Pengurusan Guaman Sivil


BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK
2.	Jabatan Perdana Menteri	Pengurusan Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah
		Pengurusan Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Sabah, Sarawak
		Pengurusan Perolehan Penyenggaraan Kapal/Bot Oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
		Pengurusan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
		Pengurusan Kwarters Kerajaan, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)
3.	Kastam	Projek Pembangunan Pelancongan Di Pulau Langkawi
		Pengurusan Cawangan Auditan Syarikat
		Taksiran Terhadap Kenderaan Import
4.	Kementerian Dalam Negeri	Pengurusan Stor Pusat (Dengkil)
		Pengurusan Kwarters Di Jabatan Imigresen Malaysia
		Pengurusan Kwarters, Polis Diraja Malaysia
		Pengurusan Senjata Api Pasukan Sukarelawan Malaysia (Rela), Ibu Pejabat Rela
		Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pga Simpang Renggam, Johor
5.	Kerja Raya	Pengauditan Terhadap Pengurusan Kwarters Di Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
		Pengauditan Terhadap Pengurusan Kwarters Jabatan Penjara Malaysia (JPM)
		Projek Pembinaan Kolej Matrikulasi Kelantan
		Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Kontinjen Polis (IPK) Johor
		Pengurusan Kerja Awal (Preliminaries) Dalam Dokumen Kontrak Kerja JKR, Ibu Pejabat JKR
		Program Penyenggaraan Pejabat Kerajaan Di Putrajaya



BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK
		Pengurusan Projek Pembinaan <i>Specialist And Complex Ambulatory Care Centre</i> , HKL
		Pengurusan Perkhidmatan Klinik Bergerak
6.	Kesihatan	Sistem Kutipan Hasil Di Hospital IT Kementerian Kesihatan Malaysia
		Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital
		Pengurusan Projek Pembinaan Ambulatory, Care Centre Hospital Kota Bharu, Kelantan (Fasa 2)
		Pengurusan Projek Pembinaan Institut Kanser Negara
		Pengurusan Perolehan Peralatan Politeknik
		Perolehan Peralatan ICT, KPM
7.	Pendidikan	Pengurusan Pembangunan Naik Taraf Politeknik Premier
		Pengurusan Penyenggaraan Institut Pendidikan
		Projek Bekalan Air Bersih di Sekolah Luar Bandar
		Projek Pembinaan Sekolah Menengah
		Pengurusan Penghasilan Buku Teks
		Projek Infrastruktur Jalur Lebar Utk. Org. Ramai Di Sabah Dan Sarawak (Broadband For General Population - BBGP)
8.	Penerangan	Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian Untuk Penghantaran Siaran dan Operasi Serta Penyelenggaraan Pemancar Televisyen RTM, Kementerian Komunikasi Dan Multimedia
		Pengurusan Geran Bagi Projek Di Bawah My Creative Content (MYCC), KKMM
		Pengurusan Pembangunan Rangkaian Sensor Tanpa Wayar (Wireless Sensor Network-WSN), Kementerian Komunikasi Dan Multimedia
9.	Pengangkutan	Pengurusan Kuarters Penerbangan Awam
		Projek Sambungan ERL Dari KLIA 1 Ke KLIA 2



BIL.	CAWANGAN AUDIT	TAJUK
10.	Pertahanan	Pengurusan Wisma Perwira ATM, Jln Padang Tembak, Kuala Lumpur
		Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara, Di Kepala Batas, Alor Setar, Kedah
		Pengurusan Wisma Transit Kuala Lumpur
		Projek Pembangunan Kem Batalion Infrantri Di Batu Pahat, Johor
		Perolehan 2 Buah Kapal Latihan Untuk Kegunaan Tentera Laut Malaysia
		Pembinaan Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS) Presint 1, Putrajaya
		Perolehan Dan Penggunaan 12 Unit Utiliti Helikopter Eurocopter Ec725 Dengan Keupayaan Mencari Dan Menyelamat (Search And Rescue)
11.	Pertanian	Pengurusan Subsidi Beras ST15% dan S15%
		Projek NKEA Agriculture - Replikasi Model Penternakan Akuakultur Bersepadu/ <i>Replicating Integrated Zone for Aquaculture Model (IZAQ)</i> .
12.	PKJ I	Pengauditan Pengurusan Perolehan Peralatan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia
		Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek Pedestrian Network, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
		Pengurusan Projek Tebatan Banjir, Jabatan Pengairan Dan Saliran
		Pengurusan Tabung Pelancongan Dan Kebudayaan, Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan
13.	PKJ II	Projek-Projek Kecil Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan- Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT
		Program Pembangunan Penempatan Tersusun (PPPT) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), KKLW
14.	PKJ III	Pengauditan Terhadap Pengurusan Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (Non Revenue Water), KeTTHA
		Pengurusan Pembesaran Empangan Mengkuang, Pulau Pinang, KeTTHA
		Pengurusan Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Sabah
16.	JAN Sabah	Kerja-Kerja Pembaikan Sekolah Di Negeri Sabah Di Bawah Perolehan Darurat (AP 173.2)
		Program Bekalan Air Luar Bandar Di Negeri Sabah
17.	JAN Sarawak	Pengurusan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Di Negeri Sarawak
		Pengurusan Penyenggaraan Sekolah-sekolah Di Negeri Sarawak



*Pengurusan Penyenggaraan Kapal/Bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia*



*Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Sabah dan Sarawak*



*Pengurusan Program KAFA (JAKIM)*

## PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pada tahun 2014, pengauditan telah dijalankan terhadap 10 syarikat Kerajaan Persekutuan, di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan. Syarikat yang diaudit adalah seperti berikut:

### PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN TAHUN 2014


BIL.	SYARIKAT
1.	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)
2.	TPM Biotech Sdn. Bhd.
3.	Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.
4.	JKP Sdn. Bhd.
5.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd
6.	Bank Pertanian Malaysia Berhad
7.	MAVCAP Biotech Sdn. Bhd.
8.	Human Resource Development Fund
9.	UDA Dayaurus Sdn. Bhd.
10.	Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB)



*Kajian Agro Bank*



*Kajian Agro Bank*



## PENGAUDITAN LAIN

### KAJIAN KHAS

Pengauditan ini dilaksanakan terhadap aktiviti tertentu atas permintaan Agensi Pusat/ *stakeholders* serta bagi memenuhi keperluan/syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan pihak pemegang konsesi. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN
1.	Pembinaan Projek MRT Lembah Kelang
2.	Pengurusan Projek <i>River Of Life - Beautification Phase</i>
3.	Semakan Terhadap Tuntutan Kos Pembangunan Infrastruktur Putrajaya oleh Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.
4.	Pengesahan Tuntutan Subsidi RAS MASWings Sdn. Bhd.
5.	Pengesahan Tuntutan <i>Marginal Cost Sum Passenger Service Charge</i> , Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)

### PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA


Sepanjang tahun 2014, pengauditan ke atas 8 negara yang melibatkan 26 pejabat perwakilan telah melibatkan pegawai SAKP seperti berikut:

BIL.	NEGARA	PEJABAT DILAWATI	PEGAWAI SAKP TERLIBAT
1.	Bern, Switzerland	Kedutaan Besar Malaysia	
2.	Dubai, United Arab Emirates	Konsulat Jeneral Malaysia	Pn. Mona binti Othman
		Pejabat Pelancongan Malaysia	
		Pusat Promosi Pengajian Malaysia	Cik Siti Nurzuraihah binti Tumiran
		Pejabat MATRADE	

BIL.	NEGARA	PEJABAT DILAWATI	PEGAWAI SAKP TERLIBAT
3.	Manila, Filipina	Pejabat Kedutaan Besar Malaysia	Pn. Faizah binti Osman Pn. Suhaizai binti Ideris
		Atase Pertahanan	
		Pejabat MATRADE Pejabat Pelancongan Malaysia	
4.	Phnom Penh, Cambodia	Pejabat Kedutaan Besar Malaysia	
		Atase Pertahanan	
		Pejabat MATRADE	
5.	New York, Amerika Syarikat	Konsulat Jeneral Malaysia	Pn. Fatimah binti Hamid
		Pejabat MIDA	
		Pejabat MATRADE Pejabat Pelancongan Malaysia	
6.	Washington, Amerika Syarikat	Pejabat Kedutaan Besar Malaysia	
		Atase Pertanian	
		Jabatan Perkhidmatan Awam	
7.	Jakarta, Indonesia	Pejabat Kedutaan Besar Malaysia	Tn. Hj. Mohd Nasri bin Mohd Nasir Pn. Zuraidah binti Redzuan
		Atase Pertahanan	
		Pejabat MATRADE Pejabat Pelancongan Malaysia	
8.	Singapura	Suruhanjaya Tinggi Malaysia	
		Pejabat MATRADE	
		Pejabat Pelancongan Malaysia	

#### LAWATAN KERJA

Di samping menjalankan pengauditan pejabat perwakilan luar negara, SAKP juga mengaturkan lawatan kerja ke negara Singapura bertujuan untuk mempelajari pengalaman dan teknik pengauditan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang telah dilaksanakan oleh *Auditor General Office Of Singapore* (AGO). Lawatan ini memberi pendedahan kepada pegawai Audit untuk menjalankan pengauditan GST dengan berkesan apabila GST dilaksanakan pada 1 April 2015.



*Pejabat Pelancongan Malaysia, Dubai, United Arab Emirates*



*Kedutaan Besar Malaysia, Berne, Switzerland*



*Atase Pertahanan, Manila, Filipina*



*Pejabat Kedutaan Besar Malaysia, Phnom Penh, Cambodia*



*Pejabat Pelancongan Malaysia, New York*



*Pejabat Kedutaan Besar Malaysia, Washington*

Pegawai yang terlibat dalam lawatan ini adalah seperti berikut:

- YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)
- En. Paul Chai Sin Ngee, Timbalan Audit Persekutuan Kastam (Cawangan Audit Kastam)
- En. Tuan Azhar bin Tuan Hassan, Ketua Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Khas dan Penyelidikan)
- Cik Johaniffa binti Jamil, Penolong Pengarah Audit (Cawangan Audit Kastam)
- En. Ambrose ak Nyusung, Penolong Pengarah Audit (JAN, Negeri Sarawak)



*Pegawai JAN bersama pegawai AGO Singapura*


#### **PENILAIAN KHAS**

Atas permintaan Kementerian Kewangan, JAN telah membuat penilaian khas terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah bertujuan untuk pengesahan jawatan mereka. Sepanjang tahun 2014, penilaian telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan seramai 22 pegawai JUSA. Penglibatan JAN dalam membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbangkan kepada pengukuhan pengurusan sektor awam memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan baik.





1. **En. Noor Hishamuddin Shah bin Mohamad Shafiee**  
Pengarah Audit Negeri Perlis
2. **En. Abid bin Abdul Jalil**  
Pengarah Audit Negeri Melaka
3. **YBhg. Datin Seri Dato' Shamsiah binti Hj. Daud**  
Pengarah Audit Negeri Perak
4. **YBhg. Datin Siti Zaleha binti Bakar**  
Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang
5. **Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan**  
Pengarah Audit Negeri Sarawak
6. **En. Zaaba bin Zainuddin**  
Pengarah Audit Negeri Sabah
7. **Pn. Ang Nai Har**  
Pengarah Audit Negeri Selangor



8. **En. Abd Wahab bin Ahmad**  
Pegarah Audit Negeri Johor

9. **En. Mohamed Ziadi bin Zakaria**  
Pegarah Audit Negeri Kelantan

10. **En. Roslan bin Abu Bakar**  
Pegarah Audit Negeri Terengganu

11. **Pn. Wan Bushra binti Wan Yusoff**  
Pegarah Audit Negeri Kedah

12. **En. Rezuoi bin Abdullah**  
Pegarah Audit Negeri Pahang

13. **En. Zulkifli bin Tungal**  
Pegarah Audit Negeri Sembilan


## LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN JAN TAHUN 2014 SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI

### PENGAUDITAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Semua 13 Kerajaan Negeri telah menyerahkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 lebih awal untuk diaudit sebelum atau pada 12 Mac 2014 berbanding 26 Mac 2013 bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2012. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan dengan itu semua Kerajaan Negeri telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran.

### TARIKH PENYERAHAN DAN PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2012 BERBANDING 2013

BIL.	NEGERI	TARIKH TERIMA	TARIKH PENSIJILAN	TARIKH TERIMA	TARIKH PENSIJILAN
		2012	2012	2013	2013
1.	Pulau Pinang	11 Januari 2013	26 April 2013	10 Januari 2014	24 April 2014
2.	Perlis	23 Januari 2013	30 April 2013	23 Januari 2014	9 Mei 2014
3.	Kedah	31 Januari 2013	27 Mei 2013	28 Januari 2014	17 Jun 2014
4.	Negeri Sembilan	15 Januari 2013	2 Mei 2013	5 Februari 2014	2 Jun 2014
5.	Selangor	7 Februari 2013	30 Mei 2013	6 Februari 2014	20 Mei 2014
6.	Perak	8 Februari 2013	14 Jun 2013	6 Februari 2014	23 Mei 2014
7.	Terengganu	7 Februari 2013	28 Mei 2013	10 Februari 2014	27 Mei 2014
8.	Kelantan	28 Februari 2013	10 Jun 2013	24 Februari 2014	5 Jun 2014
9.	Johor	22 Februari 2013	7 Jun 2013	26 Februari 2014	18 Jun 2014
10.	Sarawak	26 Mac 2013	24 Jun 2013	28 Februari 2014	28 Mei 2014
11.	Pahang	7 Mac 2013	25 Jun 2013	28 Februari 2014	24 Jun 2014
12.	Melaka	18 Mac 2013	18 Jun 2013	7 Mac 2014	26 Jun 2014
13.	Sabah	18 Mac 2013	28 Jun 2013	12 Mac 2014	23 Jun 2014



## PENGAUDITAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 310 Penyata Kewangan Agensi Negeri telah diterima oleh Jabatan Audit Negara. Prestasi penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri sebelum atau pada 30 April 2014 menunjukkan peningkatan iaitu 5.1% berbanding penyerahan penyata kewangan tahun 2012 sebanyak 4%. Bagaimanapun, 2 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2013 masih belum diterima oleh JAN pada tahun 2014.

### PRESTASI PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2013

BIL.	AGENSI NEGERI	JUMLAH PENYATA KEWANGAN	TERIMA SEBELUM/PADA 30 APRIL 2014	TERIMA SELEPAS 30 APRIL 2014	BELUM TERIMA
1.	Badan Berkanun Negeri	150	101	47	2
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	147	131	16	-
3.	Majlis Agama Islam	13	8	5	-
JUMLAH		310	240	68	2
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2013			77.4%	21.9%	0.6%
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2012			72.3%	26.4%	1.3%

Prestasi penganugerahan Sijil Tanpa Teguran bagi Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2013 oleh Ketua Audit Negara sepanjang tahun 2014 menunjukkan peningkatan sebanyak 1.0% berbanding 1.4% pada tahun 2012. Sijil Berteguran bagi penyata kewangan Agensi Negeri Tahun 2013 menurun sebanyak 36.4% iaitu 14 penyata kewangan berbanding 22 penyata kewangan tahun 2012. Di akhir tahun 2014 sebanyak 3 penyata kewangan tahun 2013 sedang dalam proses pengesahan.

### PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2013 DAN 2012

AGENSI NEGERI	SIJIL AUDIT		JUMLAH
	TANPA TEGURAN	BERTEGURAN	
Penyata Kewangan Tahun 2012			
Badan Berkanun Negeri	138	12	150
Pihak Berkuasa Tempatan	138	9	147
Majlis Agama Islam	12	1	13
JUMLAH	288	22	310

Penyata Kewangan Tahun 2013			
Badan Berkanun Negeri	135	10	145
Pihak Berkuasa Tempatan	144	3	147
Majlis Agama Islam	12	1	13
<b>JUMLAH</b>	<b>291</b>	<b>14</b>	<b>305</b>

#### PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI


Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, JAN telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama akan dinilai dan diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit, serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Kawalan Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dinilai. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai penanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

#### • PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2013

Sepanjang tahun 2014, Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan AI telah dilaksanakan di 248 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Pelaksanaan Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan AI ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu Jabatan/Agensi Negeri yang wajib diaudit setiap tahun iaitu Pejabat Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Majlis Agama Islam, manakala Jabatan/Agensi Negeri lain akan diaudit mengikut giliran 3 tahun sekali.

#### PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2013

BIL.	JAN NEGERI	JUMLAH
1.	Johor	23
2.	Kedah	19
3.	Kelantan	16
4.	Melaka	14



BIL.	JAN NEGERI	JUMLAH
5.	Negeri Sembilan	14
6.	Pahang	20
7.	Perak	21
8.	Perlis	9
9.	Pulau Pinang	15
10.	Sabah	38
Mesyuarat *Exit Conference* Penyata Kewangan KWAP 2013 - Mac 2014



Mesyuarat *Exit Conference* dan Penyerahan Sijil Audit Penyata Kewangan LTAT 2013 di Bilik Mesyuarat LTAT - Mei 2014



Penyerahan Sijil Audit Penyata Kewangan 2013 Kepada Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kg. Bharu. - Julai 2014



Lawatan Selepas Mesyuarat *Exit Conference* Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kg. Bharu 2013 - Julai 2014


## PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2014, Sektor Audit BBP telah memberi penarafan terhadap prestasi pengurusan kewangan 39 daripada 127 BBP yang diaudit sepanjang tahun 2013. BBP yang diaudit telah dipilih berdasarkan pemilihan secara giliran setiap 3 tahun dan dinilai berasaskan kriteria yang diukur secara objektif serta menjadi penanda aras ke arah penambahbaikan pengurusan kewangan BBP. Pengauditan yang dilaksanakan terhadap 39 BBP ini merupakan pengauditan pusingan kedua. Ini kerana penarafan pernah dijalankan terhadap BBP tersebut pada tahun 2010/2009 kecuali 5 BBP yang baru ditubuhkan pada tahun 2010 dan kebanyakan elemen kawalannya adalah tidak berkenaan.




Pengauditan Pengurusan Kewangan di KEDA, Kedah

Bagi pengauditan pengurusan kewangan tahun 2013, sebanyak 9 BBP atau 23.1% berada di tahap Sangat Baik, 28 BBP atau 71.8% pada tahap Baik dan 2 BBP atau 5.1% pada tahap Memuaskan berbanding dengan pengauditan terhadap BBP yang sama pada tahun 2010/2009. Pada tahun tersebut sebanyak 10 agensi atau 29.4% berada di tahap Sangat Baik, 22 BBP atau 64.7% di tahap Baik dan 2 BBP atau 5.9% pada tahap Memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2013 berbanding tahun 2010/2009 adalah seperti carta berikut:




**TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2013 BERBANDING TAHUN 2010/2009**



Selain itu, sebanyak 25 BBP telah dipilih untuk pengauditan pengurusan kewangan tahun 2014 seperti jadual berikut:

**SENARAI AGENSI YANG TELAH DIJALANKAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2014**

BIL.	NAMA AGENSI
1.	Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP)
2.	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
3.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
4.	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
5.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
6.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)
7.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
8.	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
9.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
10.	Lembaga Koko Malaysia (KOKO)
11.	Lembaga Lada Malaysia (MPB)
12.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
13.	Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)
14.	Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)
15.	Lembaga Pelabuhan Kuantan (LP KUANTAN)
16.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
17.	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
18.	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
19.	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
20.	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM)
21.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
22.	Perbadanan Pembangunan Tabung Kemahiran (PTPK)
23.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)
24.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
25.	Suruhanjaya Tenaga (ST)



## PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2014, sebanyak 20 pengauditan prestasi dijalankan terhadap pelbagai aktiviti BBP berbanding sebanyak 22 dan 28 pengauditan prestasi masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Tajuk pengauditan prestasi yang bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK KAJIAN
1.	Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya (PPJ)
2.	Pengurusan Perolehan UPNM
3.	Pengurusan Perolehan UM
4.	Pengurusan Perolehan UniSZA
5.	Pengurusan Perolehan USM
6.	Pengurusan Perolehan UMK
7.	Pengurusan Perolehan UNIMAS
8.	Pengurusan Perolehan UMP
9.	Pengurusan Perolehan UTM
10.	Pengurusan Perolehan UiTM
11.	Pengurusan Kemudahan Sukan (MSN)
12.	Pengurusan Perkhidmatan Klinik (LPPKN)
13.	Pengurusan Pinjaman Tabung Kemahiran (PTPK)
14.	Pengurusan Program Tanaman Semula Dan Taman Baru Sawit Pekebun Kecil (MPOB)
15.	Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA)
16.	Pengurusan Perolehan FRIM
17.	Pengurusan Perolehan Aktiviti Promosi Dan Pemberian Penajaan
18.	Pengurusan Pendaftaran Dan Pemilihan Bakal Haji (LTH)
19.	Pengurusan Pelaburan Di United Kingdom (KWSP)
20.	Pengurusan Pembangunan Industri Akuakultur Dan Perikanan (NCIA)

Gambar pengauditan prestasi sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:



Pengauditan Pengurusan Kemudahan Sukan MSN, Kuala Rompin - Disember 2014



Pengauditan Pengurusan Perolehan UMK, Kampus Bachok - November 2014



Pengauditan Pengurusan Perolehan FRIM di Zoo Negara - Oktober 2014




Pengauditan Pengurusan Perolehan FRIM di Sg. Hj. Dorani - November 2014



Pengauditan Pengurusan Perolehan UniSZA, Terengganu - Disember 2014





## PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Bagi tahun 2014 Sektor Audit BBP telah menjalankan pengauditan pengurusan syarikat kerajaan terhadap 12 syarikat subsidiari BBP berbanding 15 syarikat pada tahun 2013 dan 13 syarikat pada tahun 2010. Kesemua 12 syarikat subsidiari adalah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 di mana lebih 50% modal saham dipegang oleh BBP. Senarai syarikat yang diaudit pada tahun 2014 adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	NAMA SYARIKAT SUBSIDIARI
1.	Espek Sdn. Bhd.
2.	Espek Livestock Sdn. Bhd.
3.	Espek Plantations Sdn. Bhd.
4.	Kolej Risda Sdn. Bhd.
5.	Risda Bina Sdn. Bhd.
6.	UKM Technologies Sdn. Bhd.
7.	Akademi Binaan Malaysia (Utara) Sdn. Bhd.
8.	Akademi Binaan Malaysia (Terengganu) Sdn. Bhd.
9.	Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn. Bhd.
10.	Akademi Binaan Malaysia (Johor) Sdn. Bhd.
11.	Akademi Binaan Malaysia (Sabah) Sdn. Bhd.
12.	Akademi Binaan Malaysia (Sarawak) Sdn. Bhd.

## PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pada tahun 2014, Sektor Audit BBP di peringkat Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 140 pejabat/cawangan/syarikat BBP di seluruh negara.

## LAPORAN MESYUARAT PENDEDAHAN GPPK ISSAI, RANCANGAN AUDIT 2015 DAN PENYELARASAN NEGERI SEKTOR BBP 2014

Pada 14 hingga 16 Disember 2014, Sektor Audit BBP telah mengadakan mesyuarat di Hotel Grand Continental, Langkawi, Kedah yang dihadiri oleh seramai 70 warga BBP. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk:


- Menyelaras pelaksanaan GPPK ISSAI bagi meningkatkan pemahaman pegawai BBP mengenai piawaian dan prinsip perakaunan serta pengauditan dengan penekanan kepada keperluan ISSAI;

- Menyelaras aktiviti pengauditan di peringkat BBP (JAN Negeri) dengan Ibu Pejabat supaya terdapat penyeragaman format pengauditan dan mengelakkan pertindihan tugas; dan
- Pembentangan Rancangan Audit BBP Tahun 2015 supaya semua juruaudit BBP (Ibu Pejabat dan Negeri) mengetahui tugas masing-masing dan KPI yang ditetapkan.

Pengarah Sektor Audit BBP memaklumkan penilaian iCATS telah dijalankan terhadap pengauditan Penyata Kewangan di Sektor Audit BBP dan pengauditan prestasi di Sektor Audit Kerajaan Persekutuan. Beliau juga memaklumkan semua pengauditan penyata kewangan perlu dijalankan mengikut Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan (GPPK) berdasarkan ISSAI oleh semua termasuk Firma Audit Swasta. Berbanding dengan GPPK sebelum ini, terdapat elemen baru seperti penilaian risiko; penentuan *estimates*/peruntukan; fraud; ICT dan lain-lain. JAN sedang dalam proses mewujudkan *e-Working Papers* (e-WP) dan berharap e-WP ini akan memudahkan proses pengauditan. Beliau seterusnya berkongsi tentang hasil penilaian *peer review* oleh *National Audit Office* (NAO), United Kingdom yang telah diadakan selama 10 hari di JAN.

Beberapa cadangan telah disyorkan oleh pasukan *peer review*, antaranya adalah mewujudkan satu *dedicated technical team* untuk membolehkan aspek pengauditan dilihat dengan lebih berkesan seperti penilaian *sampling*, *estimates*, memahami keperluan standard perakaunan dan pengauditan. Selain itu, mengadakan *peer review* secara dalaman serta mengkaji semula kebebasan JAN.

Mesyuarat ini telah berjalan dengan lancar di mana sebanyak 6 ceramah mengenai Pengenalan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan, Konsep Dan Pembaharuan Bahagian 1 dan 2, Penilaian Risiko, Materialiti Dan Persampelan, Penyata Kewangan (GPPK) - Kawalan Dalam ICT, Tanggungjawab Juruaudit Berkaitan Fraud Dalam Pengauditan Penyata Kewangan (ISSAI 1240) dan *Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS) Updates* telah disampaikan oleh pegawai Sektor Audit BBP. Selain itu 3 kertas kerja mengenai Rancangan Audit tahun 2015 telah di bentang oleh Timbalan Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah. Mesyuarat telah ditangguhkan selepas penggulungan oleh Pengerusi Mesyuarat dan selepas sesi soal jawab dengan Pengarah Sektor Audit BBP.



Mesyuarat Tahunan Sektor Audit BBP di Langkawi - Disember 2014



Peserta Mesyuarat Tahunan Sektor Audit BBP di Langkawi - Disember 2014

## PELAKSANAAN ISSAI DI BBP

Standard pengauditan ISSAI telah diwujudkan bermula pada tahun 2007 dan standard ini telah mula digunapakai secara rasminya pada Kongres INTOSAI 2010 di Afrika Selatan sebagai sebagai Deklarasi Afrika Selatan. Pada tahun 2013, KAN telah mengarahkan penggunaan ISSAI bagi semua jenis pengauditan SAI Malaysia.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Penasihat Teknikal Sektor Audit BBP dengan kerjasama Pasukan Rujukan Pengauditan Penyata Kewangan Akruan dan Sistem Yang Berkaitan telah menyediakan dan mengemas kini Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan Berdasarkan ISSAI (GPPK ISSAI) untuk mengambil kira keperluan ISSAI. Jawatankuasa Penyediaan GPPK ISSAI telah ditubuhkan pada bulan April 2014 dan dianggotai oleh seramai 16 orang pegawai.

### AKTIVITI PENYEDIAAN GPPK ISSAI

TARIKH	PERKARA
15 April 2014	Pelantikan Ahli Jawatankuasa Penyediaan GPPK ISSAI
25 April 2014	Sesi <i>Brainstorming</i> GPPK ISSAI
1 Mei - 10 Jun 2014	Penyediaan GPPK Mengikut Tugasan Yang Diberikan
11 - 15 Jun 2014	Bengkel Penyediaan Draf GPPK ISSAI di D'Village Resort Melaka
1 - 31 Julai 2014	<i>Pilot Test</i> Draf GPPK ISSAI Oleh Seksyen Tetap
1 - 25 Ogos 2014	Pengemaskinian GPPK ISSAI
26 Ogos 2014	Draf Pendedahan GPPK ISSAI Dikemukakan Kepada Semua Pengarah Audit Untuk Ulasan
30 September 2014	Tarikh Akhir Cadangan Dan Ulasan Diterima Dari Semua Sektor
1 - 31 Oktober 2014	Memuktamadkan GPPK ISSAI
24 November 2014	Pelancaran GPPK ISSAI Pada Hari Audit 1 Malaysia
1 Disember 2014	Tarikh Kuat Kuasa GPPK ISSAI



Taklimat Mengenai Penyediaan GPPK Berdasarkan ISSAI - April 2014

GPPK ISSAI telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris mulai 27 Oktober 2014 dan telah siap sepenuhnya pada 19 November 2014. Tugas terjemahan ini telah dilaksanakan oleh seramai 16 orang pegawai. GPPK ISSAI versi Bahasa Inggeris ini telah digunakan oleh *National Audit Office London* yang telah menjalankan *peer review* dari 1 hingga 12 Disember 2014.

### PELAKSANAAN iCATS DI BBP

Bagi memastikan pematuhan terhadap ISSAI oleh JAN, *ISSAI Compliance Assessment Tools* (iCATS) dilaksanakan untuk menentukan analisis jurang antara standard ISSAI dengan pelaksanaan pengauditan penyata kewangan oleh JAN. Skop iCATS bagi pengauditan penyata kewangan adalah dengan memilih penyata kewangan BBP yang disediakan berdasarkan konsep akruan. Sebanyak 5 pasukan iCATS yang terdiri daripada 10 pegawai telah ditubuh untuk mengaudit dan mengenal pasti tahap pematuhan kepada ISSAI dengan meneliti kertas kerja pengauditan Penyata Kewangan bagi agensi PERKESO, LTH, Perbadanan Aset Kereta Api dan Bank Rakyat. Kesemua kertas kerja penyata kewangan ini dinilai dengan meneliti 531 soalan iCATS bagi pengauditan penyata kewangan. Tugasan ini telah dilaksanakan bermula dari 10 Januari 2014 sehingga 27 Februari 2014.

### PEER REVIEW NAO UK

Pengauditan di peringkat Sektor Audit BBP telah dilaksanakan pada 5 dan 8 Disember 2014. **Seksyen Audit Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP]** telah dipilih sebagai sampel bagi tujuan *peer review* terhadap pelaksanaan Pengauditan Terus Penyata Kewangan. Pengauditan pada 5 Disember 2014 dimulakan dengan taklimat ringkas oleh Pengarah Sektor Audit BBP, YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng di Ibu Pejabat JAN, Putrajaya mengenai tugas, peranan dan tanggungjawab BBP. Taklimat turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah, Ketua-ketua Penolong Pengarah dan wakil pegawai dari Seksyen Audit KWAP.



Bersama Pegawai NAO UK Peer Review di KWAP - Disember 2014




Taklimat oleh YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng, Pengarah Audit Sektor BBP kepada Pegawai NAO UK di Ibu Pejabat JAN - Disember 2014

Taklimat seterusnya di teruskan oleh Pn. Farizah binti Harman berkaitan status pencapaian iCATs bagi Level 1 - 3 bagi Pengauditan Penyata Kewangan. Pasukan Audit NAO UK kemudiannya bertolak ke Menara Yayasan Tun Razak bagi melaksanakan proses *peer review* di Seksyen Audit KWAP meliputi pengauditan Penyata Kewangan KWAP Dan Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013.

## JAWATANKUASA RANGSANGAN EKONOMI JAN

### Pendahuluan

Jawatankuasa Rangsangan Ekonomi Jabatan Audit Negara (REJAN) merupakan idea inovasi daripada KAN semasa mesyuarat Agung Tahunan MASJAN pada 25 Mac 2013. Objektif penubuhan REJAN adalah untuk membantu dan meringankan beban kewangan kakitangan JAN melalui



aktiviti jualan barang-barang keperluan harian dengan harga yang lebih rendah berbanding harga pasaran. Usaha yang dilakukan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat Malaysia dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi di bandar utama.

Penasihat Jawatankuasa adalah YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan dibantu oleh 18 orang ahli dari Sektor Audit BBP dan Cawangan Pengurusan Kompetensi dan Prestasi.

### Aktiviti REJAN

Sepanjang tahun 2014, REJAN telah menjalankan sebanyak 3 aktiviti jualan di Lobi JAN dan Ruang Legar, Sektor Audit BBP iaitu pada 28 April 2014, 26 Jun 2014 dan 7 November 2014. Jualan dilaksanakan melalui tempahan secara *online* dan jualan langsung semasa aktiviti jualan diadakan.



Aktiviti Jualan REJAN



# LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN SUSULAN AUDIT



## LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN SUSULAN AUDIT

**B**ahagian Susulan Audit (BSA) telah ditubuh dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) pada 22 Februari 2013 selaras dengan inisiatif Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0.

### PAPARAN AG'S DASHBOARD

Antara aktiviti utama BSA adalah mengemaskinikan paparan AG's Dashboard berdasarkan kajian Audit yang dimasukkan dalam LKAN untuk setiap siri setiap tahun bermula dari LKAN tahun 2011.

Setakat bulan Disember 2014, tujuh LKAN untuk tahun 2011, 2012 dan 2013 telah dibentangkan di Parlimen. BSA telah memaparkan sebanyak 1,571 isu untuk tujuh LKAN tersebut seperti di jadual berikut:

**KEDUDUKAN STATUS ISU LKAN PADA AG'S DASHBOARD  
(PERBANDINGAN ASAL DAN PERUBAHAN SETAKAT 30 DISEMBER 2014)**

LKAN TAHUN	MERAH (Tiada Tindakan)		KUNING (Dalam Tindakan)		HIJAU (Selesai)		BILANGAN ISU
	ASAL*	30 DIS 14	ASAL*	30 DIS 14	ASAL*	30 DIS 14	
2011	0	0	32	10	122	143	154
2012 Siri 1	7	0	36	14	52	76	90
2012 Siri 2	15	0	40	14	33	81	95
2012 Siri 3	17	0	32	9	25	64	73
2013 Siri 1	25	13	142	34	135	255	302
2013 Siri 2	23	13	254	232	178	210	455
2013 Siri 3	11	9	228	231	155	163	403
<b>JUMLAH</b>	<b>98</b>	<b>42</b>	<b>764</b>	<b>557</b>	<b>700</b>	<b>972</b>	<b>1571</b>

Nota \* - Asal merujuk kepada tarikh pembentangan LKAN di Parlimen


LKAN Siri 1/2012 dan Siri 2/2012 - 1 Oktober 2013

LKAN Siri 3/2012 - 2 Disember 2013

LKAN Siri 1/2013 - 7 April 2014


LKAN Siri 2/2013 - 16 Jun 2014

LKAN Siri 3/2013 - 10 November 2014



## MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Sepanjang tahun 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) telah diadakan sebanyak 2 kali. Mesyuarat JTLKAN yang telah dipengerusikan oleh KAN dengan ahli-ahli tetap mesyuarat yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, SPRM, PDRM dan JPA telah membincangkan sebanyak 36 isu-isu yang terdiri daripada kajian Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan. Isu-isu tersebut adalah seperti carta berikut:



### Suasana Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan LKAN



## PUTRAJAYA INKUISISI

Berasaskan Pelan Transformasi 2.0, Putrajaya Inkuisisi (PI) adalah antara inisiatif yang melibatkan JAN. Sepanjang tahun 2014, PI yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia masih dalam peringkat memperhalusi setiap isu yang telah disenarai pendekkan melalui Mesyuarat Pra PI yang telah diadakan pada 25 Januari 2014.

## AKTIVITI-AKTIVITI SOKONGAN

Selain daripada aktiviti-aktiviti utama, berikut adalah antara aktiviti-aktiviti yang melibatkan BSA iaitu seperti:

- Sebagai urusetia dalam penerbitan Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dari Perspektif Jabatan Audit Negara;
- Mesyuarat Tahunan BSA dan Pembentangan *AG's Dashboard V2.0* bersama KAN - 17-19 Disember 2014 (Langkawi, Kedah);
- *Exit Conference* dan Pembentangan draf LKAN bersama KAN;
- Terlibat secara langsung dalam pembangunan *AG's Dashboard V2.0*; dan
- Sesi *Peer Review* dari *UK National Audit Office*.



Mesyuarat Proses Penerbitan Buku Kecemerlangan Dari Perspektif Jabatan Audit Negara (2 - 5 Disember 2014)




Sesi *Peer Review* daripada UK National Audit Office (9 Disember 2014)




Mesyuarat Tahunan BSA dan Pembentangan *AG's Dashboard V2.0* bersama KAN (17-19 Disember 2014) (Langkawi, Kedah)





MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TAHUN 2014






Sepanjang tahun 2014, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan sebanyak 45 mesyuarat dan 2 lawatan berkaitan dengan pengauditan yang dijalankan Ibu Pejabat JAN seperti di jadual berikut:


BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT
1.	16 Januari 2014 Bil 1/2014	Projek Pembinaan Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA 2) - <i>Kementerian Pengangkutan</i>
2.	22 Januari 2014 Bil 2/2014	Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan FINAS Yang Tidak Memuaskan Berdasarkan LKAN 2012 Pengesahan Penyata Kewangan & Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan - <i>Kementerian Komunikasi &amp; Multimedia</i>
3.	23 Januari 2014 Bil 3/2014	- Pengurusan Loji Insinerator - Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan - Cobra Extinguisher - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan
4.	10 Februari 2014 Bil 4/2014	Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah & Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan & Latihan RV Discovery oleh Universiti Malaysia Terengganu - <i>Kementerian Pendidikan</i>
5.	26 Februari 2014 Bil 5/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
6.	27 Februari 2014 Bil 6/2014	Pengurusan Kehilangan Aset Kerajaan - <i>Kementerian Dalam Negeri</i> - <i>Polis DiRaja Malaysia</i>
7.	12 Mac 2014 Bil 7/2014	Persediaan Jabatan Akauntan Negara Untuk Pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan - <i>Jabatan Akauntan Negara</i>
8.	13 Mac 2014	Lawatan Kerja ke Projek Pembinaan Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA 2) - <i>Kementerian Pengangkutan</i>
9.	19 Mac 2014 Bil 8/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT
10.	1 April 2014 Bil 9/2014	Projek Pembinaan Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA 2) - <i>Kementerian Pengangkutan</i> - <i>Malaysia Airport Holdings Berhad</i>
11.	26 Mac 2014 Bil 10/2014	Pengurusan Kehilangan Aset Kerajaan - <i>Kementerian Dalam Negeri</i> - <i>Polis DiRaja Malaysia</i>
12.	2 April 2014 Bil 11/2014	Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan / Sekolah & Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan & Latihan RV Discovery oleh Universiti Malaysia Terengganu - <i>Kementerian Pendidikan</i> - <i>PPKKM</i> - <i>Jabatan Laut Malaysia</i>
13.	7 April 2014 Bil 12/2014	Pembentangan LKAN Tahun 2013 Bagi Siri 1 - <i>JAN</i>
14.	28 April 2014 Bil 13/2014	1. Kuala Lumpur International Airport 2 - Perancang dan Pelaksanaan Operasi AirAsia  2. Kota Kinabalu International Airport - Pindahan Operasi AirAsia dari Terminal 2 ke Terminal 1 - <i>AirAsia Berhad</i>
15.	7 Mei 2014 Bil 14/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
16.	8 Mei 2014 Bil 15/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
17.	14 Mei 2014 Bil 16/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
18.	15 Mei 2014 Bil 17/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
19.	20 Mei 2014 Bil 18/2014	Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan FINAS Yang Tidak Memuaskan Berdasarkan LKAN 2012 Pengesahan Penyata Kewangan & Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan - <i>Kementerian Komunikasi &amp; Multimedia</i> - <i>Datuk Seri Kamarudin Siaraf (Mantan KSU Kementerian)</i> - <i>Datuk Mohd Mahyiddin Mustaqim (Mantan KP FINAS (2006-2-11))</i> - <i>Mohd Naguib Razak (Mantan KP FINAS (2011-2012))</i>
20.	10 Jun 2014 Bil 19/2014	Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah - <i>Kementerian Pendidikan</i>



BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT
21.	11 Jun 2014 Bil 20/2014	Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara - <i>Kementerian Kewangan</i> - <i>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja</i>
22.	17 Jun 2014 Bil 21/2014	Pengauditan Prestasi Projek Lebuhraya Pantai Timur 2 - <i>Kementerian Kerja Raya</i>
23.	18 Jun 2014 Bil 22/2014	Pengauditan Prestasi Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu - <i>Kementerian Pertanian &amp; Industri Asas Tani</i>
24.	16 Jun 2014 Bil 23/2014	Pembentangan LKAN Tahun 2013 Bagi Siri 2 - <i>JAN</i>
25.	19 Jun 2014 Bil 24/2014	Penyelewengan dan Penyeludupan Diesel Bersubsidi - <i>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi &amp; Kepenggunaan</i> - <i>Kementerian Pertanian &amp; Industri Asas Tani</i>
26.	9 Julai 2014 Bil 25/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
27.	17 Julai 2014 Bil 26/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
28.	2 September 2014 Bil 27/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
29.	3 September 2014 Bil 28/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
30.	9 September 2014 Bil 29/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
31.	10 September 2014 Bil 30/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN
32.	24 September 2014 Bil 31/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN + Agensi
33.	30 September 2014 Bil 32/2014	Penyambungan Laluan ERL Dari KLIA ke KLIA 2 - <i>Kementerian Pengangkutan</i>
34.	14 Oktober 2014 Bil 33/2014	Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul - <i>Kementerian Dalam Negeri</i> - <i>Kementerian Kerja Raya</i>

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT
35.	16 Oktober 2014 Bil 34/2014	Pengurusan Perolehan - LKAN Tahun 2013 Siri 2 - <b>FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)</b>
36.	3 November 2014 Bil 35/2014	Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan - <b>Kementerian Kewangan</b> - <b>Lembaga Penyatuan &amp; Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)</b>
37.	28 Oktober 2014 Bil 36/2014	Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo - <b>Kementerian Kewangan</b> - <b>Jabatan Kastam DiRaja Malaysia</b>
38.	29 Oktober 2014 Bil 37/2014	Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda Di Kuala Lumpur - <b>Kementerian Wilayah Persekutuan</b> - <b>Dewan Bandaraya Kuala Lumpur</b>
39.	8 Oktober 2014 Bil 38/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN + Agensi
40.	15 Oktober 2014	Lawatan Kerja ke Pusat Pemprosesan GST, Kompleks Kastam WPKL - <b>Jabatan Kastam DiRaja Malaysia</b>
41.	27 Oktober 2014 Bil 39/2014	Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu - <b>Kontraktor JAKS Resoucers Berhad</b>
42.	5 November 2014 Bil 40/2014	Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan - <b>Kementerian Pengangkutan</b> - <b>Jabatan Pengangkutan Jalan</b>
43.	10 November 2014 Bil 41/2014	Pembentangan LKAN Tahun 2013 Bagi Siri 3 - <b>JAN</b>
44.	10 November 2014 Bil 42/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN + Agensi
45.	11 November 2014 Bil 43/2014	Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran - <b>Kementerian Komunikasi &amp; Multimedia</b>
46.	17 November 2014 Bil 44/2014	Prosedur Pemantauan & Pelesenan Syarikat Kawalan Keselamatan Serta Pengawal Keselamatan - <b>Kementerian Dalam Negeri</b>
47.	17 November 2014 Bil 45/2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC + JAN + Agensi




Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI BAGI TAHUN 2014

Sepanjang tahun 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Bagi Tahun 2014 di peringkat negeri adalah seperti di jadual berikut:

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI JOHOR

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	11 Mac 2014	i. YWJ Citra Holdings Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
		ii. Pejabat Tanah Mersing	Pengurusan Kewangan
		iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	Pengurusan Kewangan
2.	6 April 2014	i. Johor Skills Development Centre Sdn. Bhd. (PUSPATRI)	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
		ii. Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
		iii. Majlis Agama Islam Negeri Johor	Sistem Pengurusan Perakaunan (e-MAIJ)
		iv. Unit Sains Teknologi & ICT Johor	Sistem Nikah Cerai & Rujuk (e-NCR)
3.	20 April 2014	i. Yayasan Warisan Johor	Pengurusan Perolehan Muzium
		ii. Pejabat Daerah Ledang	Pengurusan Kewangan
		iii. Majlis Daerah Pontian	Pengurusan Kewangan
		iv. Majlis Daerah Pontian	Pengurusan Penswastan Pembangunan Komersial
		v. Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	Perolehan Dan Pengurusan Buku
4.	4 Mei 2014	i. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	Penyenggaraan Bangunan Kerajaan Pusat Pentadbiran Baru Negeri Johor Di Kota Iskandar
		ii. Pejabat Tanah & Galian Johor	Bayaran Perkhidmatan Pejabat Tanah
		iii. Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	Pengurusan Kewangan
		iv. JCORP Hotel & Resort Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
		v. TPM Technopark Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri



BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
5.	20 Julai 2014	i. Majlis Daerah Simpang Renggam	Pengurusan Pasar Awam Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar
		ii. Yayasan Pelajaran Johor	Pengurusan Tuisyen Hikmah
		iii. Majlis Daerah Labis	Pengurusan Kewangan
6.	12 Ogos 2014	i. Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	Projek Pembinaan Jalan Dan Jambatan
		ii. Jabatan Agama Johor	Pengurusan Sekolah Agama Kerajaan Johor
		iii. Unit Sains Teknologi Dan ICT Negeri Johor	Sistem Elektronik Pelesenan
		iv. Pejabat Menteri Besar	Pengurusan Kemudahan Awam Di Luar Bandar
7.	9 September 2014	PUSPATRI	Lawatan Ahli PAC ke PUSPATRI di Pasir Gudang
8.	7 Disember 2014	i. Damansara Asset Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
		ii. Perbadanan Stadium Johor	Pengurusan Kewangan
		iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	Program Penyenggaraan Jalan Raya Negeri
		iv. Majlis Perbandaran Kulai	

#### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KELANTAN


BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	24 Disember 2013	-	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2014</b> Mengadakan perbincangan dan pemilihan Jabatan/ Agensi untuk Lawatan Pemeriksaan
2.	29 Januari 2014	Majlis Daerah Tumpat (MDT)	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2014</b> Lawatan Pemeriksaan ke MDT
3.	10 Februari 2014	Pejabat Pembangunan Negeri (PPN)	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2014</b> Lawatan Pemeriksaan ke PPN
4.	18 Februari 2014	Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM)	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2014</b> Lawatan Pemeriksaan ke MDPM
5.	19 Mei 2014	Majlis Daerah Gua Musang (MDGM)	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5/2014</b> Lawatan Pemeriksaan ke MDGM

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KEDAH

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	9 Februari 2014	JAN	Taklimat Laporan Audit Tahun 2012
2.	6 Mac 2014	Pejabat Dewan Undangan Negeri	Mesyuarat Menyemak dan Mengesah Draf Laporan
3.	3 April 2014	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Taklimat Jabatan Hutan Mengenai Pengurusan Hutan Di Negeri Kedah
4.	8 Julai 2014	Jabatan Kerja Raya	Taklimat Pengarah JKR Mengenai Projek Yang Sedang Berjalan dan Yang Tertangguh Di Negeri Kedah
5.	20 Julai 2014	Jabatan Kesihatan Negeri Kedah	Taklimat Timbalan Pengarah Kesihatan Mengenai Demam Denggi Di Negeri Kedah
6.	20 Ogos 2014	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah	Pengurusan Hutan Lipur
7.	20 Ogos 2014	Perbadanan Menteri Besar Kedah	Kedah Agro Aquaculture Sdn Bhd
8.	14 Disember 2014	Pejabat Daerah dan Tanah Pendang	Kutipan Hasil Cukai Tanah
9.	16 Disember 2014	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Laka Temin Silaj Sdn Bhd dan PKNK Hotels Sdn Bhd

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI TERENGGANU

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	17 Julai 2014	i. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan (Perumahan)	Rumah Mampu Milik Dan Rumah Pangsa Mampu Milik
2.	17 Julai 2014	i. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan iii. Pertama Terengganu Sdn. Bhd.	Pengurusan Syarikat Pertama Terengganu Sdn. Bhd.
3.	17 Julai 2014	Jabatan Kerja Raya	Penyenggaraan Jalan Negeri
4.	17 Julai 2014	i. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu ii. Majlis Daerah Marang	Pengurusan Perlesenan
5.	17 Julai 2014	Terengganu Inc. Sdn. Bhd	Pengurusan Syarikat Terengganu Inc. Sdn. Bhd.




## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI MELAKA

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	23 Januari 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka</li> <li>ii. Unit Pembela dan Pembangunan Desa, JKMM</li> <li>iii. Perbadanan Ketua Menteri Melaka- Pengurusan Planetarium Melaka Sdn. Bhd.</li> <li>iv. Yayasan Melaka- YM Mediscience Sdn. Bhd.(MICoST)</li> </ul>	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri Melaka Bil. 1/2014
2.	12 dan 13 Jun 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah</li> <li>ii. Jabatan Kerajaan Negeri Melaka</li> <li>iii. Jabatan Agama Islam Melaka</li> <li>iv. Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah</li> <li>v. Yayasan Melaka</li> <li>vi. PERTAM</li> </ul>	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri Melaka Bil. 2/2014
3.	11 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka</li> <li>ii. Jabatan Ketua Menteri Melaka (Unit Khidmat Masyarakat dan Belia)</li> </ul>	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri Melaka Bil. 3/2014
4.	6 November 2014	Jabatan dan Agensi Negeri Melaka	Persidangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (PAC) Negeri 2014

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PAHANG

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	23 Februari 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang</li> <li>ii. Majlis Sukan Pahang</li> <li>iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembangunan Bandar Baru Seberang Jelai, Lipis</li> <li>ii. Program Pembangunan Sukan</li> <li>iii. Penyelenggaraan Jalan Negeri</li> </ul>
2.	26 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Majlis Daerah Cameron Highlands</li> <li>ii. Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands</li> <li>iii. Majlis Daerah Cameron Highlands</li> <li>iv. Majlis Daerah Jerantut</li> <li>v. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh</li> <li>vi. Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pembangunan Tanah Tinggi dan Kesannya Kepada Alam Sekitar</li> <li>ii. Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan</li> <li>iii. Pengurusan Lesen Pendudukan Sementara</li> </ul>
3.	12 November 2014	-	Penyediaan Laporan Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam atas LKAN 2010 & 2011



## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PERLIS

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	15 April 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Perhutanan</li> <li>ii. Majlis Sukan Negeri Perlis</li> <li>iii. Unit Pentadbiran Daerah SUK</li> <li>iv. Yayasan Islam Perlis - Karun Mestika Sdn. Bhd.</li> </ul>	LKAN 2012 Siri 1 & Siri 2
2.	10 Julai 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Tanah Dan Galian</li> <li>ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar</li> <li>iii. Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan SUK</li> <li>iv. Jabatan Kehakiman Syariah</li> <li>v. PKENPs - Pens Holdings Sdn. Bhd.</li> <li>vi. Yayasan Islam Perlis - Infostas Engineering Sdn. Bhd.</li> </ul>	LKAN 2011
3.	17 Oktober 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Kerja Raya</li> <li>ii. Majlis Perbandaran Kangar</li> </ul>	LKAN 2012 Siri 3

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PULAU PINANG


BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	27 Januari 2012	PAC mengenal pasti ketua2 jabatan yang perlu dijemput	Membincangkan LKAN 2012
2.	26 Februari 2014	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian	Pelaksanaan Projek eTanah
3.	17 Julai 2014	PDC Telco, Jabatan Pengairan Dan Saliran, MPPP, MPSP	Isu LKAN 2011 dan 2012 yang tidak selesai
4.	28 Oktober 2014	-	LKAN 2012 dan 2013 Siri I

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI SEMBILAN

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	21 November 2014	SUK	Bil. 3/2014 - Perbincangan mengenai LKAN 2012
2.	14 November 2014	SUK	Bil. 2/2014 - Perbincangan mengenai LKAN 2012
3.	11 November 2014	SUK	Bil. 1/2014 - Perbincangan mengenai LKAN 2011

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI SABAH


BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	19 Februari 2014	Kementerian Kewangan Negeri Sabah Dan Jabatan Bendahari Negeri	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah Kali Pertama
2.	19 dan 20 Mac 2014	12 Jabatan Dan Agensi Negeri Sabah	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah Kali Kedua
3.	9 Disember 2014	JAN Negeri Sabah	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah Kali Ketiga
4.	8 dan 9 Januari 2014	-	Seminar Pengurusan Kewangan Kerajaan Tahun 2014 Anjuran JAN Malaysia
5.	6 November 2014	-	Persidangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Tahun 2014



## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI SELANGOR

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	16 Januari 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bahagian Korporat Negeri Selangor</li> <li>ii. Jabatan Pertanian Negeri Selangor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS)</li> <li>ii. Serangan Perosak Dan Penyakit Padi Di Kawasan Jelapang Negeri Selangor</li> </ul>
2.	23 Januari 2014	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Projek-Projek Jalanraya Di Bawah Peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS)
3.	13 Februari 2014	Tiada	Penyediaan Penyata Jawatankuasa PAC
4.	27 Februari 2014	Tiada	Penyediaan Penyata Jawatankuasa PAC
5.	7 Mac 2014	Tiada	Penyediaan Penyata Jawatankuasa PAC
6.	29 April 2014	JAN Negeri Selangor	LKAN Tahun 2013 Siri 1 - Pengurusan Rumah Kediaman Rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
7.	8 Mei 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor</li> <li>ii. Bahagian Pengurusan, SUK</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perancangan Pembinaan Perumahan Mampu Milik serta Dasar Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor kepada pemaju dalam menetapkan kouta bumiputera bagi perumahan mampu milik</li> <li>ii. LKAN Tahun 2013 Siri 1 - Pengurusan Rumah Kediaman Rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri</li> </ul>


BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
8.	3 Julai 2014	Tiada	Perbincangan Penyediaan Penyata Jawatankuasa PAC
9.	17 Julai 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Agama Islam Selangor</li> <li>ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 iaitu Peruntukan Pembangunan Dibelanjakan Kurang daripada 50% (Sekolah Rendah Agama Bukit Changgang)</li> <li>ii. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Peruntukan Pembangunan Tidak Dibelanjakan</li> <li>b) Peruntukan Pembangunan Dibelanjakan Kurang Daripada 50%</li> </ul> </li> </ul>
10.	9 Oktober 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS)</li> <li>ii. Seksyen Agihan dan Pembangunan (UPEN)</li> <li>iii. Seksyen Sektoral (UPEN)</li> </ul>	LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2012 iaitu Peruntukan Pembangunan Dibelanjakan Kurang Daripada 50%
11.	30 Oktober 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jabatan Kerja Raya Selangor</li> <li>ii. Perbendaharaan Negeri Selangor</li> </ul>	LKAN Tahun 2012 Siri 3 - Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri



## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PERAK

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	6 Januari 2014	i. Bahagian Perumahan Awam SUK ii. Majlis Bandaraya Ipoh iii. RTC Gopeng	Sesi Soal Jawab - Kajian Pengurusan Perumahan Awam Rakyat. Membincangkan Kajian Terhadap Pengurusan Premis Perniagaan di MBI. Membincangkan lanjutan hasil teguran YB. Ketua Setiausaha Negara mengenai pembangunan RTC dengan wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah.
2.	23 Januari 2014	i. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak ii. Kementerian Pengangkutan Malaysia (Bahagian Pembangunan)	Membincangkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Destinasi Lawatan Luar Negara</li> <li>- Pengesahan Status perbincangan LKAN</li> <li>- Cadangan pemberian Elaun Mesyuarat JKWN Perak</li> </ul> Taklimat ringkas dan sesi soal jawab berkaitan Projek Menaik taraf Lapangan terbang Sultan Azlan Shah, Perak.
3.	27 Februari 2014	i. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak ii. JAN Negeri Perak	MMK telah meluluskan Elaun Mesyuarat JKWNP. Mesyuarat diedarkan Maklum Balas daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia terhadap isu Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah. Pengarah Audit Negeri memberi taklimat berkaitan 9 kajian yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2011.
4.	28 Mac 2014	i. Jabatan Kerja Raya ii. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Negeri Perak	Mesyuarat dimaklumkan masalah lubang benam secara terperinci.

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
5.	1 Julai 2014	i. Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan	Sesi Soal Jawab berkaitan Kajian Pembinaan dan Pengurusan TASKA PERMATA kakitangan Awam Negeri Perak.
		ii. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Mendapatkan penjelasan berhubung isu pindah saham Perak Corporation Berhad (PCB).
6.	21 Julai 2014	i. Majlis Daerah Batu Gajah	Membincangkan Laporan Audit berkaitan Peolehan Dan Pengurusan Aset.
		ii. Majlis Daerah Tapah	
		iii. Majlis Daerah Tg. Malim	
		iv. Ketua Eksekutif Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)	Sesi soal jawab berkaitan Bangunan terbengkalai berhampiran Taman Tasik Taiping.
		iii. Yayasan Perak	Pengurusan Kewangan Syarikat YP. Nominees Holdings Sdn. Bhd.
7.	22 September 2014	i. JAN Negeri Perak	Pengarah Audit Negeri memberi taklimat LKAN Tahun 2012 untuk Siri 1 Hingga 3.  JKWNP bersetuju untuk tidak membincangkan Laporan Audit yang berada pada tahap baik dan memuaskan.
		ii. Pejabat Tanah Daerah Batang Padang	Sesi soal jawab dengan Pegawai Daerah Batang Padang dan Manjung mengenai Kajian terhadap Pengurusan Permohonan Dan Pemberimilikan Tanah.
		iii. Pejabat tanah Daerah Manjung	
		iv. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	Mesyuarat memaklumkan destinasi Lawatan Sambil Belajar ialah New Zealand.
		v. Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia	Mesyuarat memutuskan untuk memanggil Jabatan ini untuk penjelasan lanjut berkaitan isu Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah.
8.	5 Disember 2014	i. Jabatan Agama Islam Negeri Perak	Sesi soal jawab berkaitan dengan Kajian terhadap Pengurusan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Perak yang dilaporkan dalam LKAN 2012.
		ii. Pejabat Tanah Daerah Kerian	Sesi soal jawab berkaitan dengan Kajian terhadap Pengurusan Tukar Syarat Tanah yang dilaporkan dalam LKAN 2012.
		iii. Pejabat Tanah Daerah Kampar	



## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI SARAWAK

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
1.	8 hingga 12 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak</li> <li>ii. Kementerian Pembangunan Infrastruktur &amp; Perhubungan</li> <li>iii. Kementerian Perancangan Sumber &amp; Alam Sekitar</li> <li>iv. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak</li> <li>v. Jabatan Ketua Menteri</li> <li>vi. Jabatan Perbendaharaan Negeri</li> <li>vii. Unit Pelaksana Dan Pemantauan Negeri (SIMU)</li> <li>viii. Jabatan Kerja Raya</li> <li>ix. Jabatan Hutan Sarawak</li> <li>x. Jabatan Pengairan &amp; Saliran Sarawak</li> <li>xi. Jabatan Muzium Sarawak</li> <li>xii. Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> <li>xiii. Jabatan Pertanian Sarawak</li> <li>xiv. Majlis Daerah Lawas</li> <li>xv. Pejabat Residen Miri</li> <li>xvi. Yayasan Sarawak</li> <li>xvii. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak</li> <li>xviii. Lembaga Pembangunan &amp; Lindungan Tanah Sarawak</li> <li>xix. Majlis Perbandaran Sibu</li> <li>xx. Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan</li> <li>xxi. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</li> </ul>	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak Kali Ke-47 Terhadap LKAN Bagi Negeri Sarawak 2011 Dan 2012

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT/LAWATAN
2.	24 hingga 26 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</li> <li>ii. Kementerian Kerajaan Tempatan &amp; Pembangunan Komuniti Sarawak</li> <li>iii. Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak</li> <li>iv. Jabatan Pertanian Sarawak</li> <li>v. Jabatan Tanah &amp; Survei Sarawak</li> <li>vi. Jabatan Kerja Raya Sarawak</li> <li>vii. Jabatan Pengairan &amp; Saliran</li> <li>viii. Jabatan Ketua Menteri</li> <li>ix. Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah</li> <li>x. Lembaga Kemajuan Bintulu</li> <li>xi. Lembaga Pembangunan &amp; Lindungan Tanah</li> <li>xii. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak</li> <li>xiii. Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak</li> <li>xiv. Yayasan Sarawak</li> </ul>	Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sarawak Kali Ke-48 Terhadap LKAN Bagi Negeri Sarawak 2012
3.	15 Oktober 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</li> <li>ii. Pejabat Perbendaharaan Negeri</li> <li>iii. Jabatan Ketua Menteri</li> <li>iv. JAN Negeri Sarawak</li> </ul>	Lawatan Kerja Ahli Jawatankuasa Akaun Awam Negeri (PAC) Ke Taman Perindustrian Samalaju, Bintulu



## LAPORAN AKTIVITI SEKTOR AUDIT KHAS DAN PENYELIDIKAN

### BAHAGIAN PENYELIDIKAN

Pada tahun 2014, Bahagian Penyelidikan telah menjalankan beberapa kajian, Garis Panduan, menyediakan kertas kabinet dan laporan. Selain itu, Bahagian Penyelidikan juga bertanggungjawab menguruskan perhubungan antarabangsa dan lawatan delegasi dari luar negara. Selaras dengan Perhimpunan ASOSAI 2015 yang dijadualkan pada 10 hingga 13 Februari 2015, tugasan tambahan di Bahagian Penyelidikan turut meliputi persediaan Perhimpunan tersebut. Di samping itu, Bahagian ini juga menjadi urus setia dan jawatankuasa kepada Persidangan Juruaudit Sektor Awam, Hari Audit 1Malaysia Tahun 2014 dan Seminar Firma Audit Swasta Tahun 2014.

### GARIS PANDUAN

#### PELAN INTEGRITI ORGANISASI



Dokumen Pelan Integriti Organisasi (PIO) JAN ini disediakan sebagai rangka kerja tindakan kepada pihak pengurusan Jabatan untuk melihat dengan lebih mendalam aspek integriti dalam pelaksanaan fungsi dan peranan JAN sebagai sebuah organisasi. Dokumen ini telah dilancarkan dalam satu majlis khusus sempena program Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam di Alor Setar, Kedah pada 22 November 2014. Penyediaan PIO JAN ini adalah selaras dengan kehendak Pelan Integriti Nasional yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Abdullah bin Ahmad Badawi selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020.

Pelan tersebut mengandungi beberapa tonggak utama yang telah melalui fasa penambahbaikan semenjak dilancarkan pada tahun 2004. Rancangan untuk mengeluarkan dokumen PIO Jabatan dimuktamadkan dengan penubuhan unit integriti jabatan. Proses perbincangan telah dijalankan dengan unit-unit dan bahagian serta sektor lain dalam jabatan untuk memastikan kandungan dokumen pelan ini telah mengambil kira peranan setiap kakitangan Jabatan dan tidak tertumpu pada hanya kumpulan perjawatan tertentu sahaja. Kandungan utama dokumen merupakan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan dengan strategi utamanya merangkumi

keberkesanan tadbir urus dan sistem penyampaian, peningkatan kesedaran tentang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dan seterusnya pemantapan sumber manusia jabatan. Adalah diharapkan pelan ini dapat digunakan sebagai rujukan umum bagi setiap sektor dan bahagian dalam jabatan dalam mencapai hasrat dan tujuan meningkatkan keyakinan awam terhadap yang tahap profesionalisme dan integriti anggota dan para pegawai Jabatan.

#### PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN



Penyediaan dokumen pelan pengurusan kesinambungan jabatan dibuat berdasarkan kepada matlamat yang telah digariskan oleh agensi pusat iaitu MAMPU melalui surat arahan Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 22 Januari 2010. Secara umumnya, dokumen PKP bagi sesebuah organisasi mengandungi panduan tertentu yang dapat memastikan kesinambungan perkhidmatan kritikal organisasi tersebut ketika menghadapi gangguan atau bencana. Sepanjang tahun 2014, pembangunan pelan kesinambungan perkhidmatan JAN telah melalui beberapa fasa utama sebelum dokumen lengkapnya dihasilkan iaitu:

- Penghantaran beberapa orang pegawai mengikuti kursus *fast track* pengurusan kesinambungan perkhidmatan (PKP) organisasi di Jabatan Perdana Menteri;
- Pelantikan jawatankuasa utama PKP jabatan iaitu jawatankuasa induk, urusetia penyelaras, pasukan pelan pemulihan bencana (DRP), pasukan pelan tindakan kecemasan (ERT) dan juga pasukan krisis komunikasi (CCT);
- Penetapan risiko bagi tujuan pembangunan PKP yang melibatkan sesi *brainstorming* para pegawai dan kakitangan berpengalaman mewakili setiap bahagian dan sektor jabatan;
- Memuktamadkan dokumen PKP secara kompilasi keseluruhan maklumat dari jawatankuasa yang dibentuk selain simulasi secara dalaman dilaksanakan untuk melihat keberkesanan pelan tersebut.

Dokumen PKP JAN ini telah berjaya dilancarkan pada acara perasmian Hari Audit Satu Malaysia di Alor Setar, Kedah pada 24 November 2014 yang lalu. Adalah diharapkan pelan tindakan yang diwujudkan dalam dokumen ini dilaksanakan bagi mencapai objektif kesinambungan perkhidmatan jabatan. Ianya perlu sentiasa dikemaskinikan secara berkala dengan mengambil kira perkembangan semasa terutamanya apabila melibatkan perubahan pada aspek penetapan jenis dan tahap risiko yang berkaitan dengan fungsi dan aktiviti kritikal organisasi.

## PANDUAN PERSAMPELAN DAN MATERIALITI

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada Juruaudit bagi penyediaan LKAN yang *watertight*, berkualiti dan seimbang. Ia juga bertujuan untuk menyeragamkan format penyediaan LKAN bagi Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan. Garis panduan ini masih dalam proses penyelarasan di peringkat semua sektor.


## KAJIAN

### KAJIAN KEPUASAN BEKERJA


Kajian ini merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan imej JAN secara berterusan. Penemuan dalam kajian ini dapat membantu pihak pengurusan atasan Jabatan dalam merancang dan melaksanakan tindakan tertentu bagi meningkatkan tahap kepuasan bekerja warga JAN terutama bagi merangka dasar dan polisi berhubung pengurusan sumber manusia Jabatan. Objektif kajian ini adalah untuk:

- Mengetahui tahap kepuasan bekerja warga JAN secara keseluruhan;
- Mengetahui tahap kepuasan bekerja warga JAN terhadap aspek kepentingan kerjaya, penempatan, latihan, hubungan, kerjasama, interaksi antara warga JAN, maklum balas prestasi kerja, pengurusan atasan serta kelengkapan pejabat dan kemudahan lain; dan
- Menentukan hubungan antara kepuasan bekerja dan aspek berkenaan.

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah tinjau selidik secara elektronik. Tempoh masa bagi responden mengemukakan maklum balas terhadap kajian ini adalah selama dua minggu. Soal selidik telah diedarkan melalui emel pada 26 Mac 2014 dan semua pegawai JAN boleh terus menjawab dengan link yang disediakan. Tarikh tutup pertama ialah pada 4 April 2014. Disebabkan untuk meningkatkan hasil maklum, dua lanjutan masa telah ditetapkan iaitu sehingga 17 April 2014 dan 23 April 2014. Sehingga tarikh tersebut, seramai 510 responden atau warga JAN telah menjawab soal selidik tersebut. Soal selidik tersebut boleh dibahagikan kepada empat seksyen iaitu Seksyen A berkaitan maklumat asas responden; Seksyen B ialah pernyataan menilai persekitaran kerja yang meliputi aspek personel/bidang tugas atau mengukur tahap kepuasan pegawai terhadap bidang tugas; aspek latihan kerjaya/penilaian prestasi; hubungan dengan rakan sekerja Bahagian/Sektor; pendapat terhadap Ketua Bahagian/ Penyelia dan Pengurusan Atasan Jabatan. Seksyen C pula ialah soalan untuk mengukur tahap kepuasan hati terhadap kelengkapan pejabat. Akhirnya, Seksyen D iaitu cadangan bagi meningkatkan tahap



kepuasan bekerja di JAN serta lain-lain isu yang dibangkitkan. Demografi responden adalah seperti berikut:



Secara keseluruhan, warga JAN hanya berpuas hati pada tahap sederhana dengan kerja mereka. Purata pendapat keseluruhan terhadap bidang tugas adalah 3.64. Bagaimanapun, pendapat keseluruhan bagi latihan kerjaya dan penilaian prestasi adalah rendah iaitu pada nilai purata 3.26 dan 3.37, masing-masing. Bagi hubungan dan kerjasama serta interaksi, purata pendapat keseluruhan adalah 3.45. Nilai purata yang sama juga (3.45) diperoleh bagi pendapat keseluruhan warga JAN terhadap kemudahan dan perkhidmatan lain. Analisis Kolerasi Pearson bagi menguji hubungan antara kepuasan bekerja secara keseluruhan dengan 6 aspek kerja menunjukkan yang signifikan antara kepuasan bekerja dengan semua aspek kerja tersebut.


Perbincangan cadangan pula boleh dikategorikan kepada lima bahagian iaitu kepuasan bekerja, latihan, penilaian prestasi, pengiktirafan dan kenaikan pangkat serta pandangan terhadap pasukan pengurusan atasan jabatan. Antara cadangan yang dikemukakan oleh warga JAN bagi meningkatkan tahap kepuasan bekerja ialah;

- Pelaksanaan pusingan tugas dilaksanakan dengan sepenuhnya/wajib antara jabatan dan audit dalam. Pusingan kerja ini perlu dilakukan dengan adil tanpa pilih kasih. Pelaksanaan pusingan tugas ini dapat memberi peluang kepada pekerja mempelajari skop kerja yang lain.
- Sebanyak 20 cadangan berkenaan pengagihan tugas telah dikemukakan Responden berpendapatan berlakunya pengagihan tugas yang tidak selaras antara gred jawatan; antara gred yang sama tetapi berbeza Sektor/Cawangan/Bahagian.
- Terdapat cadangan pengagihan dibuat berdasarkan gred jawatan, kepakaran, umur pegawai dan tiada sikap pilih kasih semasa pengagihan tugas. Responden juga memberi ulasan mengenai senarai kerja (*job description*) yang tidak jelas antara pangkat. Malah terdapat kumpulan pengurusan & profesional yang telah naik pangkat tetapi skop dan beban/bidang kerja masih sama.
- Responden turut memberi maklum balas tentang kesukaran dalam mendapatkan kerjasama antara sektor.
- Hasil analisis mendapati sebanyak 12 responden telah memberikan pendapat berkenaan dengan penilaian prestasi yang dilaksanakan oleh JAN. Antara pendapat responden adalah mengenai masih wujud ketidakadilan semasa penilaian prestasi dibuat, tempoh penilaian, penilai pertama tidak memaklumkan markah penilaian kepada pegawai yang dinilai dan serta mencadangkan markah penilaian pegawai haruslah selaras dengan pencapaian aktiviti bahagian yang berkenaan. Responden juga berpendapat penilaian yang dibuat kurang profesional dan tiada justifikasi kukuh.
- Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan kecuali kemudahan kenderaan Jabatan.

#### **KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (PARLIMEN)**

Kajian ini dilaksanakan bagi mendapat maklum balas pelanggan utama JAN yang terdiri daripada Ahli Parlimen iaitu Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) terhadap LKAN. Objektif kajian ini adalah :

- Mengenal pasti sejauh mana tahap kepuasan pelanggan terhadap LKAN tahun 2012 -2013; dan
- Mendapatkan input untuk penambahbaikan laporan.
- Mendapatkan pendapat dan pandangan terhadap cadangan penubuhan Suruhanjaya Audit dan keperluan kebebasan bagi JAN.



Dalam kajian ini, responden dikehendaki untuk memberi pandangan mereka mengenai LKAN terhadap sumber maklumat laporan; faktor yang mendorong pembacaan laporan; peranan laporan; penyediaan laporan termasuk bahasa, kesesuaian format, persembahan, analisis, rumusan dan syor audit; isu-isu audit; dan cadangan penambahbaikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana satu set borang soal selidik disediakan dan diedarkan kepada Ahli Parlimen dan ADUN yang terpilih. Sebanyak 63 soal selidik telah dikumpulkan iaitu terdiri daripada 19 Ahli Dewan Rakyat (30%), 5 Ahli Dewan Negara (8 %) dan 39 Ahli Dewan Undangan Negeri (62%). Antara hasil kajian ini ialah;

- Sumber utama responden mendapatkan maklumat isu-isu audit yang dibangkitkan adalah melalui laman web (39.7%). Sumber lain yang kerap digunakan ialah gabungan pelbagai sumber iaitu buku LKAN, perbahasan di dalam Dewan dan media.
- Faktor utama yang mendorong pembacaan untuk mengetahui keberkesanan penjawat awam menjalankan tugas di samping mengetahui prestasi pengurusan kewangan dan bukan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi serta sistem penyampaian Kerajaan.
- Responden juga bersetuju terhadap kenyataan bahawa LKAN membantu meningkatkan akauntabiliti pengurusan wang awam dan melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai wakil rakyat.
- Responden berpuas hati dengan LKAN dari aspek penggunaan bahasa, kesesuaian format, persembahan laporan.
- Analisis penemuan audit dan rumusan kajian audit terhadap program/aktiviti Kerajaan dipersembahkan dengan jelas
- Majoriti responden memilih baik bagi isu-isu audit yang dibangkitkan adalah relevan dan signifikan, penghuraian yang jelas dan dapat menyumbang ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Sektor Awam.

Secara umumnya, Ahli Parlimen dan ADUN berpuas hati dengan LKAN. Responden juga turut memberi cadangan penambahbaikan terhadap isi kandungan LKAN supaya lebih jelas, tepat dan ringkas. Antara cadangan tersebut adalah:

- Perlunya penambahbaikan dengan membuat perbandingan prestasi semasa dan terdahulu;
- Penumpuan terhadap projek-projek besar;
- Penambahbaikan terhadap format sedia ada daripada aspek gambar yang lebih kemas, menambah bilangan gambar/bukti audit, gambar rajah dan jadual serta format yang senang difahami.

Majoriti Ahli Parlimen dan ADUN juga bersetuju dengan pembentangan LKAN 3 kali setahun dan perlunya isu berulang dilaporkan dan tindakan perlu diambil bagi memastikan perkara tersebut dapat diatasi. Antara tindakan yang dicadangkan ialah penguatkuasaan peraturan, undang-undang, tindakan disiplin, tatatertib dan laporan kepada pihak berkuasa. Ahli Parlimen dan ADUN yang menjawab soal selidik ini juga amat bersetuju dan memberi pandangan yang positif terhadap cadangan penubuhan Suruhanjaya Audit. Selain itu, majoriti responden turut amat bersetuju terhadap keperluan kebebasan JAN sebagai sebuah badan bebas dan melapor terus ke Parlimen dan Dewan Negeri.


#### **KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (KEMENTERIAN)**

Kajian ini dilakukan sebagai salah satu usaha Jabatan ke arah meningkatkan kualiti pengauditan dan pelaporan LKAN. Hasil kajian ini penting kerana persepsi pelanggan mengenai LKAN akan memberi petunjuk sejauh mana JAN telah berjaya memenuhi harapan dan ekspektasi pelanggan dan seterusnya memenuhi tanggungjawab yang diberikan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tahap kepuasan pelanggan terhadap LKAN tahun 2012 - 2013; mendapatkan input untuk penambahbaikan laporan serta proses penyediaan laporan dan mendapatkan pandangan terhadap penubuhan *AG's Dashboard* dan isu berulang.

Kajian ini hanya memfokuskan kepada LKAN bagi tahun 2012 hingga 2013. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana satu set borang soal selidik disediakan dan diedarkan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Soal selidik atas talian juga disediakan dengan memuat naik soal selidik tersebut di laman rasmi JAN. Soal selidik tersebut mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A tentang status pelanggan yang mengisi borang soal selidik dan Bahagian B mengenai maklumat kepuasan pelanggan terhadap LKAN Tahun 2012 hingga 2013 dan tindakan susulan. Bahagian C pula adalah berkaitan pandangan terhadap isu berulang dan cadangan penambahbaikan terhadap LKAN. Di samping itu, responden juga diminta untuk memberi cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan tahap keberkesanan LKAN dalam bentuk soalan terbuka.

Secara umumnya, semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan berpuas hati dengan LKAN di mana ia dapat meningkatkan tahap kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam. Antara hasil kajian adalah seperti berikut:

- Responden berpuas hati terhadap tempoh persediaan yang diberi kepada Kementerian/Jabatan/Agensi untuk *Initial* dan *Exit Audit Conference*



- Kementerian/Jabatan/Agensi dimaklumkan dengan jelas mengenai pendekatan pengauditan dan tempoh masa pengauditan dijalankan
- Pegawai JAN yang menghadiri *Exit Audit Conference* memahami dengan baik isu audit yang dibincangkan, membangkitkan isu audit yang relevan dan signifikan, bersikap terbuka dalam perbincangan dan memberi cadangan yang bernas untuk menambah baik pengurusan Kementerian/Jabatan/Agensi.
- Pegawai JAN juga memahami persekitaran kerja, tempoh masa yang mencukupi diberi kepada Kementerian/Jabatan/Agensi untuk menyediakan dokumen dan maklumat serta menguruskan masa menjalankan pengauditan dengan baik.
- Responden juga turut berpuas hati dan berpendapat pegawai audit telah menjalankan pengauditan secara profesional serta mewujudkan hubungan yang baik dengan pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi.
- Responden berpendapat teguran audit dapat membantu Kementerian/Jabatan/Agensi meningkatkan tahap pengurusan kewangan, isu audit yang dibangkitkan dihuraikan dengan jelas dan syor audit yang dikemukakan adalah praktikal.
- Hasil kajian juga menjelaskan responden bersetuju perkara yang dibangkitkan dalam LKAN disusun dan tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pegawai yang tidak mematuhi peraturan Kerajaan.
- Responden juga bersetuju penubuhan *AG's Dashboard* dapat menambah baik proses pengauditan dan menangani isu berulang dan pembentangan LKAN 3 siri setahun di Parlimen.

Selain itu bagi pendapat dan cadangan secara terbuka, antara pandangan dan cadangan responden adalah seperti berikut;

- Pelaporan isu berulang setiap tahun masih relevan diamalkan kerana dapat meningkatkan kesedaran semasa bagi memastikan kualiti perkhidmatan awam sentiasa dikekalkan.
- Isu berulang dapat dikurangkan bergantung kepada komitmen kementerian, jabatan, agensi mengambil iktibar daripada kesalahan atau kelemahan yang dilaporkan dalam LKAN.
- Cadangan supaya selain daripada LKAN dibukukan mengikut keseluruhan laporan bagi semua agensi, LKAN juga perlu dibukukan secara berasingan untuk setiap jabatan/agensi bagi memudahkan tindakan pemantauan dibuat oleh pegawai pengawal.
- Sesi *townhall* Ketua Setiausaha Negara bersama pihak media turut disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan/Ketua Agensi wajar diteruskan pada masa akan datang bagi memberikan penerangan yang lebih jelas menangani isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN.

## KERTAS KONSEP

### PENSTRUKTURAN SEMULA DAN PELAN TRANSFORMASI JAN

Penstrukturan Semula dan Pelan Transformasi JAN diadakan dengan tujuan untuk menyusun semula, memperkemas struktur dan mentransformasikan Jabatan selaras dengan dasar transformasi sektor awam agar Jabatan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dalam membantu negara meningkatkan akauntabiliti awam dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Mesyuarat pertama pada tahun 2014 telah diadakan di Pulau Carey, Selangor pada 10 dan 11 Februari 2014. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh 32 oleh pegawai dari pelbagai sektor dan unit audit dalam bagi membincangkan secara terperinci dasar, strategi dan setiap kerangka pelan transformasi Jabatan. Seterusnya, Mesyuarat Penyelarasan Pelan Transformasi JAN Bersama KAN telah diadakan pada 1 Mac 2014 di Akademi Audit Negara. Bengkel Pemurnian Kertas Cadangan Penstrukturan Semula JAN bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pula telah diadakan pada 8 dan 9 Julai 2014 dan lanjutan daripada bengkel tersebut, kertas cadangan telah dikemukakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 21 Ogos 2014.

Pemprosesan Kertas Cadangan Penstrukturan Semula JAN telah ditangguhkan apabila Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 September 2014 bersetuju untuk mewujudkan satu pasukan petugas khas bagi melaksanakan kajian transformasi JAN. Bagi memantapkan hasil kajian, Mesyuarat Jemaah Menteri juga bersetuju supaya Ahli-ahli Pasukan Petugas Khas diwakili oleh wakil dari Pejabat Ketua Setiausaha Negara; Peguam Negara atau wakil; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakil; dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau wakil. Terma rujukan pasukan petugas khas ini adalah untuk mengkaji, mencadangkan dan menyokong usaha transformasi JAN sebagai badan yang lebih mantap dan bebas selari dengan piawaian antarabangsa meliputi aspek perundangan, sumber manusia, kewangan dan penambahbaikan proses kerja pengauditan. Mesyuarat pertama pasukan petugas ini telah dipengerusikan oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 13 November 2014.

Di JAN, sebuah jawatankuasa kerja telah ditubuhkan dan satu mesyuarat yang dinamakan *Project Management Office (PMO) - Auditor General Office (AGO) Kick-Off Meeting* telah diadakan pada 7 November 2014. Sekretariat bagi jawatankuasa ini adalah Bahagian Penyelidikan dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Jawatankuasa ini terdiri daripada Ketua *Service Line* yang telah dilantik dan sebilangan ahli di bawah kumpulan mereka bagi membantu kelancaran pengurusan projek seperti proses perbincangan, pengumpulan bahan dan maklumat

serta dokumentasi. Mesyuarat kedua jawatankuasa kerja yang dinamakan mesyuarat fokus telah dilaksanakan 3 hari iaitu dari 10 hingga 12 Disember 2014 di Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor. Kajian transformasi JAN ini diteruskan pada tahun 2015.

### PENGAKREDITASIAN SEBAGAI ACCA APPROVED EMPLOYER

Selaras dengan perubahan dan perkembangan persekitaran sektor awam negara, JAN melaksanakan beberapa transformasi bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Jabatan dan menaikkan imej Jabatan sebagai institusi audit yang profesional serta berkredibiliti tinggi. Antara strategi transformasi tersebut adalah pembangunan modal insan dengan memperkasakan kelayakan profesional juruaudit agar setanding dengan juruaudit luar negara. Selaras dengan strategi tersebut, satu mesyuarat bersama JAN, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah diadakan pada 24 Februari 2014 bagi membincangkan isu-isu berkaitan pemegang kelayakan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) di JAN. Berikutan daripada mesyuarat tersebut, JAN telah mengiktiraf bahawa kelulusan ACCA *Affiliate* adalah setaraf dengan Ujian Khas Peningkatan Secara Lantikan (KPSL) sebagai syarat pelantikan sebagai Juruaudit Gred W41. Di samping itu, JAN juga telah memohon dan diberi Akreditasi ACCA *Approved Employer* mulai 23 September 2014. Pengakreditasi ini dapat membantu kelulusan ACCA *Affiliate* untuk mendapat keahlian penuh badan profesional antarabangsa ACCA dengan lebih mudah.

### JURNAL PENGAUDITAN



Pada tahun 2014, JAN telah mengeluarkan 2 edisi Jurnal Pengauditan Sektor Awam iaitu Keluaran Pertama 2014 dan Keluaran Kedua 2014. Objektif penerbitan jurnal ini adalah untuk berkongsi maklumat dan pengalaman kerja dalam pelbagai bidang pengauditan seperti pengurusan perolehan dan projek Kerajaan, pengurusan kewangan, ICT, perakaunan akruan, alam sekitar, percukaian, pengurusan projek dan sebagainya. Artikel yang disediakan adalah berbentuk ulasan, penilaian, *best practice*, idea baru, teknik dan metodologi pengauditan supaya dapat digunakan untuk Transformasi JAN. Antara artikel yang dimuatkan di dalam kedua-dua keluaran ini adalah Pengurusan Organisasi: Kerenah Birokrasi, Cabaran Pembangunan Sumber Manusia

di JAN, *Enhancing Public Accountability in ASEAN to Achieve Regional Competitiveness and Prosperity, Effective Communication of Audit Findings to Key Audiences - Malaysian Experience*, Pelaburan Modal Teroka dan Industri Teknologi Tinggi di Malaysia, Pelaksanaan ISSAI *Compliance Assessment Tools (iCATs)* Pengauditan Kewangan serta *Challenges Faced in Applying and Assimilating ISSAIs: SAI's Malaysia Experience*.

## URUS SETIA DAN JAWATANKUASA


### HARI AUDIT 1MALAYSIA DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM

Pada tahun 2014, Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam telah diadakan di Hotel Grand Alora, Alor Setar pada 24 dan 25 November 2014. Seramai 1,100 orang telah menghadiri Hari Audit 1Malaysia dan 500 orang bagi Persidangan Juruaudit Sektor Awam. Tema yang dipilih bagi tahun ini adalah 'Kesiapsiagaan Juruaudit Menghadapi Rancangan Malaysia Ke-11'. Kedua-dua majlis ini telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Seri Hj. Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah Darul Aman.

Menteri Besar Kedah juga telah melancarkan tiga pelan/garis panduan (GP) JAN iaitu Pelan Kesyntambungan Perkhidmatan JAN, Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan Garis Panduan Pengauditan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) semasa majlis tersebut. Majlis Penganugerahan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti juga telah dilaksanakan di mana 126 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berjaya memperoleh taraf 4 bintang dalam pengurusan kewangan.

Persidangan Juruaudit Sektor Awam dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama adalah Forum mengenai 'Isu dan Cabaran dalam Menjayakan Program Transformasi Kerajaan'. Ia dipengerusikan oleh Pn. Hjh. Kartina Zamhari, Ketua Timbalan Pengarah Dewan Bandar Raya Kuching Utara dan disertai oleh tiga panelis iaitu En. Azunan Daud, Ketua Unit Audit Dalam Kementerian Belia dan Sukan, Pn. Rosni Razali, Ketua Unit Audit Dalam Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Pn. Rokiah Saad, Ketua Unit Audit Dalam Universiti Utara Malaysia.

Sesi kedua pula adalah pembentangan kertas kerja yang meliputi tujuh kertas. Tajuk yang dibentangkan ialah Pengauditan ICT - Keperluan, Isu Dan Cabaran oleh Tn. Hj. Y Hamdan Mohd Dom; *Goods And Services Tax (GST) And Fraud* oleh En. Paul Chai Sin Ngee; Pengalaman



Mengenai Siasatan Laporan Audit oleh Encik Mohd Iskandar Amran; *Issues And Challenges Of Auditing Accrual Compliant Accounts In The Public Sector* oleh En. Ting Choo Wai dari PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia; *Syariah Compliance Audit* oleh En. Ahmad Nasri Abdul Wahab dari KPMG Malaysia; Cadangan Pelan Tindakan Pencapaian Level 4 *International Standard Of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* oleh Pn. Farizah Harman; dan *ASOSAI Research Project On Fraud And Money Laundering* oleh Encik William Yapp Thou Kiong.

### **SEMINAR FIRMA AUDIT SWASTA**

Seminar Firma Audit Swasta (FAS) tahun 2014 telah diadakan di Holiday Villa & Suites Subang Jaya, Selangor pada 22 Disember 2014. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang dan dihadiri oleh 204 peserta dari Firma Audit Swasta, Unit Audit Dalam, agensi kerajaan dan pegawai JAN. Antara objektif seminar ini ialah untuk memberi perkembangan dan pembangunan baru dalam pengauditan penyata kewangan sektor awam, menggalakkan komunikasi dan koordinasi antara juruaudit sektor awam dan sektor swasta serta membina jalinan dan kerjasama di kalangan juruaudit dari pelbagai latar belakang.

Seminar ini dibahagikan kepada empat sesi. Sesi pertama adalah pembentangan kertas kerja Pelaksanaan ISSAIs oleh Pn. Farizah binti Harman, Pn. Nurhani binti Abdol Manap dan En. Mohd Ridzwan bin Zakaria. Sesi kedua pula adalah perbincangan panel diskusi dengan tajuk Penambahbaikan Kualiti Pengauditan. Ahli panel adalah terdiri daripada En. Nik Mohd Hasyudeen Yusoff yang merupakan Pengerusi Eksekutif Lembaga Pemantauan Audit dan En. David Siew dari Institut Akauntan Malaysia, manakala moderator perbincangan ialah YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Badan Berkanun Persekutuan. Sesi ketiga juga merupakan perbincangan panel diskusi dengan fokus kepada Penggunaan *Analytics* dalam Pengauditan. Moderator perbincangan ialah Tn. Hj. Abdul Rashid bin Yaakub, Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, manakala ahli panel terdiri daripada En. Ismail bin Awang dan En. Neil Meikle dari PriceWaterhouseCoopers dan En. Arthur Leong dari Institut Juruaudit Dalam Malaysia. Sesi terakhir adalah dialog antara pengurusan JAN dan firma audit swasta serta Audit Dalam dari pelbagai agensi kerajaan.

### **PASUKAN RUJUKAN JAN (SME)**


Pada tahun 2014 iaitu yang merupakan tahun kedua penubuhan pasukan rujukan JAN telah memperlihatkan pengembangan yang bertambah baik. Sebanyak 12 pasukan rujukan telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi memastikan rancangan tahun 2013 dilaksanakan dengan jayanya. Laporan Aktiviti pada setiap setengah tahun telah dikemukakan kepada urus setia

Bahagian Penyelidikan. Mesyuarat Tahunan Pasukan Rujukan JAN telah diadakan pada 2 Disember 2014 di A Farmosa Resort, Melaka. Mesyuarat pada tahun ini membincangkan hala tuju pasukan rujukan JAN yang mana penubuhan pasukan rujukan adalah “*tool*” dalam memastikan setiap pegawai audit mempunyai kepakaran dan kemahiran bagi menghadapi perkembangan persekitaran pengauditan dan cabaran semasa. Oleh yang demikian, pada mesyuarat kali ini setiap ketua pasukan telah mengemukakan cadangan serta mencartakan pelan tindakan yang lebih komprehensif untuk mencapai objektif penubuhan pasukan rujukan yang berkaitan.

### **KPI KETUA AUDIT NEGARA**

KPI KAN diwujudkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai langkah untuk memantau prestasi dan pencapaian tahunan Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Kriteria penilaian tersebut meliputi pencapaian KPI, prestasi pengurusan kewangan dan akaun, prestasi pengurusan projek pembangunan dan kualiti kepimpinan. Pembangunan dan penilaian KPI telah berkuat kuasa mulai tahun 2013. Kelompok dan dimensi prestasi yang diukur adalah seperti berikut:

- Tanggungjawab seluruh Perkhidmatan Awam yang meliputi Kadar Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Indeks Daya Saing Negara dan Pengurusan Fiskal Defisit Yang Mampan.
- Pengukuran Agensi secara Spesifik. Pengukuran ini boleh dibahagikan kepada dua dimensi prestasi iaitu dimensi Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan dimensi Tadbir Urus dan Akauntabiliti. Bagi JAN, terdapat 7 Petunjuk Utama Strategik bagi dimensi Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam. Petunjuk Utama Strategik ini juga adalah aktiviti utama JAN sebagaimana senarai berikut;
  - a. Peratus Penyata Kewangan yang disahkan dalam tempoh setahun
  - b. Peratus Pengauditan Pematuhan (Indeks Akauntabiliti) yang dilaksanakan dalam tempoh setahun
  - c. Peratus Pemeriksaan Mengejut yang dilaksanakan dalam tempoh setahun
  - d. Peratus Pengauditan Prestasi yang dilaksanakan dalam tempoh setahun
  - e. Peratus Syarikat Kerajaan/Subsidiari yang diaudit dalam tempoh setahun



- f. Peratus LKAN yang dikemukakan untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri
- g. Peratus program latihan yang dilaksanakan oleh Akademi Audit Negara

Selain itu, JAN juga bertanggungjawab terhadap KPI Tadbir Urus dan Akauntabiliti di semua kementerian/jabatan/agensi. KPI ini menggunakan Indeks Akauntabiliti bagi mengukur tahap pematuhan peraturan kewangan oleh semua Kementerian/Jabatan/Agensi yang berhubung kait dengan elemen kawalan terhadap kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan dan pinjaman dan penyata kewangan.

Selain daripada Petunjuk Utama Prestasi, kajian secara *online* terhadap keberkesanan peribadi juga dilakukan dengan menggunakan Sistem Penilaian 360°. Ujian ini menjelaskan penilaian juga turut dilakukan oleh rakan sejawat dan subordinat. Secara umumnya, KPI KAN pada tahun 2013 dan 2014 telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

## HUBUNGAN ANTARABANGSA

Bahagian Penyelidikan juga turut bertanggungjawab menguruskan hubungan antarabangsa JAN. Antara tugas di Bahagian Penyelidikan ialah menguruskan penglibatan JAN dalam INTOSAI, ASOSAI dan yang terbaru ASEANSAI, menguruskan lawatan pegawai JAN ke luar negara bagi menghadiri seminar, bengkel dan mesyuarat, menguruskan lawatan delegasi luar ke JAN dan menyediakan kertas pembentangan negara.

## MAKLUMBALAS/SOAL SELIDIK

Antara laporan yang telah disediakan oleh Bahagian Penyelidikan ialah laporan pelaksanaan aktiviti ASEANSAI *Knowledge Sharing Committee* iaitu *Knowledge Sharing Workshop* di Kuala Lumpur pada 29 hingga 30 April dan *Meeting on Audit of Contract Procurement* yang telah diadakan pada 18 hingga 20 Jun 2014 di Johor Bahru, Malaysia. Mesyuarat ini diadakan selaras dengan rancangan aktiviti pelan kerja ASEANSAI bagi tempoh 2014 hingga 2017 yang telah dipersetujui oleh semua ahli ASEANSAI bagi tujuan manfaat bersama. Bahagian Penyelidikan juga bertanggungjawab memberi maklum balas dan menjawab soal selidik yang dikemukakan oleh INTOSAI dan ASOSAI serta satu soal selidik berkaitan materialiti yang dikemukakan oleh SAI Brazil pada bulan September 2014.

### **IDI GLOBAL PROGRAMME ON SPECIALISED AUDITS -PUBLIC DEBT OF LENDING AND BORROWING FRAMEWORKS**

Program kerjasama urus setia antara pihak *INTOSAI Development Institutions* (IDI) dan JAN Malaysia ini telah diadakan pada 20 hingga 22 Mei 2014 di Dorsett Grand Subang, Selangor. Perbincangan antara Ketua *Supreme Audit Institution* (SAIs) dan wakil telah diadakan sebagai langkah memperkenalkan kerangka kerja hutang awam. Program ini telah dihadiri oleh seramai 34 delegasi dari negara Asia dan Afrika seperti China, Nepal, Filipina, Kenya, Botswana, Tanzania dan Afrika Selatan. Delegasi lain ialah wakil Deloitte, Norway, UNCTAD dan Reserve Bank of India. Antara tajuk perbincangan dan pembentangan ialah '*Formulating National Debt Strategy and Policy*', dan '*Workshop on UNCTAD Principles on Sovereign Lending and Borrowing Principles*'. Agenda lain turut diperbincangkan ialah contoh kajian kes pengauditan hutang awam dan memperkenalkan ISSAI berkaitan hutang awam.

### **PENGLIBATAN DALAM PROJEK PENYELIDIKAN**


Penglibatan JAN di peringkat antarabangsa juga telah membolehkan JAN terlibat dalam projek penyelidikan ASOSAI yang bertajuk *Audit to Detect Fraud and Corruption: Evaluation of the Fight Against Corruption and Money Laundering*. En. William Yapp Thou Kiong adalah pegawai JAN yang telah dipilih untuk terlibat dalam projek penyelidikan tersebut. Bagi tahun 2014, mesyuarat ke-5 telah diadakan di Kuala Lumpur pada April 2014. Selain itu, mesyuarat ke-6 dan ke-7 telah diadakan Ankara dan Tehran, masing-masing.

### **JURUAUDIT PENGAUDITAN AKAUN ANTARABANGSA**

Pada tahun 2014, JAN telah menghantar En. Rasdi bin Mohamed Razali sebagai wakil untuk proses pemilihan Juruaudit bagi mengaudit akaun *Finance Control Organ* dan JAN Malaysia telah berjaya dipilih untuk tempoh 3 tahun iaitu 2015 hingga 2017.

### **PENGANJURAN MESYUARAT DI BAWAH MEMORANDUM PERSEFAHAMAN JAN MALAYSIA DAN BPK INDONESIA**

JAN Malaysia dan BPK, Indonesia telah menandatangani memorandum kerjasama dalam bidang pengauditan. Selaras dengan memorandum yang telah ditandatangani tersebut, JAN Malaysia telah menghadiri mesyuarat teknikal yang telah diadakan di Bandung, Indonesia pada 16 Februari hingga 19 Februari 2014. Selain itu, satu mesyuarat di Malaysia juga telah diadakan di



Hotel Perdana, Kota Bharu Kelantan pada 3 dan 6 November 2014. Mesyuarat ini membincangkan kerjasama antara kedua-dua buah negara dalam bidang pengauditan seperti alam sekitar dan pengauditan Haji. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh seramai oleh 9 orang peserta dari JAN Malaysia dan 8 orang peserta dari BPK RI.

#### **PROGRAM MUHIBAH**


Program Interaksi antara JAN Malaysia dan BPK RI telah dimulakan pada tahun 2013 dengan penganjuran dua program iaitu di Medan, Sumatera (26 hingga 28 Ogos) dan di Pontianak, Kalimantan (4 hingga 7 Disember). Program ini bertujuan untuk mengerat dan mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara melalui pertukaran maklumat budaya, jaringan sosial dan jalinan kerjasama profesional.

Dalam tahun 2014, program muhibah ini telah diadakan di Pulau Pinang dan Kedah yang merupakan kesinambungan daripada 2 program terdahulu tersebut tetapi dengan giliran JAN Malaysia sebagai tuan rumah. Pemilihan negeri Pulau Pinang dan Kedah sebagai lokasi program adalah atas permintaan BPK RI yang juga menghantar pegawai-pegawai mereka dari 3 buah pejabat wilayah iaitu Aceh, Sumatera Utara dan Riau. Program berlangsung selama 4 hari bermula pada hari Ahad 27 April 2014 dan berakhir pada 30 April 2014. Terdapat 3 elemen utama dalam program yang diadakan iaitu sesi perkongsian pengetahuan, sukan muhibah dan lawatan sosial. Semasa di Pulau Pinang, para peserta telah ditempatkan di Hotel Rainbow Paradise Beach Resort, Batu Ferringhi selaku tempat penginapan dan juga lokasi rasmi sesi mesyuarat dan perkongsian pengetahuan serta sukan muhibah. Di Langkawi pula tempat penginapan adalah di Hotel Langkasuka, Kuah dan beberapa destinasi istimewa dipilih bagi tujuan lawatan sosial ini.

**LAWATAN DELEGASI DARI LUAR NEGARA**

Sepanjang tahun 2014 JAN telah menerima sebanyak 8 lawatan kerja / kursus / mesyuarat / pengauditan dari delegasi luar negara. Bagi setiap lawatan delegasi, pelbagai program telah disediakan sebagaimana yang dihasratkan oleh delegasi tersebut. Antaranya, delegasi telah diberi taklimat ringkas tentang JAN, Bahagian Sumber Manusia JAN, lawatan dan taklimat ke Agensi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam serta lawatan ke Akademi Audit Negara. Selain itu kursus ASEANSAL juga turut diadakan serta *Peer Review* oleh pihak SAI United Kingdom. Lawatan delegasi tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH	PEGAWAI TERLIBAT
1.	<i>HRM Study Visit from SAI Indonesia</i>	Putrajaya, Malaysia	14 hingga 16 April 2014	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pn. Hasan Bisri</li> <li>2. En. Aulia Rahmat</li> <li>3. Pn. Kusuma Ayu Rusnasanti</li> <li>4. En. Dadang Ahmad Rifa'i</li> <li>5. En. Sulung Setyo Amboro</li> <li>6. En. Rio Tirta</li> <li>7. En. Danang Puspa Wijaya</li> <li>8. Pn. Kiki Rizky Ambarwati</li> </ol>
2.	<i>5<sup>th</sup> Meeting of 10<sup>th</sup> ASOSAI Research Project</i>	Kuala Lumpur, Malaysia	23 hingga 25 April 2014	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. En. William Yapp Thou Kiong</li> <li>2. En. Zakri bin Mamat</li> <li>3. En. Ilyas Shukri bin Khodori</li> </ol>
3.	<i>IDI Transregional Programme on Public Debts Audit</i>	Subang Jaya Malaysia	20 hingga 22 Mei 2014	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang</li> <li>2. Pn. Hjh. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad</li> <li>3. Cik Raftah binti Ibrahim</li> </ol>
4.	<i>Engagement Workshop on Knowledge Sharing</i>	Kuala Lumpur, Malaysia	29 dan 30 Mei 2014	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. En. Zulkipli bin Abdullah</li> <li>2. Dr. Masiah binti Ahmad</li> <li>3. Cik Haniza binti Mohamad</li> <li>4. Pn. Hema Latha a/p Kumaresan</li> </ol>
5.	<i>Course Design &amp; Development and Instructional Techniques</i>	Johor, Malaysia	9 hingga 20 Jun 2014	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pn. Carolina Muyang Lileng</li> <li>2. Pn. Norita binti Ismail</li> </ol>




BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH	PEGAWAI TERLIBAT
6.	Mesyuarat Teknikal bersama SAI Indonesia	Kota Bharu, Kelantan	3 hingga 5 November 2014	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman</li> <li>2. En. Zulkipli bin Abdullah</li> <li>3. En. Mohd Ziadi bin Zakaria</li> <li>4. Pn. Fadzillah binti Hj. Mohammad</li> <li>5. Pn. Nafiza binti Samsudin</li> <li>6. En. Asrul Izeham bin Yaacob</li> <li>7. En. Baharuddin bin Jamaluddin</li> <li>8. En. Aidy Hazuan bin Addynuar</li> <li>9. Cik Rachel Goh Soo Yin</li> <li>10. Pn. Che Habsah binti Ali</li> </ol>
7.	Peer Review oleh United Kingdom National Audit Office	Putrajaya	1 hingga 12 Disember 2014	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ms. Corinne Tanner</li> <li>2. Ms. Rachel Nugent</li> </ol>

#### LAWATAN KERJA / PERSIDANGAN / MESYUARAT / PENGAUDITAN / SEMINAR / BENGKEL / KURSUS KE LUAR NEGARA

Pada tahun 2013, sebanyak 25 lawatan kerja / persidangan / mesyuarat / pengauditan/ seminar / bengkel / kursus yang dihadiri oleh pegawai JAN dari pelbagai Sektor Audit di luar negara telah diuruskan oleh Bahagian Penyelidikan. Lawatan kerja/persidangan/mesyuarat/ seminar/ bengkel/ kursus tersebut adalah seperti berikut:


BIL.	AKTIVITI	ANJURAN	TARIKH	WAKIL JABATAN
1.	<i>Technical Committee Meeting, Symposium &amp; Seminar, Jakarta, Indonesia</i>	ASEANSAI	17 hingga 20 Januari 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang</li> <li>• En. Zulkipli bin Abdullah</li> <li>• Dr. Masiah binti Ahmad</li> </ul>
2.	<i>Working Group on IT Audit, Kuwait</i>	INTOSAI	10 hingga 12 Januari 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tn. Hj. Y Hamdan bin Mohd Dom</li> <li>• Pn. Hjh. Zaleha binti Yusof</li> </ul>

BIL.	AKTIVITI	ANJURAN	TARIKH	WAKIL JABATAN
3.	<i>Mesyuarat Teknikal di bawah MoU bersama BPK RI</i>		17 dan 18 Februari 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri</li> <li>• En. Zulkipli bin Abdullah</li> <li>• Pn. Nor Salwani binti Mohammad</li> <li>• En. Saiful Anuar bin Mohd Jaafar</li> <li>• Pn. Fadzilah binti Hj. Mohammad</li> <li>• Pn. Norzaini binti Alias</li> <li>• Pn. Nor Haiza binti Abd. Aziz @ Juned</li> <li>• En. Asrul Izeham bin Yacob</li> <li>• Pn. Norapiah binti Buang</li> <li>• Cik Yulian binti Bakri</li> <li>• Cik Rachel Goh Soo Yin</li> <li>• Pn. Jaleha binti Senin</li> </ul>
4.	<i>Performance Audit Workshop</i>		18 Februari hingga 21 Mac 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Mohd Khairul Rashdi</li> <li>• En. Kang Choon Hin</li> </ul>
5.	<i>Seminar Strengthening Integrity of Public Sector</i>		3 hingga 7 Mac 2014	En. Raja Sunthara Kannan a/l Datuk Raja Gopal
6.	<i>Instructor Design Meeting</i>	ASEANSAI	17 hingga 28 Mac 2014	Pn. Hjh. Rosenani binti Ahmad
7.	<i>XXII Commonwealth Auditors General Conference</i>	Commonwealth	25 hingga 27 Mac 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang</li> <li>• Datin Siti Zaleha binti Bakar</li> <li>• Cik Siti Maisarah binti Muhamad Radzali</li> </ul>
8.	<i>Working Group on Environmental Audit</i>	ASOSAI	15 hingga 17 April 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Fadzilah binti Hj. Muhammad</li> <li>• Pn. Mariati binti Mohd Ali</li> </ul>
9.	<i>Quality Assurance (QA) &amp; Quality Control (QC) Training Facilitator</i>		28 hingga 30 April 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Sarimah binti Umor</li> <li>• Pn. Norapiah binti Buang</li> </ul>
10.	<i>ASOSAI-sponsored workshop on "Financial Audit in an IT Environment"</i>	ASOSAI	9 hingga 20 Jun 2014	En. Ilyas Shukri bin Khodori



BIL.	AKTIVITI	ANJURAN	TARIKH	WAKIL JABATAN
11.	<i>The 2014 UN Public Service Forum</i>		23 hingga 26 Jun 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman</li> <li>• YBhg. Datuk Juhari bin Harun</li> </ul>
12.	<i>ISSAIs Implementaion Workshop</i>	ASEANSAL	18 hingga 22 Ogos 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Farizah binti Harman</li> <li>• Cik Haniza binti Mohamad</li> <li>• Pn. Nurhani binti Abdol Manap</li> <li>• Cik Aziatul Akmam binti Atan</li> </ul>
13.	<i>Preliminary Bilateral Meeting for ASOSAI Secretariat</i>		21 Ogos 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mr. Kim Seongjun</li> <li>• Ms. Choi Jinsook</li> </ul>
14.	<i>6<sup>th</sup> Meeting of the 10<sup>th</sup> ASOSAI Research Project</i>	ASOSAI	27 hingga 29 Ogos 2014	En. William Yapp Thou Kiong
15.	<i>WGFACML</i>	INTOSAI	9 hingga 11 September 2014	En. Zaaba bin Zainuddin
16.	<i>Annual INTOSAI Capacity Building Committee Meeting</i>	INTOSAI	9 hingga 11 November 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri</li> <li>• En. Roslan bin Mohd Dah</li> </ul>
17.	<i>Workshop on Facilitating ISSAI Implementation for Compliance Audit</i>	IDI, INTOSAI	8 hingga 13 September 2014	En. Mohd Ridzwan bin Zakaria
18.	<i>WGEA International Training on Forestry Audit, Jakarta, Indonesia</i>	INTOSAI	15 hingga 19 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Ahmad Sanusi bin Yaacob</li> <li>• En. Ahmad bin Seli</li> </ul>
19.	<i>Performance Audit Training for SAI Zanzibar</i>		15 hingga 19 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• En. Roslan bin Abu Bakar</li> <li>• Pn. Toieyah binti Hj. Tioh</li> </ul>
20.	<i>ICT Audit Training for SAI Zanzibar</i>		22 hingga 16 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YM Ungku Mohammad Alhady bin Ungku Mohd Zam</li> <li>• Cik Rosmasni binti Md Isa</li> </ul>

BIL.	AKTIVITI	ANJURAN	TARIKH	WAKIL JABATAN
21.	<i>47<sup>th</sup> Governing Board Meeting and 2<sup>nd</sup> ASOSAI-EUROSAI Joint Conference</i>	ASOSAI	21 hingga 27 September 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang</li> <li>• En. Zulkipli bin Abdullah</li> <li>• Dr. Masiah binti Ahmad</li> </ul>
22.	Lawatan Kerja ke London		29 September hingga 1 Oktober 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang</li> <li>• En. Zulkipli bin Abdullah</li> <li>• Dr. Masiah binti Ahmad</li> <li>• Pn. Norlydawaty binti Hashim</li> <li>• Pn. Noor Rozeelah binti Jaafar</li> </ul>
23.	<i>16<sup>th</sup> Assembly Meeting of INTOSAI WGEA, Filipina</i>	INTOSAI	29 September hingga 2 Oktober 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ir. Md Wahid bin Mohd Noor</li> <li>• Pn. Patimah binti Ramuji</li> <li>• Cik Rachel Goh Soo Yin</li> </ul>
24.	<i>8<sup>th</sup> Meeting of the INTOSAI WGFACML, Washington D.C., Amerika Syarikat</i>	INTOSAI	07 dan 8 Oktober 2014	En. Zakri bin Mamat
25.	<i>IDI Global Programme on Specialised Audits-Information Technology (IT) Audit- Audit Planning Meeting, Noida, India</i>	INTOSAI	13 hingga 17 Oktober 2014	En. Nikrul Tarmizi bin Awaluddin
26.	<i>Strategic Planning Meeting, Seoul, Korea</i>	ASOSAI	17 hingga 19 November 2014	En. Zulkipli bin Abdullah



BIL.	AKTIVITI	ANJURAN	TARIKH	WAKIL JABATAN
27.	<i>IDI Global Programme on Specialised Audits- Public Debt Audit of Lending and Borrowing Frameworks - Audit Planning Meeting, Nanjing, China</i>	IDI	24 hingga 28 November 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Aneeza binti Mohamad</li> <li>• Pn. Nor Asma binti Abdullah Sani</li> <li>• Pn. Wan Nur Hafidah binti Wan Jusoh</li> </ul>
28.	<i>iCAT Review Workshop, Dhaka, Bangladesh</i>	IDI	8 hingga 12 Disember 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pn. Farizah binti Harman</li> <li>• Pn. Nurhani binti Abdol Manap</li> </ul>
	<i>Mesyuarat 43rd Session Of Permanent Finance Committee (PFC) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Jeddah, Arab Saudi.</i>	OIC	08 hingga 11 Disember 2014	En. Rasdi bin Mohamed Razali
	<i>7<sup>th</sup> Meeting of the 10<sup>th</sup> ASOSAI Research Project, Tehran, Iran</i>	ASOSAI	16 hingga 18 Disember 2014	En. William Yapp Thou Kiong

### MESYUARAT PERHIMPUNAN PRA ASOSAI

Sepanjang 2014, sebanyak 9 mesyuarat Jawatankuasa Induk Perhimpunan ASOSAI ke-13 telah diadakan dan dipengerusikan oleh KAN. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan persediaan dan persiapan Jabatan bagi perhimpunan ASOSAI 2015. Selain mesyuarat Jawatankuasa Induk, turut diadakan ialah mesyuarat penyelarasan antara Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Audit Sektor Audit Khas & Penyelidikan. Mesyuarat penyelarasan adalah perbincangan yang lebih terbuka berkaitan persoalan dan tugas yang perlu dilakukan di peringkat bawahan. Segala hasil perbincangan tersebut akan dikemukakan kepada KAN semasa mesyuarat Jawatankuasa Induk. Selain itu, sekitar bulan Disember pelbagai perbincangan giat diadakan di semua peringkat pelaksana bagi memastikan objektif tercapai dan persediaan semua Jawatankuasa adalah tersusun. Perbincangan dengan agensi luar seperti Bahagian Istiadat Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Luar Negara, Kastam Diraja Malaysia, Imigresen, Polis Diraja Malaysia turut diadakan.

## BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT


Selaras dengan peranan Bahagian Pengauditan ICT yang berperanan untuk memastikan pembangunan sistem Kerajaan memenuhi dasar yang telah ditetapkan serta dilaksanakan secara berhemah dan mematuhi prosedur perolehan Kerajaan. Sepanjang tempoh 2014, aktiviti yang dilaksanakan oleh Bahagian ICT termasuklah:

### PERSIDANGAN PEGAWAI PENGAUDITAN ICT TAHUN 2014

Persidangan Pegawai Pengauditan ICT 2014 yang bertemakan “ICT Menerajui Pengauditan Perakaunan Akruan” telah berlangsung di The Legend Resort, Cherating, Pahang pada 24 hingga 26 Ogos 2014. Seramai 48 orang pegawai yang melaksanakan Pengauditan ICT di JAN menyertai persidangan tersebut. Tujuan Persidangan Pegawai Pengauditan ICT adalah untuk berkongsi ilmu (*knowledge sharing*) serta membincangkan persediaan dan pementapan pengauditan perakaunan akruan yang berteraskan ICT dan juga keperluan pengauditan ICT bagi Pelan Strategik Audit ICT 2016 - 2020 bagi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11). Perbincangan adalah selaras dengan usaha Bahagian Pengauditan ICT dalam menghadapi cabaran pengauditan perakaunan akruan yang akan bermula pada 2015.



Persidangan Berlangsung



## PENGGUNAAN CAATTs OLEH JAN

### PENERIMAAN ANUGERAH *GRAND PRIZE* PADA 16<sup>TH</sup> ANNUAL IMPACT AWARD 2014



JAN telah dinobatkan sebagai penerima *Grand Prize* pada 16<sup>th</sup> *Annual Impact Award* yang telah di adakan pada 1 hingga 4 Jun 2014 di Dallas, Texas U.S.A. JAN adalah pemenang pertama dari rantau Asia yang mendapat hadiah *Grand Prize* tersebut. Pencapaian tersebut adalah hasil dari penggunaan ACL secara meluas oleh JAN di mana analisis dan semakan serta pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan pada setiap tahun. Bagi pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012, telah melibatkan transaksi sebanyak RM 475.2 billion meliputi lebih daripada 40 juta rekod telah disemak kaedah CAATTs menggunakan ACL.

### PERKONGSIAN PENGGUNAAN CAATTs (ACL) BERSAMA ASIAN DEVELOPMENT BANK (ADB)

Pada 12 Ogos 2014, JAN telah menerima kunjungan seramai 3 pegawai daripada ADB. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk perkongsian maklumat dan pengalaman penggunaan CAATTs yang telah dilaksanakan oleh JAN. Ia adalah rentetan daripada kemenangan JAN pada 16<sup>th</sup> *Annual Impact Award* 2014. JAN telah berkongsi penggunaan CAATTs dalam pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan semasa sesi tersebut.



### TAKLIMAT ACL ROAD SHOW DAN LAWATAN DELEGASI ACL KE AKADEMI AUDIT NEGARA



Pada 9 Oktober 2014, pihak ACL telah menganjurkan *ACL Road Show* di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. JAN telah dijemput untuk membenteng dan berkongsi pengalaman penggunaan ACL semasa *Road Show* tersebut. Pembentengan telah dilaksanakan oleh En. Zulkipli Bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan. Taklimat dihadiri oleh para pengguna ACL yang terdiri daripada sektor kerajaan, sektor swasta dan Institusi Pengajian Tinggi.



Pada sebelah petang, delegasi ACL telah mengadakan lawatan ke Akademi Audit Negara. Delegasi terdiri daripada Mr. Ross Paul, *Vice President ACL, Global Operations*, Mr. Dan Zitting, *Vice President ACL, Product Management*, Mr. Eric Lim, *Managing Director, Asia*, Cik Nur Hafeza, *Business Development* dan Ms. Karyn Flores, *Regional Marketing Manager*. JAN dan Akademi Audit Negara telah berkongsi pengalaman penggunaan ACL dan pengendalian kursus yang telah dilaksanakan bagi pembangunan modal insan JAN.

### PENGURUSAN LESEN ACL

Pada Disember 2013, ACL telah melancarkan versi baru *ACL Analytic 10.5 (AN)* dan *ACL Analytic Exchange 4.0 (AX4)*. Bahagian Pengauditan ICT dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat telah melaksanakan penaiktarafan versi terbaru kedua-dua perisian ACL tersebut terhadap keseluruhan pengguna Jabatan yang dikenal pasti. Seterusnya pada November 2014, ACL melancarkan pula versi terbaru AN11 dengan menampilkan perubahan-perubahan terbaru seperti pembaharuan *interface* yang lebih mesra pengguna, kekuatan enjin pemrosesan dengan purata kepantasan 20% lebih daripada versi terdahulu dan menyediakan hub skrip analisis sebagai gudang skrip yang boleh digunakan untuk analisis. Penaiktarafan kepada AN11 dilaksanakan secara berperingkat terhadap pengguna-pengguna yang aktif dalam membangunkan skrip analisis.



ACL Analytic 11

## PERSEDIAAN JAN BAGI PENGAUDITAN PERAKAUNAN AKRUAN

### BENKEL SAP BERSAMA FELDA PRODATA SDN. BHD.

Sebagai persediaan bagi menghadapi pelaksanaan akruan yang bakal dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara, Bahagian Pengauditan ICT, SAK&P dengan kerjasama Akademi Audit Negara telah menganjurkan dua siri Bengkel Pengenalan Sistem Aplikasi SAP (1GFMAS) bagi mempelajari asas SAP bersama Felda Prodata Sdn Bhd. Bengkel siri pertama telah dilaksanakan pada 1 hingga 2 Oktober 2014 merangkumi Modul *Authorisation* dan *Material Management*. Manakala bengkel siri kedua telah dilaksanakan pada 10 hingga 13 November 2014 merangkumi Modul Kewangan iaitu Lejar Am, Akaun Belum Terima, Akaun Belum Bayar, Pengurusan Aset dan Pengurusan Dana. Seramai 20 peserta yang terdiri daripada Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, Sektor Audit Khas & Penyelidikan dan Akademi Audit Negara telah menghadiri kedua-dua sesi tersebut.




### BENGKEL PENGAUDITAN SISTEM KEWANGAN BERKOMPUTER

Bengkel Pengauditan Sistem Kewangan Berkomputer JAN telah diadakan pada 14 hingga 16 Mei 2014 di Akademi Audit Negara. Bengkel ini merupakan kerjasama antara Akademi Audit Negara dan Bahagian Pengauditan ICT, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan. Ia kesinambungan daripada Mesyuarat Pembangunan CAATs yang telah diadakan pada 10 hingga 11 Disember 2013 di Hotel Summit USJ, Subang Jaya. Seramai 39 orang pegawai yang terlibat bagi Sistem GFMS, Pengauditan Kastam, Sistem SPEKS, Sistem Tanah dan Sistem Kewangan Badan Berkanun Persekutuan telah menghadiri bengkel ini. Bengkel juga melibatkan 11 pegawai sebagai penceramah dan fasilitator sepanjang bengkel berlangsung. Bengkel bertujuan sebagai platform pembangunan Manual Pengauditan Berterusan bagi setiap sistem kewangan yang mengandungi semakan Kawalan IT (Kawalan Akses Logikal) dan program audit semakan data sistem. Bengkel juga adalah berkaitan keperluan *International Standard of Supreme Audit Institutions (ISSAI) - iCATS*.

### BENGKEL GARIS PANDUAN PENGAUDITAN MyGST

Bahagian Pengauditan ICT telah menghantar 4 pegawai iaitu Pn. Carolina Muyang Lileng, En. Anuar Sidik bin Nordin, En. Mazri Nazip bin Bidin dan Pn. Nurulzati binti Shafiee @ Jaffar untuk menyertai bengkel yang diterajui oleh Cawangan Audit Kastam, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2014, dua sesi bengkel telah diadakan pada 29 September hingga 3 Oktober 2014 di Akademi Audit Negara dan pada 5 hingga 8 November 2014 di Langkawi, Kedah. Garis panduan telah dilancarkan oleh Menteri Besar Kedah, YAB. Dato' Seri Hj. Mukhriz Tun Mahathir semasa Hari Audit 1Malaysia di Alor Setar, Kedah pada 24 November 2014.





### BENKEL PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK ICT JAN 2016-2020

Pada 21 hingga 23 Disember 2014, 4 pegawai Bahagian Pengauditan ICT telah menghadiri bengkel anjuran Bahagian Teknologi Maklumat yang diadakan di Nilai Springs Resort, Negeri Sembilan. Tujuan bengkel adalah untuk membincangkan dan mengumpulkan maklumat-maklumat keperluan pelan strategik ICT bagi tahun 2016-2020. Bengkel telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri, TKAN (P).



### KHIDMAT NASIHAT BERKENAAN ICT KEPADA AUDITI

Bahagian Pengauditan ICT turut melaksanakan khidmat nasihat berkenaan ICT kepada Kementerian dan Agensi. Dengan perkongsian ini memberi kefahaman menyeluruh perancangan, pelaksanaan dan pemantauan ICT sektor awam yang dikendali secara mesyuarat dan bengkel. Antara mesyuarat yang dihadiri adalah Jawatankuasa projek seperti projek U-Custom, 1GFMAS, MySIKAP, ePBT dan lain-lain. Selain mesyuarat, Bahagian turut terlibat sebagai penceramah dan fasilitator pada bengkel ICT yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi seperti Program *Capacity Building : ICT Project Management* yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan pada 8 hingga 9 Disember 2014 dan Bengkel ICT yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 3 Disember 2014.


**PENGAUDITAN YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2014**

- Kajian Audit Terhadap 1BestariNet, Kementerian Pelajaran
- Kajian Audit Terhadap Projek Pengkomputeran Jabatan Kebajikan Masyarakat (Sistem eJKM)
- Kajian Audit Terhadap Perolehan Chrome Book Kementerian Pelajaran
- Pengauditan Berterusan
  - a. Kawalan Aplikasi (ISSAI) - Data Analytics
    - Sistem Maklumat Kastam (SMK) : Taksiran (Persediaan Akruan 1GFMAS)
    - Sistem Pengurusan Aset (Persediaan Akruan 1GFMAS)
    - Sistem SPEKS - Hasil Tanah (SPHT) bagi Negeri Sembilan, Negeri Perak- dan Negeri Kelantan
    - Sistem HRMIS : Modul Cuti (Persediaan Akruan 1GFMAS)
  - b. Kawalan IT (ISSAI)
    - Sistem GFMAS Cawangan Akauntan Negara Putrajaya
    - Sistem SPEKS : Negeri Perak dan Negeri Kelantan

**PENCERAMAH DAN FASILITATOR BAGI KURSUS ICT**

Bahagian Pengauditan ICT juga terlibat secara langsung sebagai penceramah dan fasilitator bagi kursus Pengauditan ICT yang dianjurkan oleh Akademi Audit Negara dan Agensi Kerajaan. Berikut adalah antara kursus Pengauditan ICT yang melibatkan pegawai Bahagian Pengauditan ICT:

Bil	Kursus	Anjuran
1.	<i>Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) - IT Audit</i>	
2.	Kawalan IT	Akademi Audit Negara
3.	Asas ACL	
4.	Kitar Hayat Pembangunan Sistem (SDLC)	
5.	Pengauditan ICT	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor
6.	Pengauditan ICT kepada pegawai SAI Zanzibar	Akademi Audit Negara dan SAI Zanzibar



### BAHAGIAN KAJIAN KHAS

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Kajian Khas telah menjalankan pengauditan terhadap perkara berikut:

- Pengauditan Terhadap Pembinaan Menaik Taraf Jalan Segambut dari Jambatan KTM ke Mont Kiara, Kuala Lumpur (Seksyen A - dari bawah Jalan Kuching sehingga persimpangan SPPK Segambut, Kuala Lumpur Sepanjang 1.4 KM)
- Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) JAN Bagi Tahun Kewangan 2013
- Analisis LKAN (Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran oleh PBT)
- Analisis LKAN (Pengurusan Pertukaran Syarat Nyata Tanah di Negeri-negeri)
- Kajian Audit Terhadap Perolehan Perabot oleh Agensi Kerajaan secara Kontrak Pusat Sistem Panel

### BAHAGIAN PENGAUDITAN AIR

Fungsi utama Bahagian Pengauditan Air adalah untuk melaksanakan pengauditan dan memberikan bantuan teknikal kepada pasukan Audit terhadap lima bidang pengauditan air iaitu:

- Pengurusan Bekalan Air Minum
- Pengurusan Sumber Air
- Pengurusan Banjir
- Pengurusan Hakisan Pantai dan
- Pengurusan Air Sisa & Kumbahan

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Pengauditan Air telah melaksanakan dua pengauditan dan memberikan bantuan teknikal kepada Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dan Sektor Audit Kerajaan Negeri seperti di jadual berikut:

#### Pelaksanaan Kerja-Kerja Pengauditan Bagi Tahun 2014

Butiran / Kajian	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	Sektor Audit Kerajaan Negeri	Bahagian Pengauditan Air
Bilangan Pengauditan	4	5	2
Bilangan Pelaporan Teknikal	4	5	2

Kajian atau projek pengauditan adalah seperti berikut : -

- Sektor Audit Kerajaan Persekutuan :
  - a. Pengurusan Projek Air Tidak Berhasil (NRW)
  - b. Projek NKEA Agriculture - Sistem Kolam Bersepadu
  - c. Projek Pembinaan Empangan Paya Peda, Terengganu.
  - d. Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak



Lawatan dan semakan PRV di tapak bagi Kajian Non Revenue Water




Lawatan dan tembus Kajian NKEA Agriculture - Sistem Kolam Bersepadu (I ZAQ) bersama YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri, TKAN (P)



Pengambilan sampel bagi pengujian kualiti air bagi Kajian Aktiviti Pembalakan dan Kesan Kepada Alam Sekitar di Kedah



Bersama pasukan audit Negeri Sabah selepas lawatan dan pengesahan ditapak bagi Kajian Pengurusan Penswastaaan Loji Sabah



- Sektor Audit Kerajaan Negeri :
  - a. Kajian Audit Terhadap Aktiviti Pembalakan Dan Kesan Kepada Alam Sekitar di Negeri Kedah
  - b. Kajian Rancangan Tebatan Banjir, Jalan Luar Bandar Dan Rancangan Pengairan Negeri Sarawak
  - c. Kajian Tebatan Banjir Negeri Sabah
  - d. Kajian Pengurusan Penswastaaan Loji Negeri Sabah
  - e. Projek Bekalan Air Samalaju Negeri Sarawak
  
- Bahagian Pengauditan Air
  - a. Pengauditan Terhadap Aduan Mengenai Projek Sistem Telemetri Ramalan Dan Amaran Banjir Bersepadu - *Integrated Flood Forecasting & River* (iFFRM) JPS
  - b. Kajian Perkhidmatan Bekalan Air Dan Sanitasi Di Sekolah



Pengesahan tapak bagi pengukuran aras tanah bagi Kajian Rancangan Tebatan Banjir Sabah



Lawatan tapak loji bagi Kajian Pengurusan Bekalan Air Samalaju Sarawak



Exit Conference Kajian Bekalan Air dan Sanitasi Ke Sekolah



Lawatan Tapak Kajian Projek iFFRM

### AKTIVITI LAIN DAN PENCAPAIAN

Di samping kajian pengauditan yang telah dijalankan, Bahagian ini juga telah melaksanakan beberapa aktiviti sepanjang 2014 seperti berikut:

#### PENYEDIAAN GARIS PANDUAN SISTEM PEMBETUNGAN DAN KAWAL SELIA AIR

Di bawah kerjasama semula dengan Unit Perancangan Ekonomi, BPA telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan garis panduan dan kerja pengauditan bagi Sistem Pembetulan yang merupakan kesinambungan *core business* air selepas bekalan air minum dan pengairan dan saliran. Kerja ini masih di peringkat awal dan dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan Jun 2015.

#### PASUKAN RUJUKAN AIR DAN ALAM SEKITAR


Bagi aktiviti Pasukan Rujukan Air Dan Alam Sekitar yang dipengerusikan oleh Pengarah BPA, beberapa aktiviti telah dilaksanakan iaitu penerbitan jurnal, penyediaan *handbook*, latihan dan lain-lain. Di samping itu juga, BPA telah mengadakan Mesyuarat Pasukan Rujukan Air dan Alam Sekitar dan Gerak Kerja Penyediaan *Handbook* yang telah diadakan di Port Dickson kepada ahli jawatankuasa yang dilantik bagi menyelaraskan perancangan dan membentangkan pencapaian pasukan.



Mesyuarat dan perbincangan Pasukan Rujukan Air dan Alam Sekitar di Port Dickson



Ahli Pasukan Rujukan Air dan Alam Sekitar yang menyertai bermesyuarat di Port Dickson



## BAHAGIAN PENGAUDITAN ALAM SEKITAR

### KAJIAN

- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Hutan serta Rancangan Penggunaan Tanah sebagai Kawalan Kepada Perubahan Iklim
- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Sisa Buangan Terjadual dan Risikonya kepada Alam Sekitar
- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembinaan Bangunan Pusat Sains dan Kreativiti Negeri Terengganu
- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Aktiviti Penswastan Pengawasan Udara dan Penguatkuasaan Punca Tetap dan Punca Bergerak



Lawatan tapak bagi kajian di Negeri Sarawak, Pahang dan Johor



Mesyuarat bersama Jabatan Kerja Raya, konsultan dan kontraktor serta lawatan tapak pembinaan Pusat Sains dan Kreativiti Negeri Terengganu

## NOTA KERJASAMA DI ANTARA JAN DAN AGENSI REMOTE SENSING MALAYSIA

### STATUS KEMAJUAN KAJIAN AUDIT YANG DIRANCANG

Pada tahun 2014, kajian yang dirancang di bawah nota kerjasama dari tahun 2012 hingga 2015 telah selesai dilaksanakan seperti berikut:

- Kajian Audit terhadap pengurusan aktiviti pembangunan tanah tinggi dan kesannya kepada alam sekitar (2012)
- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perikanan Marin Dan Alam Sekitarnya (2013)
- Kajian audit terhadap Pengurusan Perhutanan Sebagai Kawalan Kepada Perubahan Iklim (2014)


Di samping itu, terdapat juga permintaan kajian secara *ad hoc* daripada Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dan Sektor Audit Khas dan Penyelidikan yang telah dilaksanakan bersama ARSM. Senarai projek *ad hoc* yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Kajian Audit Terhadap Pemberian Bantuan/Subsidi Kepada Petani/Pesawah (2012)
- Kajian audit terhadap Pengauditan Projek *River of Life* (2012)
- Kajian Audit Terhadap Hakisan Pantai (2012)
- Kajian Audit Terhadap Aktiviti Pembalakan dan Projek Agroteknologi Ladang Rakyat Negeri Kedah (2013)
- Kajian Audit Terhadap Pengurusan Pembinaan Empangan Paya Peda Terengganu (2013)

Sehubungan itu, pihak ARSM telah membangunkan sistem projek audit geospasial (PAGE5) bagi tujuan pelaksanaan pengauditan prestasi kerana keperluan penggunaan teknologi *remote sensing* dan GIS untuk JAN telah meningkat kepada 60 kajian pengauditan yang memerlukan data dan maklumat GIS dari pelbagai sektor JAN berdasarkan soal selidik yang dikeluarkan kepada warga JAN.

### MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU DAN LAWATAN STESEN BUMI, TEMERLOH

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil. 1 Tahun 2014 telah diadakan pada 27 Ogos 2014 di Bilik Mesyuarat, Stesen Bumi Temerloh, Pahang. Mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh KAN dan YBhg. Dato' Hj. Darus bin Ahmad, Ketua Pengarah ARSM. Mesyuarat ini diadakan bagi tujuan



memenuhi kehendak MoU di antara JAN dan ARSM di samping mengadakan lawatan ke Stesen Bumi, Temerloh, Pahang oleh KAN dan pegawai-pegawai Kanan JAN.

KAN turut menyampaikan penghargaan kepada pihak ARSM kerana telah banyak membantu pihak JAN dalam penggunaan teknologi *Remote Sensing* (RS) dan *Geographic Information System* (GIS) dalam pengauditan sepanjang dua tahun kerjasama JAN dan ARSM. Mesyuarat juga membincangkan mengenai status aktiviti perancangan dan pelaksanaan kerjasama dari tahun 2012 sehingga 2014 seperti berikut:

- 48 *Scene* SPOT-5, resolusi 2.5 meter, tahun cerapan (2008 - 2014)
- 3 *Scene* Pleiades, resolusi 0.5 meter, tahun cerapan (2013 - 2014)
- 4 *Scene* Ikonos, resolusi 1.0 meter, tahun cerapan (2010 - 2014)
- 4 *Scene* Radarsat-2, resolusi 10 meter, tahun cerapan (2010 - 2012).

Selain itu, terdapat tiga bidang aplikasi bagi projek kerjasama JAN dan ARSM dari tahun 2012 sehingga 2014 iaitu seperti berikut:

- Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar
- Pembangunan Infrastruktur dan
- Bantuan Kerajaan.

#### **PARALLEL AUDIT BERSAMA BADAN PEMERIKSA KEUANGAN REPUBLIK INDONESIA (BPK-RI)**

*Parallel* Audit yang dilaksanakan secara bersama di antara Malaysia dan Indonesia merupakan aktiviti tahunan bagi menjalankan pengauditan terhadap isu-isu alam sekitar yang mempunyai kepentingan bersama. Objektif kerjasama ini adalah bagi tujuan mendapatkan perkongsian ilmu dan pengalaman dalam pengauditan selaras dengan perkembangan semasa.

Bagi tahun 2014, kajian yang telah dijalankan adalah mengenai Pengurusan Perhutanan dan Pengurusan Rancangan Guna Tanah sebagai Kawalan Kepada Perubahan Iklim. JAN dan Badan Pemeriksa Keuangan, Republik Indonesia telah bersetuju untuk melaksanakan pengauditan ini berasaskan kepada dua Mesyuarat Teknikal ke-12 dan Mesyuarat Teknikal ke-13 yang telah dihadiri. Ianya merupakan salah satu aktiviti kerjasama antara dua negara di bawah rangka kerja MOU yang telah ditandatangani pada 4 November 2007 di Mexico.

## KURSUS DAN SEMINAR

### **KURSUS PENGGUNAAN TEKNOLOGI *REMOTE SENSING* (RS) DAN *GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM* (GIS) DALAM PENGAUDITAN PRESTASI**

Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Pengauditan Alam Sekitar dengan Akademi Audit Negara yang diadakan pada 27 hingga 29 Oktober 2014 di Makmal Komputer Unix, AAN.



Ceramah Yang Disampaikan oleh Penceramah daripada JAN dan ARSM

### ***ROUNDTABLE DISCUSSION ON SUSTAINABLE LIVING IN MALAYSIA (SLIM)***


Perbincangan meja bulat anjuran *Environmental Protection Society Malaysia* (EPSM) pada 24 September 2014.

### ***INTERNATIONAL GREENTECH & ECO PRODUCTS EXHIBITION AND CONFERENCE MALAYSIA (IGEM)***

*International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference Malaysia* (IGEM) yang telah diadakan pada 16 hingga 19 Oktober 2014 di Kuala Lumpur Convention Centre. IGEM dianjurkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

### **MESYUARAT KE-4 ASOSAI WGEA DAN SEMINAR KE-5 PENGAUDITAN ALAM SEKITAR DI HANOI, VIETNAM**

Mesyuarat ke-4 ASOSAI WGEA dan Seminar ke - 5 mengenai pengauditan alam sekitar telah diadakan di Hanoi, Vietnam pada 15 hingga 17 April 2014 dan dihadiri oleh 53 delegasi dan 5 pemerhati dari 19 *Supreme Audit Institutions* (SAI). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh SAI China manakala tuan rumah mesyuarat iaitu SAI Vietnam. SAI



## BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pengauditan Mengejut adalah pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN selaras dengan kehendak Seksyen 15(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) yang menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan kerajaan. Manakala, mandat JAN adalah dinyatakan di dalam Seksyen 6 Akta Audit 1957. Garis Panduan Pemeriksaan Mengejut yang telah diluluskan pada 27 September 2012 [(Pindaan 2013 (1))] adalah menjadi rujukan utama ketika menjalankan pengauditan mengejut.

Seiring dengan kehendak Akta Audit 1957 dan peraturan kewangan sedia ada, Bahagian Pemeriksaan Mengejut berperanan untuk:

- Menentukan wang dan harta awam di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab telah di akaun dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.
- Meningkatkan kesedaran di kalangan pihak auditi bahawa JAN sentiasa memantau tahap pematuhan peraturan mengenai pengurusan penerimaan wang/harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaannya.
- Menjalankan pengauditan secara mengejut mengikut kriteria pejabat yang diaudit iaitu pejabat yang memungut hasil, pejabat yang menyimpan barang-barang kes rampasan, pejabat yang menyimpan barang-barang berharga bagi orang awam, pejabat yang menyimpan Dana Khas (Pengauditan hanya boleh dijalankan oleh pegawai yang mendapat kelulusan khas daripada KAN) dan pejabat yang mana tahap pengurusan kewangannya tidak memuaskan (berdasarkan pemerhatian audit yang lalu/Indeks Akauntabiliti).

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN


Sehingga 30 Disember 2014, Bahagian ini telah melaksanakan pengauditan di 60 PTK/PK agensi kerajaan atau 67% peratus melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 36 PTJ/PK pada tahun 2014. Senarai agensi yang telah dilakukan Pengauditan Mengejut adalah seperti di Jadual 1 berikut:

### SENARAI AGENSI YANG TELAH DIAUDIT OLEH BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT TAHUN 2014

1. Klinik Kesihatan Presint 14, Putrajaya
2. Klinik 1Malaysia Taman Melati Kuala Lumpur
3. Balai Bomba dan Penyelamat Setapak, Kuala Lumpur
4. Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Cawangan Sepang
5. Depot Tahanan Imigresen Semenyih, Selangor
6. Cawangan Pemeriksaan Penumpang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia LCCT Sepang, Selangor

**SENARAI AGENSI YANG TELAH DIAUDIT  
OLEH BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT TAHUN 2014**

7. Balai Bomba dan Penyelamat Cyberjaya
8. Depot Tahanan Imigresen KLIA, Sepang Selangor
9. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
10. Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Hulu Langat, Selangor
11. Pejabat Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kuala Langat, Selangor
12. Klinik 1Malaysia Seri Balakong Jaya, Selangor
13. Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguat kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Negeri Sembilan
14. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat, Selangor
15. Pejabat KEMAS Hulu Langat, Selangor
16. Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK), Cawangan Rigger Kem Sungai Udang, Melaka
17. Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK), Cawangan Payung Terjun Kem Sungai Udang, Melaka
18. Klinik 1Malaysia Perkasa Kampung Pandan, Kuala Lumpur
19. Balai Polis Bangi, Bandar Seri Putra Kajang, Selangor
20. Muzium Tentera Udara Diraja Malaysia, Kuala Lumpur
21. Pejabat Datuk Bijaya Diraja Istana Negara, Kuala Lumpur
22. Klinik Cure & Care 1Malaysia, Sungai Besi, Kuala Lumpur
23. Balai Polis Batu 9, Hulu Langat, Selangor
24. Pejabat Perikanan Daerah Hulu Langat, Selangor
25. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
26. Maktab Tentera Diraja, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
27. Klinik Kesihatan Semenyih, Selangor
28. Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Dang Wangi, Kuala Lumpur
29. Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Kuala Langat, Banting Selangor
30. Jabatan Pengangkutan Jalan, Cawangan Banting, Selangor
31. Balai Polis Pantai, Kuala Lumpur
32. Balai Polis Bukit Jalil, Kuala Lumpur
33. Depot Tahanan Imigresen, Bukit Jalil Kuala Lumpur
34. Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Jalil, Kuala Lumpur
35. Klinik Cure & Care 1 Malaysia, Dengkil, Selangor
36. Jabatan Imigresen Cawangan Kuala Langat, Selangor
37. Pejabat Kebajikan Masyarakat, Cawangan Putrajaya
38. Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur
39. Pejabat Jabatan Hal Ehwal Khas, Negeri Selangor
40. Pejabat Belia dan Sukan Kawasan Titiwangsa/Setiawangsa, Kuala Lumpur



SENARAI AGENSI YANG TELAH DIAUDIT  
OLEH BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT TAHUN 2014

41. Pejabat Belia dan Sukan Kawasan Cheras /Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur
42. Pejabat Belia dan Sukan, Kawasan Bukit Bintang Kuala Lumpur
43. Klinik 1 Malaysia, Danau Kota, Kuala Lumpur
44. Kompleks Rakan Muda, Bukit Kiara, Kuala Lumpur
45. Balai Polis Setapak, Kuala Lumpur
46. Pejabat Kebajikan Masyarakat, Daerah Kuala Langat, Banting Selangor
47. Pejabat Perikanan, Wilayah Persekutuan Labuan
48. Pejabat Jabatan Hal Ehwal Khas, Daerah Hulu Langat, Kajang Selangor
49. Balai Polis Komuniti Dato' Abu Bakar Baginda, Bandar Baru Bangi, Selangor
50. Balai Polis Komuniti Bandar Tun Hussin Onn, Cheras, Selangor
51. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
52. Rumah Komuniti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Daerah Hulu Langat, Selangor
53. Perpustakaan Cawangan Kajang, Selangor
54. Kedai PERNAMA PN400, Kem Wardieburn, Kuala Lumpur
55. JAN Negeri Perak
56. JAN Negeri Pulau Pinang
57. JAN Negeri Pahang
58. JAN Negeri Melaka
59. JAN Negeri Sembilan
60. JAN Negeri Sabah

Pegawai BPM juga telah dilantik oleh pihak pengurusan atasan untuk melaksanakan satu siasatan terhadap kes Pembinaan Bangunan Baru samada wujud elemen salah guna kuasa ataupun penyelewengan terhadap pegawai awam. Laporan siasatan telah dikemukakan kepada pihak pengurusan atasan dalam tempoh yang ditetapkan. Gambar ketika pengauditan dijalankan adalah seperti berikut:



Pengauditan di Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Jalil, Kuala Lumpur (24 September 2014)



Pengauditan di Balai Polis Batu 9, Cheras Selangor (06 Ogos 2014)



Pengauditan di Maktab Tentera Di Raja, Sungai Besi Kuala Lumpur (19 Ogos 2014)




Pengauditan di Cawangan Rigger, Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK), Kem Sungai Udang Melaka (13 Jun 2014)



Pengauditan di JAN Negeri Pahang (27 Mac 2014)



Pengauditan di Pejabat Perikanan, Wilayah Persekutuan Labuan (05 Disember 2014)



## ANALISA LAPORAN PENGAUDITAN MENGEJUT YANG TELAH DILAKSANAKAN SECARA KESELURUHAN PADA TAHUN 2014

Pada tahun 2014, sejumlah 36 PTJ/PK juga telah dijadikan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) bagi pengauditan mengejut yang perlu dicapai oleh Bahagian Pengauditan Mengejut, setiap JAN Negeri dan Sektor Audit BBP. Sehingga tarikh 30 Disember 2014, sejumlah 538 Pemerhatian Audit PTJ/PK agensi telah diterima dan dianalisa oleh Bahagian ini bagi tujuan pelaporan dalam LKAN 2014. Jumlah PTJ/PK/agensi yang telah dilakukan Pemeriksaan Mengejut oleh JAN Negeri, Sektor BBP dan Bahagian Pemeriksaan Mengejut Sektor Audit Khas dan Penyelidikan adalah seperti di jadual berikut:

### PENGAUDITAN MENGEJUT YANG TELAH DILAKUKAN OLEH BPM/ JAN NEGERI/ SEKTOR BBP

BIL.	NAMA BAHAGIAN/SEKTOR/NEGERI	BIL. PTJ/PK DIAUDIT MENGIKUT KATEGORI AGENSI			JUMLAH AGENSI DIAUDIT
		KERAJAAN PERSEKUTUAN	KERAJAAN NEGERI	BBP	
1.	Bahagian Pemeriksaan Mengejut (BPM) Sektor Audit Khas & Penyelidikan	58	1	1	60
2.	Badan Berkanun Persekutuan (Ibu Pejabat)	TB	TB	23	23
3.	JAN Negeri Perlis	15	5	9	29
4.	JAN Negeri Pulau Pinang	13	7	10	30
5.	JAN Negeri Perak	1	6	9	16
6.	JAN Negeri Sabah	12	13	14	39
7.	JAN Negeri Kelantan	7	12	12	31
8.	JAN Negeri Terengganu	12	16	13	41
9.	JAN Negeri Kedah	7	12	12	31
10.	JAN Negeri Pahang	12	15	9	36
11.	JAN Negeri Sarawak	12	27	7	46
12.	JAN Negeri Selangor	13	39	10	62
13.	JAN Negeri Melaka	11	13	6	30
14.	JAN Negeri Negeri Sembilan	9	14	11	34
15.	JAN Negeri Johor	11	10	13	34
<b>JUMLAH</b>		<b>195</b>	<b>190</b>	<b>153</b>	<b>538</b>





## LAPORAN AKTIVITI SEKTOR PENGURUSAN

### BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA


Fokus utama dalam pengurusan sumber manusia di JAN adalah pengurusan personel yang merangkumi aspek 3K iaitu **Kemahiran**, **Kreativiti** dan **Kepimpinan** yang mampu memberikan sumbangan kepada pencapaian Jabatan. Sehubungan itu, Jabatan telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Manusia dengan cekap dan teratur.

#### Kedudukan Perjawatan Dan Personel

Perjawatan yang diluluskan bagi JAN sehingga hujung tahun 2014 adalah 2,055 perjawatan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,977 jawatan telah diisi. Perinciannya adalah seperti jadual berikut :

Ringkasan Bilangan Perjawatan, Pengisian, Kekosongan Mengikut Sektor				
Bil.	Ringkasan Perjawatan	Lulus	Isi	Kosong
1.	Pejabat Ketua Audit Negara	11	8	3
2.	Sektor Pengurusan	228	217	11
3.	Akademi Audit Negara	50	49	1
4.	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	414	404	10
5.	Sektor Audit Kerajaan Negeri	16	16	0
6.	Sektor Audit Khas & Penyelidikan	72	67	5
7.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	178	172	6
8.	JAN Negeri Johor	86	79	7
9.	JAN Negeri Kedah	68	68	0
10.	JAN Negeri Kelantan	75	72	3
11.	JAN Negeri Melaka	58	55	3
12.	JAN Negeri Sembilan	61	56	5
13.	JAN Negeri Pahang	71	68	3
14.	JAN Negeri Perak	82	79	3
15.	JAN Negeri Perlis	45	45	0
16.	JAN Negeri P. Pinang	74	72	2
17.	JAN Negeri Selangor	81	78	3
18.	JAN Negeri Terengganu	73	69	4
19.	JAN Negeri Sarawak	156	150	6
20.	JAN Negeri Sabah	156	153	3
JUMLAH		2055	1977	78

*Nota: Data adalah setakat 31 Disember 2014*



## SEKSYEN PERKHIDMATAN


Antara aktiviti Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia adalah:

Bil	Aktiviti	Pencapaian
1.	Menguruskan Hal-hal berkaitan dengan urusan Pengesahan Pelantikan	38
2.	Menguruskan Hal-hal berkaitan dengan urusan Pengesahan Perkhidmatan/ Pelanjutan Tempoh Percubaan/ Pemberian Taraf Berpencen/	50
3.	Menguruskan Penyediaan Kew.8	2311
4.	Menguruskan pengemaskinian Kenyataan Perkhidmatan ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan	3310
5.	Menguruskan Pengemaskinian Kenyataan Cuti ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan	919
6.	Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan urusan pelepasan jawatan/ peletakan jawatan	37
7.	Menguruskan hal-hal Yang Berkaitan Dengan Urusan Persaraan Wajib/Pilihan	47
8.	Menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan permohonan Cuti Kerana Perkhidmatan/Perubatan/Haji	70
9.	Mengurus permohonan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal/Ehsan/ Tambang Percuma Ke Luar Negeri	59
10.	Mengurus permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan	98
11.	Mengurus permohonan Pinjaman Perumahan	19
12.	Menguruskan permohonan pengeluaran caruman KWSP	18
13.	Menguruskan permohonan Perakuan Hospital	50
14.	Menguruskan permohonan bayaran balik Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih	42
15.	Menguruskan permohonan Elaun Pakaian Panas/Menghadiri Upacara Rasmi/ Istiadat/Black Tie	88
16.	Pengemaskinian Rekod Peribadi Para Pegawai JAN dalam HRMIS sehingga 31 Disember 2014	99.96%
17.	Pengemaskinian Profil Perkhidmatan Para Pegawai JAN dalam HRMIS sehingga 31 Disember 2014	99.89%

## SEKSYEN PENGURUSAN PRESTASI

Antara aktiviti Seksyen Pengurusan Prestasi adalah seperti berikut :



Bil.	Aktiviti	Pencapaian Sebenar
1.	Menguruskan Kenaikan Pangkat Pegawai	JUSA - 7 W54 - 3 W52 - 3
	(i) Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional	W48 - 4 W44 - 35
	(ii) Kumpulan Sokongan	W36 - 8 W32 - 18 W26 - 1
2.	(iii) (KUP 13 Tahun) Kumpulan Sokongan	W32 - 4 N4 - 2
	Menguruskan Pemangkuhan Pegawai	JUSA - 1 W54 - 2 W52 - 5
	(i) Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional	W48 - 11 W44 - 9
3.	(ii) Kumpulan Sokongan	W36 - 6 W32 - 30 W26 - 2
	Mengurusetikan Mesyuarat Panel Pembangunan Manusia	
	(i) Pergerakan Gaji Biasa Tahun 2013 (ii) Anjakan Gaji Tahun 2013 (iii) Pemilihan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2013	1 kali 1 kali 1 kali
4.	Menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU)	2 kali setahun. Telah diadakan pada: i. 03 Januari 2014 ii. 27 Mac 2014 Mesyuarat JKJU Bil. 3/2014 ditangguhkan bagi penubuhan JITU (sehingga Mac 2014) Diambil alih oleh Unit Integriti
5.	(i) Menyelaras Laporan Nilai Prestasi Tahunan	1876
	(ii) Penyediaan LNPT bagi urusan kemajuan kerjaya	74
6.	Menguruskan Pengisytiharan Harta Pegawai	16 kelulusan
	(i) Menguruskan kelulusan dan merekodkan maklumat pengisytiharan harta	(sehingga Mac 2014) Diambil alih oleh Unit Integriti
7.	Menguruskan Perakuan Tanggung Kerja	
	(i) Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan & Profesional	Seorang (Pengurusan Tertinggi) 55 orang (P&P)
	(ii) Kumpulan Sokongan	92 orang (Sokongan)
8.	Mengurus Kes Tatatertib	3 kes tatatertib biasa- sedang berjalan; Diambil alih oleh Unit Integriti



Bil.	Aktiviti	Pencapaian Sebenar
9.	Menguruskan Perakuan Pelantikan Pinjaman	12 orang (Pelantikan baru) 9 orang (Pelantikan semula) 2 orang (pelantikan tetap)
10.	Menguruskan Penganugerahan Pingat dan Bintang	Pegawai yang telah dianugerahkan pingat: Pingat NS - 1 pegawai Pingat Persekutuan - 4 pegawai Pingat Kelantan - 1 pegawai Pingat Selangor - 1 pegawai Pingat WP - 2 pegawai Pingat Perkhidmatan Cemerlang - 2 pegawai
11.	Menguruskan Hal-hal Yang Berkaitan Dengan Urusan Pertukaran	151 borang
12.	Penyelarasan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	Mesyuarat telah diadakan seperti berikut: i. 3 Mac 2014; ii. 10 Julai 2014; iii. 11 Sept 2014 iv. 17 Dis 2014
13.	Urusan Pengambilan Pekerja Khidmat Singkat	Jumlah pegawai dilantik - 24 orang Proses pengambilan termasuk pelantikan semula - 48 proses
14.	Pelantikan Kontrak	Jurutera JUSA C - 1 PPTM Gred F29 - 1 Pen Jurutera JA 29 - 1 Pemandu Gred H11 - 1
15.	Mengurus Hal-hal Yang Berkaitan Dengan Urusan Permohonan Keluar Negeri	Urusan Persendirian - 434 Urusan Resmi - 99

### SEKSYEN PERANCANGAN KERJAYA

Seksyen Perancangan Kerjaya (SPK), JAN ditempatkan di bawah Cawangan Pembangunan Modal Insan, Sektor Pengurusan. Pada tahun 2014, SPK telah menganalisis dan membentangkan Laporan Analisis Sumber Manusia JAN (Januari 2014) kepada pihak Pengurusan. Laporan ini disediakan bagi memastikan pendekatan *Matching Concept* dapat dilaksanakan di peringkat JAN bertujuan untuk merapatkan jurang diantara sumber manusia yang sedia ada (Ss) dan keperluan sumber manusia masa hadapan (Dd) mengikut keperluan dan kehendak JAN.



Disamping itu, SPK juga telah bertindak sebagai Urus setia kepada Jawatankuasa Pemandu dan Pemantauan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) JAN 2013-2015. Perancangan, Pembangunan dan Pengurusan sumber manusia JAN merupakan satu bahan rujukan dan garis panduan dalam memastikan sumber manusia JAN dapat diuruskan dan perancangan kerjaya dapat dilaksanakan mengikut kehendak dan keperluan semasa jabatan dan *stakeholder*. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 3 mesyuarat telah diadakan iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PSSM JAN 2013-2015 pada 28 Januari 2014 yang dipengerusikan oleh KAN dan 2 Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan PSSM JAN 2013-2015 pada 16 Januari dan 9 Julai 2014 yang dipengerusikan oleh Pengarah Sektor Pengurusan. Jawatankuasa Pemandu dipertanggungjawabkan untuk menilai impak strategi/aktiviti PSSM JAN sejajar dengan Pelan Strategik JAN serta membuat keputusan isu-isu dasar serta membuat penyesuaian strategik kepada perancangan sedia ada. Manakala, Jawatankuasa Pemantauan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan strategi/aktiviti PSSM dilaksanakan mengikut perancangan dan membuat penilaian impak serta menyediakan kertas pembentangan kepada Jawatankuasa Pemandu PSSM JAN 2013-2015.

**FUNGSI KLUSTER PENGURUSAN**


- KLUSTER 1: MENGHASILKAN** - Menghasilkan produk/ perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan di dalam pasaran sedia ada.
- KLUSTER 2: MENJADI PUSAT** - Menjadi pusat pengetahuan dan sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi.
- KLUSTER 3: MEMASUKKAN** - Memastikan pengurusan sumber manusia dijalankan dengan berkesan.
- KLUSTER 4: MEMASUKKAN** - Memastikan pengurusan sumber manusia dijalankan dengan berkesan.

**PASUKAN RUJUKAN SEKTOR PENGURUSAN**

- PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- PENGURUSAN KEUANGAN & PENTADBIRAN
- PENGURUSAN KORPORAT
- PENGURUSAN INTEGRITI & PENGURUSAN TATATERTIB

**SEKTOR PENGURUSAN**  
No 15, Arau 2  
Pentadbiran Perdana, Precinct 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62518, Wilayah Persekutuan Putrajaya

**PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**  
MENJAMIN KECEMERLANGAN & PROFESSIONALISME  
WARGA JABATAN AUDIT NEGARA



SPK juga bertindak sebagai urusetia kepada Pasukan Rujukan (SME) Pengurusan. Ini merupakan satu lagi platform pengembangan kerjaya bagi Kluster Pengurusan. Semua pegawai Gred 41 dan ke atas di Sektor Pengurusan telah dilantik sebagai SME mengikut bidang masing-masing. Terdapat 4 Sub Kluster diwujudkan iaitu Sub Kluster Pengurusan Sumber Manusia, Sub Kluster Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran, Sub Kluster Pengurusan Korporat dan Sub Kluster Pengukuhan Integriti dan Pengurusan Tatatertib. Satu Brosur SME Pengurusan telah disediakan dan diedarkan ke seluruh JAN.

SPK bertanggungjawab memastikan urusan berkaitan pencalonan juruaudit bagi mengikuti kursus/bengkel/seminar anjuran seksyen/agensi luar dilaksanakan dan pada tahun 2014 seramai 6 orang pegawai telah dihantar ke luar negara. Senarai kursus dan pegawai adalah seperti di jadual di bawah:

Jenis Kursus	Program	Pegawai Terlibat
Kursus kepimpinan luar negara	COTI(Korea)	Pn. Nurintan binti Aziz (W27) JAN Negeri Johor
	JICA (Jepun)	Cik Aziatul Akmam binti Abdullah @ Atan (W41) SAK&P
	iCISA (India)	Cik Rosmasni binti Md Isa (W44) En. Muhamad Syafiq bin Mohd Pauzi (W36) SAK&P
	Kursus Economic Partnership (EPP)-JEPUN	En. Tuan Badrul Hisham bin Tuan Jusoh (M 41) Sektor Pengurusan
	Pertukaran Belia Malaysia - Korea	En. Shahrin bin Abdul Wahab (FT 17) JAN Negeri Pulau Pinang

Manakala pada tahun ini juga, sebanyak 29 permohonan telah diterima daripada pegawai JAN untuk melanjutkan pelajaran di bawah Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Seorang pegawai telah berjaya ditawarkan Hadiah Latihan diperingkat PhD dan 6 orang pegawai diperingkat Sarjana.

**SEKSYEN PENGURUSAN KOMPETENSI**

Sepanjang tahun 2014, Seksyen Pengurusan Kompetensi telah mengadakan beberapa aktiviti seperti berikut:

**Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bagi Juruaudit W41 dan Penolong Juruaudit Gred W27 Dalam Percubaan dan Peperiksaan Khas KPSL Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41 Tahun 2014.**

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2014 telah diadakan pada 20 hingga 22 Mei 2014. Peperiksaan pada kali ini melibatkan seramai 97 calon secara keseluruhannya iaitu 34 calon Juruaudit W41 dan 63 calon Penolong Juruaudit W27 di 6 lokasi Pusat Peperiksaan seperti jadual berikut:


**Senarai Pusat Peperiksaan dan Calon-calon Mengikut Negeri Bil. 1 Tahun 2014**

Bil.	Zon	Pusat Peperiksaan	Bilangan Calon
1.	Tengah	Akademi Audit Negara	64
2.	Selatan	JAN Negeri Johor	6
3.	Utara	JAN Negeri Kedah	8
4.	Timur	JAN Negeri Terengganu	5
5.	Sarawak	JAN Negeri Sarawak	10
6.	Sabah	JAN Negeri Sabah	4
<b>JUMLAH</b>			<b>97</b>

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 2 Tahun 2014 dan Peperiksaan Khas KPSL Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41 Tahun 2014 telah diadakan pada 18 hingga 20 November 2014. Peperiksaan ini melibatkan seramai 107 calon secara keseluruhannya iaitu 31 calon Juruaudit W41, 65 calon Penolong Juruaudit W27 dan 11 calon KPSL W41 di 6 lokasi Pusat Peperiksaan seperti jadual berikut:

**Senarai Pusat Peperiksaan Dan Bilangan Calon**

Bil.	Zon	Pusat Peperiksaan	Bilangan Calon
1.	Tengah	Akademi Audit Negara	70
2.	Selatan	JAN Negeri Johor	8
3.	Utara	JAN Negeri Kedah	9
4.	Timur	JAN Negeri Terengganu	4
5.	Sarawak	JAN Negeri Sarawak	9
6.	Sabah	JAN Negeri Sabah	7
<b>JUMLAH</b>			<b>107</b>



## BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

### SEKSYEN KEWANGAN


#### Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2014, peruntukan perbelanjaan mengurus JAN berjumlah RM 165,924,000 (setelah penarikan Waran Sekatan daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM 3,163,000) iaitu pertambahan sebanyak RM 18,390,000 (12%) dari tahun 2013. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM 143,297,706.85 (97.1%) telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

#### Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2013 dan 2014

	2013			2014		
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
Emolumen	96,155,000.00	94,392,454.17	98.17%	103,895,500.00	101,825,131.43	98.01%
Perkhidmatan dan Bekalan	49,379,000.00	47,377,471.91	95.95%	56,707,500.00	47,068,588.99	83.0%
Aset	1,810,000.00	1,607,209.48	88.80%	5,093,000.00	4,481,644.50	88.0%
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	135,000.00	106,577.57	78.95%	168,000.00	150,966.55	89.86%
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	55,000.00	22,746.39	41.36%	60,000.00	37,220.90	62.03%
<b>JUMLAH</b>	<b>147,534,000.00</b>	<b>143,506,459.52</b>	<b>97.27%</b>	<b>165,924,000.00</b>	<b>153,563,552.37</b>	<b>92.55%</b>

## Prestasi Perbelanjaan Mengurus JAN Bagi Tahun 2013 Hingga 2014 Mengikut Objek Am




## SEKSYEN PEROLEHAN

Perolehan di JAN telah diuruskan dengan teratur dan berkesan dengan mematuhi semua peraturan yang berkaitan berlandaskan prinsip akauntabiliti, telus (*transparent*), nilai faedah yang terbaik (*value for money*), saingan terbuka, adil dan saksama serta mematuhi peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa. Perolehan pada tahun 2014 telah dilaksanakan melalui kaedah Pembelian Terus, Sebut Harga, Tender dan Rundingan Terus. Jumlah keseluruhan bagi perolehan yang telah dilaksanakan adalah berjumlah RM 8,568,388.43. Maklumat perolehan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

Bil	Kaedah Perolehan	Kuantiti	Nilai (RM)
1.	Pembelian Terus	520	3,454,801.43
2.	Sebut Harga	15	2,187,531.00
3.	Tender	2	2,926,056.00
4.	Rundingan Terus	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>537</b>	<b>8,568,388.43</b>

## Perolehan JAN Mengikut Peruntukan Bagi Tahun 2014



## Pelantikan Firma Audit Swasta

FAS adalah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang pengauditan atau perkhidmatan. Firma ini juga merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Bilangan yang berdaftar dengan JAN berjumlah 81 FAS. Pelantikan FAS bertujuan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak KAN. Maklumat pelantikan FAS seperti di jadual berikut :


Bil.	Pelantikan/Pelanjutan Pengauditan Oleh Firma Audit Swasta	Kuantiti
1.	Pelantikan FAS Secara Lantikan Terus Bagi Tahun Kewangan 2014/2015	0
2.	Pelantikan Baru FAS Lantikan Baru Bagi Tahun 2014/2015	0
3.	Pelantikan Baru FAS Lantikan Pelanjutan Bagi Tahun 2014/2015	61
4.	Pelantikan Baru FAS Lantikan Secara Tender (Lembaga 'A' JAN) Bagi Tahun 2014/2015	0
5.	Pelantikan Baru FAS Lantikan Secara Sebut Harga (JAN) Bagi Tahun 2014/2015	0
<b>JUMLAH</b>		<b>61</b>

## SEKSYEN PEMBANGUNAN

Jumlah peruntukan asal Peruntukan Pembangunan (DE) yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) adalah RM11,107,000.00 dan selepas pindaan adalah RM14,607,000.00. Bagi peruntukan untuk *Rolling Plan* Ke-3 (RP-3) iaitu tahun 2014 adalah sebanyak RM4,472,300.00 bagi melaksanakan tiga (3) projek pembinaan pejabat JAN seperti berikut :


- Projek Pembinaan Pejabat JAN Negeri Pahang - Projek Sambungan;
- Projek Pembinaan Pejabat JAN Negeri Terengganu - Projek Sambungan; dan
- Projek JAN Negeri Sabah - Projek Baru

**Maklumat Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi JAN  
Sehingga 31 Disember 2014**



Aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Seksyen Pembangunan JAN sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

- Lawatan Tapak dan Mesyuarat Penyelarasan bagi Penutupan Akaun Projek Pembinaan Bangunan Pejabat JAN Negeri Pahang;
- Lawatan Tapak Projek dan Mesyuarat Penyelarasan Infra Bersama Kementerian/Jabatan/Agensi Berkaitan di Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu, Bukit Besar, Kuala Terengganu bagi Projek Pembinaan Bangunan Pejabat JAN Negeri Terengganu;
- Lawatan Tapak Projek di Tapak RTM, Jalan Tuaran, Kota Kinabalu dan Mesyuarat Penyelarasan di JAN Negeri Sabah bagi Projek Pembinaan Bangunan Pejabat JAN Negeri Sabah;



- Lawatan Tapak Cadangan Projek dan Perbincangan di JAN Negeri Johor bagi Cadangan Projek Pembinaan Bangunan Pejabat JAN Negeri Johor;
- Lawatan Tapak Cadangan Projek dan Perbincangan di JAN Negeri Sarawak bagi Cadangan Projek Pembinaan Bangunan Pejabat JAN Negeri Sarawak;
- Lawatan Tapak Cadangan Projek dan Perbincangan di JAN Negeri Pulau Pinang bagi Cadangan Projek Pembinaan Bangunan Pejabat JAN Negeri Pulau Pinang; dan
- Lawatan Tapak Cadangan Projek dan Perbincangan di JAN Negeri Kedah bagi Cadangan Projek Pembinaan Bangunan Pejabat JAN Negeri Kedah.

## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Objektif Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) di wujudkan di JAN adalah seperti berikut:

- Menguruskan sumber teknologi maklumat serta memberikan khidmat teknikal ICT; dan
- Memastikan program pengkomputeran JAN dirancang dan dilaksanakan selaras dengan visi dan misi JAN.

Bagi melaksanakan objektif ini, BTM mempunyai persekitaran ICT yang perlu dirancang dan dilaksanakan selaras dengan misi JAN iaitu melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Parlimen dan badan Perundangan Negeri kearah meningkatkan tadbirurus sektor awam.

Tiga aspek utama di dalam melaksanakan objektif BTM adalah meliputi:

- Khidmat teknikal ICT, operasi dan rangkaian;
- Pembangunan aplikasi; dan
- Perolehan-perolehan ICT

Antara perolehan-perolehan ICT yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Nama Projek	Kos (RM)
1.	Pembangunan <i>AG's Dashboard</i> versi 2.0	1,768,074.00
2.	Perolehan peralatan ICT	1,157,982.00
3.	Penyenggaraan Emel	398,880.00
4.	Penyenggaraan <i>Video Conference</i>	283,500.00

Bil.	Nama Projek	Kos (RM)
5.	Penyenggaraan <i>Smart Uninterrupted Power Supply</i> (UPS)	432,000.00
6.	Migrasi Pangkalan Data Sistem eSPP dan Portal kepada My SQL	66,000.00

Bagi keperluan operasi serta khidmat teknikal, pencapaian yang diterima adalah apabila segala permasalahan telah dapat diambil tindakan sewajarnya serta program penambahbaikan keselamatan dan rangkaian tetap dipertingkatkan dan dikawalselia, serta sistem dan emel dapat dicapai oleh pengguna tanpa sebarang masalah.

#### **KE ARAH PENINGKATAN KUALITI PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM, ISMS)**

JAN secara rasminya telah memperolehi pengiktirafan di bawah piawaian MS ISO/IEC 27001:2005 & ISO/IEC 27701:2007 - ISMS pada 20 Disember 2013. Pada 17 September 2014, Audit Pemantauan ISMS SIRIM bagi *stage 1* telah dijalankan. Hasil audit pemantauan tersebut, JAN telah mendapat 5 Peluang Penambahbaikan dan tidak ada ketakurannya. Audit Pengauditan tersebut adalah yang terakhir menggunakan piawaian yang lama. Pada 2015, pihak SIRIM akan menggunakan piawaian yang baru.


#### **KHIDMAT PENYENGGARAAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL SECARA BERTERUSAN**

##### **Penyenggaraan Tidak Berjadual**

Perkhidmatan penyenggaraan secara berterusan sama ada secara berjadual atau tidak berjadual merupakan salah satu teras perkhidmatan BTM. Pada tahun 2014, statistik penyenggaraan secara tidak berjadual yang melibatkan pelbagai peralatan ICT berkurang berbanding tahun 2013 dengan penurunan sebanyak 19.17 peratus. Pecahan penyenggaraan secara tidak berjadual untuk setiap bulan adalah seperti carta di bawah.

##### **Khidmat Sokongan Teknikal**

Sistem Persidangan Video (VC) merupakan salah satu sistem komunikasi yang utama di JAN dan digunakan dengan amat meluas terutama dalam pengurusan mesyuarat. Berikut adalah statistik penggunaan VC bagi tahun 2014.



### Pelupusan ICT

Setiap tahun, BTM akan menerima permohonan JAN Negeri bagi pemeriksaan peralatan ICT yang akan dilupuskan. Bagi tahun 2014 sejumlah 133 Peralatan ICT yang telah dilupuskan bagi JAN Negeri Melaka dan Ibu Pejabat JAN. Senarai peralatan yang dilupuskan adalah seperti di dibawah.

Negeri	Senarai Peralatan	Tarikh Pemeriksaan
JAN Negeri Melaka	8 unit Komputer Riba	27-28 Mac 2014
	6 unit Pencetak	
	1 unit Pengimbas	
JAN Ibu Pejabat	75 unit Komputer Peribadi	
	22 unit Komputer Riba	
	19 unit Pencetak	
	1 unit Pengimbas	
	1 unit Projektor	

### PEMBANGUNAN SISTEM

Sepanjang tahun 2014, sistem baru dibangunkan dan sistem sedia ada ditambahbaik serta diselenggara. Antara sistem utama adalah seperti berikut:

#### Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (*AG's Dashboard*)

Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara atau *Auditor General's Dashboard (AG's Dashboard)* disediakan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan Kedua (GTP 2.0) di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Anti-Rasuah bagi menyediakan maklum balas terkini kepada orang awam agar dapat menggalakkan ketelusan dan mempercepatkan penyelesaian isu di peringkat Jabatan/Agensi.

Buat pertama kalinya JAN memaparkan kepada orang ramai status tindakan terhadap penemuan audit Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) secara *online*. Paparan maklum balas ini merupakan tindakan auditi terhadap penemuan LKAN mengikut Aktiviti Kementerian/Jabatan, Syarikat Kerajaan, Badan Berkanun di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Maklum balas tindakan auditi dikemaskini dan dipamerkan mengikut status **tiada tindakan**, **dalam tindakan** dan **selesai**. Paparan Susulan LKAN dimuat naik pada hari LKAN dibentangkan pada setiap sesi parlimen bersidang. *AG's Dashboard* versi 1.0 telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 30 Mei 2013.

Pada tahun 2014, *AG's Dashboard* versi 2.0 dibangunkan dengan fasiliti tambahan iaitu auditi boleh memberi maklumbalas terkini mengenai penemuan yang dibangkitkan dalam LKAN secara *online*. Selain daripada itu, orang awam juga boleh menghantar komentar mengenai sesuatu penemuan dalam LKAN. *AG's Dashboard* versi 2.0 dijadual digunakan mulai tahun 2015.

#### **Laman Web Perhimpunan ASOSAI**

Malaysia adalah tuan rumah Perhimpunan ASOSAI yang ke XIII pada tahun 2015. BTM telah membangunkan laman web untuk Perhimpunan ASOSAI dan mengemaskini kandungan laman web ini dari semasa ke semasa sehingga perhimpunan ini berlangsung. Pendaftaran peserta bagi negara-negara yang menyertai Perhimpunan ASOSAI yang ke XIII juga dilaksanakan melalui laman web ini. Adalah diharapkan peserta Perhimpunan ASOSAI dan pengunjung laman web ini memanfaatkan informasi terkini mengenai Perhimpunan ASOSAI ke XIII yang disalurkan melalui laman web ini.

#### ***Automated Working Paper eARAS***

*Automated Working Paper* untuk pengauditan pengurusan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dilaksanakan di dalam Sistem eARAS. Tujuan kertas kerja secara *online* adalah bagi memudahkan juruaudit menjalankan pengauditan. Adalah diharapkan dengan adanya kertas kerja *online* ini, maklumat kertas kerja boleh diisi oleh pasukan audit pada bila-bila masa dan ianya boleh dicapai di mana-mana lokasi yang ada akses internet.

#### **Sistem Pengurusan Pengauditan (eSPP)**


Sistem Pengurusan Pengauditan diselenggara dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Antaranya penambahan maklumat Siri LKAN di dalam Modul Pengauditan eSPP, notifikasi kepada pasukan audit untuk menghantar peringatan kepada auditi dan perubahan laman utama eSPP yang lebih informatif.

#### **Portal Jabatan**

Portal Rasmi JAN ditambahbaik dan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut garis panduan laman web agensi kerajaan dan kriteria penilaian laman web. Pada tahun 2014, *self assessment* mula diperkenalkan oleh pihak MDEC bagi menilai tahap pencapaian portal jabatan mengikut kriteria penilaian laman web yang ditetapkan.

## **BAHAGIAN TEKNIKAL**

Bahagian Teknikal bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal dan terlibat secara langsung dalam proses pengauditan prestasi projek pembinaan. Bahagian Teknikal juga



membantu Sektor Pengurusan merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan dan penyenggaraan pejabat JAN. Selain daripada kerja-kerja pengauditan, Bahagian ini juga turut diminta memberi penjelasan dan kefahaman yang berkaitan dengan isu-isu teknikal kepada juruaudit dari masa ke semasa. Pegawai-pegawai teknikal juga terlibat dalam memberi latihan khususnya dalam aspek teknikal kepada peserta kursus di Akademi Audit Negara dan lain-lain agensi apabila diperlukan.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2014

### Pengauditan

Bagi tahun 2014, bilangan projek pembinaan yang diaudit adalah sebanyak 45 projek. Walaupun laporan audit perlu disediakan sebanyak tiga kali setahun, Bahagian Teknikal telah dapat melaksanakan kerja-kerja pengauditan mengikut seperti yang telah dirancang oleh sektor-sektor.

Bahagian teknikal juga telah menjalankan pengauditan teknikal bersama pihak JKR terhadap projek MRT Lembah Klang yang sedang dalam pembinaan. Bagi tahun 2014, satu laporan teknikal telah dapat disiapkan dan dikemukakan kepada KAN.



Pengauditan Projek MRT Lembah Klang



Pengauditan Projek Institut Kanser Negara, Putrajaya




Pengauditan Projek Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor

### **Pembangunan Jabatan**

Pemantauan juga dibuat bagi projek dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan untuk memastikan segala kecacatan diperbaiki. Bahagian ini juga terlibat dalam membuat pemeriksaan bagi projek yang akan tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi bangunan JAN Negeri Pahang sebelum Sijil Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan oleh JKR.

Bagi projek pejabat JAN yang baru, Bahagian Teknikal terlibat dalam perancangan projek pembangunan JAN Negeri Sabah, Terengganu, Kedah, Sarawak, Pulau Pinang, Johor dan pembinaan bangunan pejabat JAN di Putrajaya.



Selain itu, Bahagian teknikal juga membantu Seksyen Pembangunan memantau dan memberi khidmat nasihat teknikal bagi kerja penyenggaraan bangunan JAN Negeri Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan dan Selangor bagi menyelesaikan masalah kecacatan dan kerosakan yang berlaku.



Lawatan Tapak Cadangan JAN Sabah



Lawatan Tapak Cadangan JAN Pulau Pinang



Pemeriksaan Kerosakan Siling Wisma Audit Negeri Kelantan



Pemeriksaan Kebocoran Bumbung Wisma Audit Negeri Sembilan



### Khidmat Nasihat Teknikal

Khidmat nasihat teknikal juga telah diberikan dari semasa ke semasa apabila diminta oleh Juruaudit melalui perbincangan, emel dan telefon. Kebanyakan khidmat nasihat teknikal adalah yang berkaitan dengan isu pentadbiran kontrak dan pengurusan projek pembinaan.

### Ceramah


Sepanjang tahun 2014, Bahagian ini telah memberi ceramah bagi kursus yang dianjurkan oleh Audit Dalam Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berkaitan dengan pengauditan projek pembinaan. Ceramah yang diberikan dapat memberikan pengetahuan kepada juruaudit tentang perkara-perkara teknikal dalam pengurusan projek pembinaan serta dapat membantu dalam kerja pengauditan. Ceramah juga telah diberikan kepada pegawai-pegawai JKR bagi kursus *Lessons Learned* berkaitan pengauditan projek pembinaan di JKR Malaysia. Ceramah ini boleh membantu dalam meningkatkan kualiti pembinaan projek yang dilaksanakan oleh pihak JKR.

#### Pencapaian Pengauditan, Khidmat Nasihat Teknikal dan Ceramah

Aktiviti	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	Sektor Audit Kerajaan Negeri	Sektor Audit Badan Berkanun	Jumlah
Pengauditan	25	14	6	45 projek
Khidmat Nasihat Teknikal	Semua Sektor / Unit Audit Dalam / Lain-lain Agensi			32 kali
Ceramah	JKR/ Audit Dalam PKNS/ UAD IPTA			25 jam

#### Pencapaian Pembangunan Jabatan

Aktiviti	Pencapaian	
	Mesyuarat Projek	Lawatan Tapak
Memantau projek bangunan JAN di Negeri dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, menghadiri mesyuarat dan lawatan tapak bagi projek-projek JAN dalam perancangan serta kerja penyenggaraan bangunan JAN di Negeri-negeri.	77 kali	26 kali



### Pencapaian Pengauditan Projek MRT Lembah Klang

Aktiviti	Pencapaian
<b>Pengauditan Projek MRT Lembah Klang</b>	
- Mesyuarat, Pengauditan dan Lawatan tapak	10 kali
- Laporan Pasukan Teknikal.	1 laporan

### Lain-Lain Pencapaian Bahagian Teknikal

Aktiviti	Pencapaian
1. Pelantikan sebagai Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga/ Tender Kerja dan Jawatankuasa Penilaian Perunding.	
- Sebut Harga	1 kerja
- Pelantikan Perunding	2 projek
2. Pelantikan Sebagai Ahli Pasukan Rujukan Pengauditan Pengurusan Projek	
- Mesyuarat	2 kali
- Bengkel	1 kali (3hari)


## BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT

### MESYUARAT PENGURUSAN JAN

Sebanyak 18 Mesyuarat Pengurusan JAN telah diadakan sepanjang tahun 2014. Setiap mesyuarat dipengerusikan oleh KAN dan dihadiri oleh 39 ahli mesyuarat yang lain termasuk Pengarah Sektor, Pengarah JAN, Negeri/Timbangan Pengarah JAN, Negeri.



*Ahli Mesyuarat Pengurusan JAN di Ibu Pejabat*



## CERAMAH EKSEKUTIF

Sembilan sesi Ceramah Eksekutif telah diadakan sepanjang tahun 2014. Salinan rakaman juga telah dibuat dan diedarkan kepada semua Sektor/JAN, Negeri dan Akademi Audit Negara untuk tujuan rujukan dan sesi latihan dalaman di pejabat masing-masing. Tajuk-tajuk Ceramah Eksekutif bagi tahun 2014 adalah seperti berikut:

### PROGRAM CERAMAH EKSEKUTIF

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penceramah	Tempat
1.	22 Januari 2014	Pelaksanaan Goods and Services Tax : Cabaran & Impak	Tn. Wan Leng Whatt	Dewan Serbaguna JAN
2.	4 Mac 2014	Komunikasi Berkesan Terhadap Kanak-Kanak & Remaja (Gen Z)	Tn. Hj. Abd. Rahim bin Husin	Dewan Serbaguna JAN
3.	30 April 2014	<i>Inspirational Talk "Transforming Impossible Into Reality"</i>	Dr. Hjh. Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir	Dewan Serbaguna JAN
4.	7 Mei 2014	<i>Malaysian Financial Reporting Standards For Small And Medium-Size Entitie (MFRS for SMEs)</i>	En. Tan Bee Leng	Dewan Serbaguna JAN
5.	19 Jun 2014	<i>Visionary Leadership &amp; Managerial Excellence</i>	En. A. Ramachandran	Dewan Pameran Menara Usahawan
6.	10 Julai 2014	<i>The New You</i>	En. Jackson Ng	Dewan Serbaguna JAN
7.	15 Oktober 2014	Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam Di Bawah Akta Persaingan 2010	En. Iskandar bin Ismail	Dewan Serbaguna JAN
8.	1 Disember 2014	Perniagaan Kreatif : Di Sebalik Kejayaan (Les' Copaque Production Sdn Bhd.)	Tn. Hj. Burhanuddin bin Md Radzi	A Famosa Resort Melaka
9.	5 Disember 2014	Penggunaan Teknologi Remote Sensing Dan Geographic Information System dalam Pengauditan	YBhg. Dato' Hj. Darus bin Ahmad	Dewan Serbaguna JAN



*Antara gambar penceramah semasa Ceramah Eksekutif JAN*

### LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN JAN

Bahagian ini merupakan penyelaras dan urus setia penyediaan Laporan Aktiviti Tahunan JAN. Penyediaan adalah mengikut sasaran yang telah ditetapkan sekali dalam setahun, setiap Laporan Aktiviti perlu diedarkan kepada semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan selewat-lewatnya pada bulan April tahun berikutnya. Bagi Laporan Aktiviti Tahunan 2013, urus setia telah berjaya mengedar dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 1 April 2014.



### LIPUTAN MEDIA BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Setelah LKAN dibentangkan di Dewan Rakyat setiap tahun, KAN telah mengarahkan Bahagian ini untuk menyediakan Kompilasi Liputan Media Berkaitan LKAN bagi memudahkan rujukan oleh pegawai JAN. Bermula Tahun 2013, Kompilasi Liputan Media Berkaitan LKAN dibuat dalam bentuk cakera padat (CD), bukan lagi dalam bentuk buku laporan untuk diedarkan kepada pegawai JAN. Berikut merupakan Kompilasi Liputan Media Berkaitan LKAN Tahun 2013.




**INOVASI**

JAN telah mencapai sasaran untuk melaksanakan program-program inovasi yang ditetapkan. Antara 4 program yang telah dilaksanakan adalah seperti di jadual berikut:

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Anjuran
1.	Kursus Kreativiti dan Inovasi JAN Penceramah : <i>Success Touch Enterprise</i>	15 hingga 18 Jun 2014	Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan	CPMI & BHEK
2.	Konvensyen Kumpulan Kreatif Dan Inovatif KIK & Hari Inovasi	30 November hingga 2 Disember 2014	A' Famosa Resort Melaka	BHEK
3.	Ceramah Eksekutif : Tn. Hj. Burhanuddin bin Md Radzi dari Les' Copaque Production Sdn. Bhd.	1 Disember 2014	A' Famosa Resort Melaka	BHEK
4.	Pelancaran Jurnal Inovasi	1 Disember 2014	A' Famosa Resort Melaka	BHEK

*Nota: BHEK= Bahagian Hal Ehwal Korporat. CPMI= Cawangan Pembangunan Modal Insan*





*Kursus Pemantapan KIK JAN di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan, Bukit Tinggi, Pahang pada 15 hingga 18 Jun 2014*




*Persembahan Koir JAN*



*Kata-kata Aluan oleh  
YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri  
Selaku Pengerusi Konvensyen KIK &  
Hari Inovasi Tahun 2014*



*Ucapan dan Perasmian oleh  
YBhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang  
Ketua Audit Negara*



*Johan Pertandingan KIK JAN Tahun 2014  
Kumpulan INOMATIK - JAN Negeri Terengganu*




*Naib Johan Pertandingan KIK JAN Tahun 2014  
Kumpulan NEW EDGE - Sektor Audit Kerajaan Persekutuan*



Tempat Ketiga Pertandingan KIK JAN Tahun 2014  
Kumpulan TITANS - JAN Negeri Sarawak



Ahli Panel Pertandingan KIK



**JURNAL INOVASI**  
JABATAN AUDIT NEGARA

ISSN : 2289-9166

08.1/2014

KANDUNGAN	
Selamat Datang	1
19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	1
Pelaksanaan Pengiraan	1
19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	1
Pelaksanaan Pengiraan	1
19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	1
Sistem Surat Peringatan Secara Elektronik	1
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	1
J.Audit Process	23
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	23
Analisis Pemetaan Kejurangan Agensi	37
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	37
Transformasi Proses Pengiraan Kertas Kerja	59
Pengiraan Integriti Pemetaan Kejurangan	59
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	59
e-Isar Ke Arah Mempertingkatkan Pemantauan Pemantauan	68
Audit Pengiraan Kejurangan (AK)	68
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	68
Sistem Pengiraan Basikal Basikal Bersekolah (Sulit)	76
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	76
Accountability Indeks Integrated Intelligence System (AIIS)	101
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	101
Carikan Akademi Kejurangan Kejurangan Kejurangan & Harta Inovasi Tahun 2014	119
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	119
Jawatankuasa Pemantauan Inovasi Jabatan Audit Negara	125
Kumpulan 19th, 20th & 21st Setia 19, 20th & 21st Setia 19	125

Pelancaran Jurnal Inovasi pada 1 Disember 2014



Ceramah Eksekutif: Tn. Hj. Burhanuddin bin Md Radzi dari Les' Copaque Production Sdn. Bhd. pada 1 Disember 2014

### NAZIRAN PENGURUSAN KEWANGAN DI JAN


Bahagian ini juga telah diamanahkan untuk menjalankan naziran pengurusan kewangan ke atas semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos (PK) di bawah JAN. Bagi tahun 2014, Bahagian ini telah menjalankan naziran di lapan pejabat Sektor/JAN, Negeri/Cawangan Audit. Hasil penemuan naziran telah dimaklumkan kepada KAN untuk makluman beliau.

Bil.	JAN/Cawangan/Seksyen	Tarikh
1.	Cawangan Audit Jabatan Perdana Menteri Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	23 dan 24 Jun 2014
2.	Seksyen Audit Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	23 dan 24 Jun 2014
3.	Ibu Pejabat Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	2 hingga 4 Julai 2014
4.	Ibu Pejabat Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan	2 hingga 4 Jun 2014
5.	JAN Negeri Melaka	7 hingga 10 Julai 2014
6.	JAN Negeri Kedah	11 hingga 13 Ogos 2014
7.	JAN Negeri Sabah	11 hingga 14 Ogos 2014
8.	JAN Negeri Perlis	14 dan 15 Ogos 2014

#### EDARAN CAKERA PADAT LKAN TAHUN 2013 KEPADA MEDIA DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

Bahagian ini turut bertanggungjawab menyelaras pengedaran LKAN dalam bentuk cakera padat (CD) kepada pihak rakan media yang dibuat di Bangunan Parlimen bagi memudahkan tugas mereka. Sesi ini diadakan pada hari yang sama pembentangan LKAN dibuat kepada Ahli Parlimen. Bagi LKAN Tahun 2013, sebanyak tiga sesi pengedaran CD ini telah dibuat sepertimana di jadual di bawah:





BIL.	SESI EDARAN CD	TARIKH	TEMPAT
1.	Edaran CD LKAN Siri 1/2013	7 April 2014	<i>Coffee Room</i> Dewan Negara, Parlimen
2.	Edaran CD LKAN Siri 2/2013	16 Jun 2014	<i>Coffee Room</i> Dewan Negara, Parlimen
3.	Edaran CD LKAN Siri 3/2013	10 November 2014	<i>Coffee Room</i> Dewan Negara, Parlimen



*Pengedaran Cakera Padat kepada Media di Parlimen*

### PROGRAM ANJURAN AGENSI LUAR


Bahagian ini turut diamanahkan untuk bertindak sebagai penyelaras untuk memastikan penyertaan JAN dalam program anjuran Kementerian/Jabatan/Agensi luar. Sepanjang tahun 2014, JAN telah menyertai program-program seperti berikut:

Bil.	Program	Anjuran	Tarikh	Pencapaian
1.	Perhimpunan Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W 1435H/2014M	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	14 Januari 2014	Johan
2.	Acara Perbarisan Hari Kebangsaan Ke-57 & Perhimpunan 57 Tahun Merdeka Janji Ditepati	Jabatan Perdana Menteri	31 Ogos 2014	Tiada
3.	Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2014M	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	25 Oktober 2014	Tiada
4.	Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri 2014	Jabatan Perdana Menteri	29 Oktober 2014	Tiada

#### LAWATAN PELAJAR INSTITUSI AWAM/SWASTA KE JAN

Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras setiap lawatan pelajar institusi awam/swasta ke JAN. Sepanjang tahun 2014, JAN telah menerima sebanyak enam lawatan daripada sembilan institusi awam/swasta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	TARIKH	INSTITUSI	BILANGAN PESERTA
1.	10 Januari 2014	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Terengganu	64 orang
2.	26 Februari 2014	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	41 orang
3.	6 Mac 2014	Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang Politeknik Melaka Politeknik Muadzam Shah, Pahang	36 orang 69 orang 31 orang
4.	30 Jun 2014	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	29 orang
5.	20 Ogos 2014	Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Sutaatmadja, (Stiesta) Indonesia	50 orang
6.	17 Oktober 2014	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Universiti Kuala Lumpur-UniKL	102 orang 81 orang



*Lawatan pelajar ke JAN*


### PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), JAN diwujudkan melalui Waran Perjawatan Bilangan A133 Tahun 2011 bertarikh 5 Ogos 2011. Jawatan PUU Gred L48 telah diisi pada 1 Ogos 2012 manakala jawatan PUU Gred L41 telah diisi dari 15 Julai 2013 hingga 20 Julai 2014. Secara amnya, skop tugas dan fungsi PUU di JAN adalah seperti berikut:

- Memberi nasihat perundangan khususnya berhubung isu-isu di bawah Perlembagaan Persekutuan, Akta Audit Negara 1957 serta Akta Tatacara Kewangan 1957 yang dirujuk;
- Menjalankan penyelidikan atau kajian mengenai perkara undang-undang yang dirujuk;
- Mentafsir mana-mana peruntukan undang-undang bertulis serta pekeliling, surat pekeliling dan yang seumpamanya yang dirujuk;
- Menyemak dokumen perundangan termasuk notis perundangan, perjanjian dan memorandum persefahaman yang mana Jabatan merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi;
- Menyemak serta memberi pandangan dan ulasan dalam pindaan Akta dan undang-undang subsidiari di bawahnya yang melibatkan fungsi dan bidangkuasa Jabatan;
- Memberi nasihat perundangan terhadap kajian pengauditan yang dijalankan terhadap kewangan, prestasi dan aktiviti serta projek Kementerian, Jabatan, agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri; syarikat dan anak syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri; serta badan berkanun Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
- Memberi nasihat perundangan berhubung isu-isu tatatertib serta perkhidmatan serta menjadi ahli Lembaga Tatatertib berkaitan bagi Jabatan;
- Menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jabatan apabila diminta bagi memberi nasihat perundangan serta memastikan apa-apa keputusan dasar yang dibuat oleh Jabatan adalah menurut undang-undang; dan
- Menyertai sesi perkongsian maklumat atau latihan yang melibatkan aspek perundangan.

Sepanjang tahun 2014, tugas dan cabaran Pejabat PUU semakin mencabar selaras dengan cabaran dan tuntutan tugas dan tanggungjawab pengauditan JAN. Kepelbagaian isu yang dirujuk kepada Pejabat PUU timbul memandangkan Jabatan ini merupakan agensi yang bertanggungjawab menjalankan pengauditan kewangan dan prestasi terhadap agensi kerajaan, syarikat kerajaan serta badan berkanun Persekutuan dan Negeri.

Isu pematuhan kepada prosedur kewangan, lazimnya dilihat daripada aspek pengurusan kewangan Kerajaan menurut Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, *Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980* serta prosedur kewangan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.



Manakala dari segi pengauditan prestasi / aktiviti, fungsi dan tanggungjawab sesuatu agensi kerajaan akan dinilai dari sudut pematuhan agensi tersebut kepada undang-undang yang terpakai dalam pelaksanaan aktiviti seperti Kanun Tanah Negara, Akta Rahsia Rasmi 1976, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Perihal Dagangan 1976, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan lain-lain perundangan berkaitan.

Memandangkan tanggungjawab pengauditan menuntut JAN untuk menilai sejauh mana wang awam diuruskan dengan cekap, tanpa pembaziran atau keborosan, Pejabat ini juga melihat sesetengah isu perundangan yang dirujuk melibatkan kepentingan awam (*public interest*). Sehubungan itu, ia perlu diberi penelitian dan pertimbangan khusus kerana boleh menimbulkan implikasi perundangan dan pertikaian khususnya apabila pengauditan berhubung perbelanjaan wang awam dilaporkan dalam LKAN dan didedahkan kepada umum serta media melalui pembentangan di Parlimen.

Selain daripada kuantiti tugas, kompleksiti sesuatu tugas juga menjadi cabaran utama. Dalam hal ini, dari segi pengisian perjawatan, jawatan Penasihat Undang-Undang gred L48 telah diisi sejak 1 Ogos 2012. Walau bagaimanapun, Pejabat ini mengalami kekosongan jawatan PUU Gred L41 yang diisi pada 15 Julai 2013 berikutan pertukaran pegawai ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan atas kenaikan pangkat pada 21 Julai 2014.




Statistik bilangan tugas yang diterima sepanjang tahun 2014 berdasarkan jenis tugas adalah seperti di bawah:

Tugasan	Bilangan
<b>Pandangan Undang-Undang</b> Pandangan undang-undang yang disediakan adalah terhadap isu berkenaan Perlembagaan Persekutuan, perkhidmatan, kewangan, perjanjian dan lain-lain.	170
<b>Kes Mahkamah</b> PUU membantu persediaan kes melibatkan Jabatan Audit Negara yang dikendalikan oleh Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara.	1
<b>Laporan Pindaan Rang Undang-Undang / Perundangan Subsidiari Substantif</b> PUU terlibat dalam penyediaan draf pindaan Akta Audit 1957, cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, dan perintah pewartaan.	4
<b>Mesyuarat yang Dihadiri oleh PUU</b> Mesyuarat yang dihadiri oleh PUU adalah termasuk pembentangan draf Laporan Ketua Audit Negara, <i>exit conference</i> , Pengurusan serta mesyuarat yang diadakan oleh Jabatan Peguam Negara.	118
<b>Lain-Lain Tugas</b> Tugas lain yang dilaksanakan oleh PUU berkaitan dengan perundangan.	8

Selain daripada tugas di atas, Pejabat PUU juga terlibat dalam perkara-perkara berikut:

#### Perbincangan Penyediaan Draf LKAN

Pejabat PUU juga memainkan peranan penting dalam memastikan pengauditan yang dijalankan dan dilaporkan dalam LKAN adalah selaras dengan undang-undang. Bagi tujuan tersebut, Pejabat PUU memberikan pandangan dari aspek perundangan terhadap kajian-kajian pengauditan melalui sesi perbincangan yang diadakan bagi setiap sektor sebelum dimuktamadkan dan dibentangkan di Parlimen.



### **Pasukan Petugas Khas Bagi Transformasi JAN**

Berikutan keputusan Jemaah Menteri, Pasukan Petugas Khas (*task force*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan mengemukakan cadangan bagi transformasi JAN. Bagi tujuan tersebut, Pejabat PUU telah terlibat dalam beberapa sesi perbincangan/mesyuarat dan lab bersama PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri bagi mengenal pasti dan mengkaji cadangan-cadangan transformasi serta perkara-perkara dasar yang melibatkan implikasi perundangan. Pejabat PUU juga telah mengkaji dan mengemukakan pandangan awal berhubung cadangan tersebut kepada Jabatan Peguam Negara yang menganggotai *task force* tersebut untuk pertimbangan dan kajian lanjut.

### **Kursus**

Bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam teknik dan amalan terjemahan serta penyemakan pelbagai teks perundangan, Pejabat ini telah menghadiri Kursus Penterjemahan dan Penyemakan Teks Perundangan anjuran Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang pada 9 hingga 11 September 2014 di Galeria, Presint 4, Putrajaya. Kursus tersebut amat relevan dan membantu bidang tugas di Pejabat PUU yang sering dirujuk berhubung penterjemahan dan interpretasi dokumen perundangan termasuk Akta, perundangan subsidiari, perjanjian, memorandum persefahaman dan seumpamanya.

### **UNIT INTEGRITI JAN**

Sepanjang tahun 2014, Unit integriti JAN telah melaksanakan beberapa aktiviti bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepentingan integriti dikalangan warga JAN. Ini adalah berikutan saranan daripada YAB Perdana Menteri melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014: Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU);

Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020, usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan berlandaskan gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” terus dilaksanakan. Iltizam ini telah diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif seperti Pelan Integriti nasional (PIN), penyampaian perkhidmatan berkonsepkan Merakyatkan Perkhidmatan Awam, Etos Perkhidmatan Awam serta Cepat, Tepat, Integriti - Produktiviti, Kreatif dan Inovasi (CTI-PCI) serta usaha pembenterasan rasuah sebagai salah satu daripada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP).

Diantara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

### Program Kesedaran Integriti


Program ini dilaksanakan bagi memberi input terkini penubuhan Unit Integriti JAN, struktur utama dan fungsi serta tujuan unit ini ditubuhkan. Disamping itu, penerangan dengan lebih terperinci diberikan kepada warga JAN dari segi aspek kesalahan-kesalahan lazim yang sering dilakukan oleh penjawat awam. Program ini telah dilaksanakan di beberapa Negeri seperti JAN Negeri Sarawak, JAN Negeri Perlis dan JAN Negeri Selangor. Program ini akan diteruskan di JAN Negeri lain pada tahun 2015.



*Program Kesedaran Integriti*

### Naziran Integriti

Naziran Integriti dibuat bagi memastikan warga JAN mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pelbagai aspek yang diberi perhatian khususnya berkaitan kehadiran dan keberadaan di pejabat. Disamping itu juga, Unit ini akan melihat sama ada peraturan-peraturan pejabat serta prosedur-prosedur kewangan yang ditetapkan dipatuhi.



### Naziran Latihan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Unit Integriti turut melaksanakan Naziran Pengurusan Latihan. Ini adalah selaras dengan arahan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam agar penjawat awam diwajibkan memenuhi 7 hari berkursus di dalam setahun. Naziran ini juga bertujuan memastikan perekodan maklumat latihan dijalankan secara teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan.



*Naziran Integriti*



*Naziran Latihan*

### Pemantauan Perisytiharaan Harta

Unit Integriti menjalankan fungsi urus setia bagi perisytiharaan harta yang juga merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada KAN. Sepanjang 2014, unit ini telah berjaya memenuhi sasaran KPI yang ditetapkan dan berusaha dengan gigih agar kesemua warga JAN mengisytiharkan harta.

### Urus Setia Lembaga Tatatertib JAN

Sepanjang tahun 2014, unit ini telah menerima beberapa aduan salah laku yang melanggar Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Kertas Pertimbangan Tatatertib telah dibawa kepada Lembaga Tatatertib dan 2 orang warga JAN telah ditamatkan perkhidmatan.

### Sesi Kaunseling

Unit Integriti bekerjasama dengan Kaunselor menjalankan sesi kaunseling ke atas pegawai yang memerlukan perhatian dan bantuan. Ini adalah kerana bantuan yang diberikan dapat membantu pegawai memperbaiki kelemahan dan kesilapan yang telah dilakukan di dalam

menjadi pegawai yang lebih baik dan berintegriti. Program ini berjaya membantu beberapa pegawai menyelesaikan permasalahan yang dialami dan pegawai berjanji akan berubah dan menjadi pekerja yang berdedikasi.



*Program Kaunseling Berkelompok*



## LAPORAN AKTIVITI AKADEMI AUDIT NEGARA


Akademi Audit Negara merupakan sebuah Institusi Latihan Awam yang dibina khusus untuk melatih warga JAN dengan ilmu serta kemahiran yang diperlukan sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan akauntabiliti sektor awam. Standard pengauditan yang tinggi perlu dikekalkan setiap masa dan juruaudit perlu menjalani latihan ikhtisas yang berterusan bagi menjamin kualiti pengauditan yang dilaksanakan. Oleh itu, setiap tahun Akademi Audit Negara telah menyediakan program latihan yang berkesan kepada semua warga JAN dan memberikan ruang secukupnya untuk mereka mempertingkatkan budaya kerja cemerlang melalui kursus yang diadakan di dalam mahupun di luar negara (Antarabangsa).

### Kursus Dalam Negeri

Akademi Audit Negara memikul tanggungjawab yang tinggi untuk memastikan semua warga JAN menerima latihan sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun. Akademi Audit Negara juga komited bagi memastikan semua kursus yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Latihan JAN dapat dilaksanakan dengan sempurna. Tahun 2014 juga telah mencatatkan sejarah kepada Akademi Audit Negara kerana berjaya mengadakan Seminar Pengurusan Kewangan Kerajaan Untuk Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Malaysia yang telah diadakan di Hotel Seri Pasific, Kuala Lumpur pada 8 dan 9 Januari 2014. Seramai 119 Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Malaysia telah hadir ke seminar selama dua hari ini.

Berikut merupakan pencapaian pelaksanaan kursus bagi tiga tahun mengikut sekolah masing-masing :

SEKOLAH	BILANGAN KURSUS DIJALANKAN		
	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014
Sekolah Pengauditan	32	23	30
Sekolah Perakaunan	21	15	21
Sekolah IT	38	23	20
Sekolah Pengurusan	16	15	18
<b>JUMLAH</b>	<b>107</b>	<b>76</b>	<b>89</b>



## Kursus Luar Negara (Antarabangsa)

Pada tahun 2014, Akademi Audit Negara telah melaksanakan tujuh kursus antarabangsa. Kursus ini merupakan hasil kerjasama antara JAN dengan Institusi Audit seperti SAI of Nepal, SAI Oman dan Kementerian Luar Negeri, Malaysia. Pendekatan kursus yang dijalankan adalah berasaskan pendedahan teori, perbincangan, persembahan kumpulan, *roleplay* serta aktiviti luar. Antara kursus yang dianjurkan adalah seperti berikut :

### *Public Sector Auditing*

Kursus ini dilaksanakan untuk 15 orang pegawai dari *Office of the Comptroller and Auditor General of Bangladesh* dan telah berlangsung selama dua minggu bermula 10 hingga 21 Februari 2014. Peserta kursus telah didedahkan dengan perkara serta isu berkaitan Pengauditan Sektor Awam. Selain itu peserta juga dibawa melawat ke Ibu Pejabat JAN di Putrajaya, Melaka dan Kuala Lumpur



Peserta Kursus *Public Sector Auditing*  
*Office of the Comptroller and Auditor General of Bangladesh*

***Financial Auditing & Electronic Working Papers for Officers from SAI of Nepal***


Kursus ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 2 hingga 13 Jun 2014 di Akademi Audit Negara. Seramai 26 orang pegawai dari Institusi Audit Nepal telah didedahkan dengan pengauditan kewangan serta kertas kerja elektronik. Selain itu, peserta juga telah mengikuti program lawatan sambil belajar ke Ibu Pejabat JAN, Putrajaya, Kementerian Kewangan Malaysia, Port Dickson dan Kuala Lumpur.



***Financial Auditing for Officers from SAI of Nepal***

Akademi Audit Negara telah diberi kepercayaan kali kedua untuk melaksanakan kursus bagi 26 orang pegawai dari Institusi Audit Nepal. Kursus ini diadakan selama dua minggu bermula 2 hingga 12 September 2014. Selain itu, peserta juga telah mengikuti program lawatan sambil belajar ke Ibu Pejabat JAN, Jabatan Akauntan Negara, Putrajaya, Seremban, Port Dickson dan Kuala Lumpur.





***Training Programme on Performance Audit, Accountability and Good Governance for Officers from SAI of Oman***

Kursus ini telah diadakan sebanyak dua siri selama dua minggu dan telah dilaksanakan dengan jayanya pada 15 hingga 26 September 2014 dan 27 Oktober hingga 7 November 2014 masing-masing. Peserta telah didedahkan dengan perkara-perkara berkaitan pengauditan prestasi, akauntabiliti serta tadbir urus yang baik. Peserta juga telah dibawa melawat sambil belajar ke Ibu Pejabat JAN, Putrajaya, Seremban, Melaka dan Kuala Lumpur.



*Training Programme on Performance Audit, Accountability and Good Governance for Officers from SAI of Oman Siri 1*



*Training Programme on Performance Audit, Accountability and Good Governance for Officers from SAI of Oman Siri 2*

### Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM)

Akademi Audit Negara merupakan salah satu Institusi Latihan Awam di seluruh Negara yang diberi kepercayaan sebagai *course provider* di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) atau *Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP)* sejak tahun 2007. Sehingga tahun 2014, sebanyak empat belas kursus telah dikendalikan iaitu tujuh kursus *MTCP Performance Audit* dan tujuh Kursus *MTCP IT Audit* masing-masing. Kursus yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia ini ditawarkan kepada juruaudit sektor awam mahupun swasta di kalangan negara-negara membangun dari rantau Asia, Asia Barat dan juga negara-negara kepulauan. Kandungan kursus adalah berdasarkan kurikulum yang disediakan oleh ASOSAI dan INTOSAI, manakala ceramah pula disampaikan oleh pegawai-pegawai audit yang berpengalaman luas dalam bidang pengauditan prestasi dan pengauditan IT.



*MTCP Performance Audit*

Pada tahun 2014, Akademi Audit Negara telah diberi mandat untuk melaksanakan dua lagi kursus MTCP iaitu *Performance Audit* dan *IT Audit*. Seramai 25 orang peserta kursus telah hadir dengan jayanya untuk *Performance Audit* yang telah diadakan pada 16 hingga 27 Jun 2014 manakala 24 orang peserta bagi kursus IT Audit yang telah dilaksanakan pada 18 hingga 29 Ogos 2014. Kedua-dua kursus diadakan di Akademi Audit Negara.



*MTCP IT Audit*

Pendekatan kursus ini adalah berasaskan pendedahan teori, perbincangan, persembahan kumpulan, pembentangan *Country Paper/Report* serta lawatan sambil belajar. Antara faedah yang diperolehi daripada kursus ini ialah wujudnya jaringan profesional dan perkongsian ilmu di kalangan peserta kursus. Selain itu Akademi Audit Negara semakin dikenali di peringkat Antarabangsa di samping beberapa produk pelancongan di negara kita yang telah menarik minat peserta luar datang ke negara ini.

### **Kursus TOT Untuk Penceramah Dan Pemudahcara**

Akademi Audit Negara telah mengadakan kursus *training of trainers* (TOT) untuk penceramah dan pemudahcara bagi meningkatkan prestasi penceramah serta mempelajari teknik-teknik pemudahcara yang lebih holistik dan berkesan. Kursus TOT ini juga membantu penceramah untuk merancang dan menyediakan modul pembelajaran dengan lebih menyeluruh. Kursus ini juga terbahagi kepada dua kategori iaitu kursus dalam negeri dan luar negara. Kesemua kursus yang dimaksudkan ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

### **Kursus Dalam Negeri**

#### ***TOT - Developing Interpersonal Skill for Trainers***

Kursus ini telah dijalankan di Hotel Impiana, Ipoh Perak pada 2 hingga 4 Jun 2014 dan telah dihadiri seramai 19 orang peserta. Kursus ini memberi mendedahkan kepada peserta mengenai *Interpersonal Skill* yang ada pada seseorang penceramah atau fasilitator boleh memberi kesan kepada audien. Selain itu, kursus ini juga memberi banyak pendedahan mengenai kemahiran berkomunikasi dengan baik.

**TOT - Team Building**

Kursus ini telah diadakan di TH Hotel, Kuala Terengganu pada 22 hingga 24 September 2014 dan dihadiri oleh seramai 26 orang peserta. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam mencipta suasana pembelajaran yang kondusif. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempelajari teknik-teknik memahami dan menangani situasi dan emosi peserta kursus. Memupuk keyakinan jurulatih dalam mengendalikan sesi soal jawab dengan tenang dan berkesan. Meningkatkan kecemerlangan jurulatih dan peserta kursus sebagai “individu yang bersepadu” dan dapat bekerja sebagai satu pasukan.

**TOT - Train The Trainers**

Kursus ini telah diadakan di The Klagan Hotel, Kota Kinabalu pada 22 hingga 25 Oktober 2014. Kursus ini memberi pendedahan mengenai peranan latihan dalam meningkatkan kemahiran kakitangan. Selain memahami dan mengamalkan prinsip dan teknik pembelajaran dewasa, kursus ini juga memberi pendedahan tentang perancangan dan pelaksanaan program latihan dalaman yang efektif.

**Kursus Luar Negara*****Developing Effective Performance Management, Reward and Retention Strategies***


Kursus ini telah dihadiri oleh En. Rabianto bin Hj Sokam, Ketua Sekolah IT dan Pn. Bahariah bt. Ismail, Penolong Juruaudit dari Akademi Audit Negara pada 13 hingga 17 Oktober 2014 di RIPA International, London, United Kingdom. Kursus ini memberi peluang kepada peserta untuk mengetahui trend semasa di dalam pengurusan prestasi, ganjaran dan pengekatan. Mewujudkan hubungan antara pengurusan prestasi dan ganjaran. Untuk mengenal pasti hubungan antara pengurusan prestasi dan motivasi serta menambahbaik pengekatan kakitangan.







En. Paul Chai Sin Ngee  
Timbalan Pengarah Audit  
Cawangan Audit Kastam  
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan



# KESIAPSIAGAAN JABATAN AUDIT NEGARA MENGAUDIT GST

## Pendahuluan

**G**oods and Services Tax (GST) atau *Value Added Tax* (VAT) diperkenalkan di Perancis pada tahun 1954 oleh Maurice Lauré, seorang pegawai percukaian untuk menggantikan sistem yang bergantung kepada cukai yang tidak menentu berdasarkan jualan bagi mengimbangkan dengan sistem cukai pendapatan yang tidak begitu berkesan. Rejim cukai baru ini didakwa lebih berkesan kerana ia memaksa pembayar cukai di semua peringkat dalam proses pengeluaran untuk mentadbir dan mengakaun cukai itu sendiri, dan bukannya meletakkan beban hanya pada peruncit atau memerlukan penilaian oleh pihak berkuasa cukai.

GST juga merupakan satu sistem percukaian yang adil dan telus kerana ia mengagihkan beban percukaian dalam kalangan kelompok penduduk secara lebih meluas berdasarkan jumlah penggunaan serta menetapkan jenis dan kuantum cukai yang perlu dibayar seseorang pengguna bagi barangan dan perkhidmatan yang digunakannya. Memandangkan golongan lebih berada dan kaya menggunakan lebih banyak barangan dan perkhidmatan, secara automatik, merekalah yang paling banyak dikenakan cukai di bawah GST, bukan golongan berpendapatan rendah.

Dengan itu, negara-negara lain telah memperlihatkan sistem percukaian baru ini adalah lebih mudah dan seragam serta memberi keadilan kepada rakyat bagi tujuan membiayai perbelanjaan negara seperti pembangunan sosio-ekonomi. Kini GST telah diperkenalkan di 160 buah negara di dunia kerana ia diiktiraf sebagai struktur percukaian yang baik, menyeluruh dan efisien. GST di Malaysia diuruskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, di Singapura oleh *Inland Revenue Authority of Singapore*, di Australia oleh *Australian Taxation Office* dan di United Kingdom oleh *Her Majesty's Revenue and Customs Authority*.

## GST Di Malaysia


Ketika ini, negara terlalu bergantung pada cukai pendapatan individu dan badan korporat serta industri petroleum. Selain itu, tidak sampai dua juta daripada lebih kurang 28 juta penduduk Malaysia adalah pembayar cukai pendapatan. Untuk membolehkan negara mencapai status negara maju menjelang 2020, kerajaan perlu melakukan reformasi terhadap sistem percukaian sedia ada bagi memacu perniagaan dan pembangunan. Dengan pelaksanaan GST, kerajaan berupaya menjana punca hasil yang stabil yang tidak terdedah kepada turun naik ekonomi serta terlalu bergantung kepada sumber hasil petroleum yang semakin berkurangan bagi menjana pertumbuhan dan membiayai lebih banyak projek pembangunan.

Justeru itu, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan Bajet 2013 pada 25 Oktober 2013 telah mengumumkan pelaksanaan GST dengan kadar enam peratus bermula 1 April 2015. Dengan kadar enam peratus itu, negara dijangka akan memperoleh RM23 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama pelaksanaan GST, manakala dalam tempoh setahun pula ia akan mencecah RM32 bilion dan seterusnya mencatat sedikit *surplus* apabila ditolak BR1M dan pengurangan cukai kepada individu dan syarikat.

Di Malaysia GST adalah berasaskan konsep nilai ditambah di mana cukai akan dikenakan di setiap peringkat rantai pengedaran; atas barang dan perkhidmatan yang diimport; dan atas jualan barang dan perkhidmatan di Malaysia. Nilai tambah adalah nilai yang dikeluarkan atau pengedar tambah kepada bahan mentah atau pembelian sebelum menjual produk atau perkhidmatan baru. Untuk membolehkan ini, GST menggunakan mekanisme penolakan (*offset*) kredit cukai di mana GST yang dikenakan ke atas output perniagaan ditolak daripada GST yang dibayar ke atas barang atau perkhidmatan yang diperolehi sebagai input oleh perniagaan. GST yang dikenakan ke atas output dipanggil cukai output. Manakala, GST yang dikenakan ke atas pembelian input dipanggil cukai input. Sebagai contoh, sebuah kilang perabot perlu memperoleh input (seperti kayu, sewa premis dan perkhidmatan jurureka) untuk membuat perabot. Jika pembelian input tersebut diperolehi daripada orang/syarikat yang berdaftar, GST akan dikenakan atas pembelian tersebut. GST yang dikenakan ini ialah cukai input. Mekanisme secara *offsetting* ini adalah untuk memastikan GST yang dibayar oleh perniagaan boleh diperolehi semula dan dengan itu membantu mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Secara umumnya, terdapat 3 jenis pembekalan yang tersenarai dalam GST, iaitu pembekalan berkadar standard (6%); pembekalan berkadar sifar (0%) atau pembekalan dikecualikan. Dalam rantai pengeluaran pembekalan berkadar standard dan sifar, cukai input boleh dituntut manakala tiada cukai input boleh dituntut bagi pembekalan yang dikecualikan. Syarikat/individu yang menyediakan bekalan/perkhidmatan bercukai di Malaysia dengan pulangan bercukai perniagaan yang mencapai nilai ambang (*threshold*) melebihi RM500,000 setahun hendaklah berdaftar secara mandatori.

Pelaksanaan GST adalah melalui Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang digazet pada 19 Jun 2014. Akta ini menetapkan Ketua Pengarah Kastam sebagai pihak yang mempunyai pengawasan ke atas semua perkara berhubungan dengan GST. Bagi memudahkan pelaksanaan GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan memperkenalkan satu sistem komputer yang dikenali sebagai MyGST. Manakala Pusat Pemprosesan GST terletak di Jabatan Kastam Diraja Malaysia, No.22, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor.



## Kesiapsiagaan Jabatan Audit Negara

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, siap siaga bermaksud “sudah bersedia untuk melakukan sesuatu”. Dalam erti kata lain, kesiapsiagaan Jabatan Audit Negara mengaudit GST adalah serangkaian tindakan yang dilakukan untuk memastikan pengauditan GST dapat dilaksanakan dengan berkualiti, dengan cara yang paling berkesan dan kos efektif sambil mengekalkan tahap integriti, akauntabiliti, kompeten serta cekap selaras dengan standard pengauditan yang ditetapkan oleh INTOSAI (ISSAI).

Untuk tujuan itu, satu struktur yang berkesan hendaklah diwujudkan dengan modal insan yang mencukupi dan kompeten; mempunyai sistem dan prosedur (garis panduan pengauditan) yang jelas dan terperinci supaya pengauditan berkualiti dan seragam dapat dijalankan.

Bagi memastikan satu struktur pengauditan yang berkesan diwujudkan, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan mencadangkan untuk membahagikan Cawangan Audit Kastam kepada dua cawangan iaitu Cawangan Audit Perkastaman dan Cawangan Audit GST. Kedua-dua cawangan ini adalah bertanggungjawab mengaudit hasil (*revenue audits*) yang diketip oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Cawangan Audit Perkastaman adalah bertanggungjawab mengaudit hasil yang diketip melalui aktiviti perkastaman manakala Cawangan Audit GST mengaudit GST sahaja. Cawangan Audit GST akan diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Audit Gred W54 yang dibantu oleh seorang Ketua Pengarah Audit Gred W48 dan 3 pasukan Audit yang masing-masingnya diketuai oleh seorang juruaudit Gred W41/44.

Perenggan 45 ISSAI 100 (Prinsip Asas Pengauditan Sektor Awam) berkaitan prinsip-prinsip proses perancangan audit menetapkan:

*“Juruaudit perlu memahami sifat entiti/program yang akan diaudit. Ini termasuk memahami objektif berkaitan, operasi, persekitaran kawal selia, kawalan dalaman, sistem kewangan dan proses perniagaan serta mengenal pasti sumber berpotensi yang boleh dijadikan bukti audit. Selain itu, ilmu boleh diperolehi dengan lebih berinteraksi dengan pengurusan auditi. Berkemungkinan juga, juruaudit perlu merujuk dan mendapat nasihat daripada pakar-pakar yang berkaitan serta memeriksa dokumen (termasuk kajian sebelum dan sumber-sumber lain) supaya dapat kefahaman yang lebih luas mengenai hal perkara yang akan diaudit.”*

Selaras dengan prinsip tersebut, beberapa lawatan kerja/perbincangan telah diadakan seperti:

- YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri, Timbalan KAN(P) bersama 4 pegawai Audit telah melawat pusat pemrosesan GST di Pejabat Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 25 April 2013.

- Pengarah Audit Persekutuan Bahagian II dan Timbalan Pengarah Bahagian Pengauditan ICT bersama 6 pegawai Audit menghadiri sesi taklimat sistem MyGST oleh pasukan projek MyGST pada 6 Januari 2014.
- Perbincangan antara Cawangan Audit Kastam dan Bahagian Pengauditan ICT mengenai tanggungjawab mengaudit MyGST diadakan pada 23 Januari 2014. Perbincangan ini diketuai Pengarah Audit Persekutuan Bahagian II dan dihadiri oleh kedua-dua Timbalan Pengarah Audit bersama 3 pegawai Audit yang berkaitan.
- YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ketua Audit Negara bersama 9 pegawai Audit telah menghadiri taklimat GST serta melawat pusat pemprosesan GST pada 22 April 2014.
- Satu rombongan dari Jabatan Audit Negara telah membuat lawatan kerja ke Inland Revenue Authority Singapore (IRAS) dan Auditor General's Office (AGO) Singapura pada 9 Januari 2015. Rombongan Audit seramai 5 pegawai yang diketuai oleh YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri, Timbalan KAN(P) telah menghadiri taklimat daripada IRAS mengenai proses keseluruhan pelaksanaan GST di negara Singapura. Manakala taklimat mengenai peranan AGO dan metodologi pengauditan (termasuk penemuan audit) telah diberi oleh AGO Singapura pada hari yang sama.



YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri,TKAN(P) Menyampaikan Cenderahati Kepada Puan Lim Siew Gim, Pengarah GST, IRAS



Pegawai AGO Singapura Yang Hadir Dalam Sesi Taklimat




Rombongan JAN Dalam Sesi Taklimat Di AGO Singapura



YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri, TKN (P) Bertukar Cenderahati Dengan Encik Low Jin Kwan, Timbalan Ketua Audit Negara Singapura





Satu Jawatankuasa Pelaksanaan Pengauditan GST (JKPP GST) telah ditubuhkan pada 11 Ogos 2014. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pn. Hjh. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad, Pengarah Audit Persekutuan Bahagian II dan keahliannya terdiri daripada pegawai Cawangan Audit Kastam dan Bahagian Pengauditan ICT. JKPP GST adalah secara keseluruhannya bertanggungjawab memantau pelaksanaan pengauditan GST oleh Jabatan Audit Negara termasuklah latihan, penyediaan garis panduan dan proses pengauditan. Seterusnya, Jawatankuasa Kerja Penyediaan Garis Panduan Pengauditan GST ditubuhkan dengan tanggungjawab menyediakan Garis Panduan Pengauditan GST. Jawatankuasa kerja ini dianggotai oleh wakil pegawai dari Cawangan Audit Kastam (Ibu Pejabat) dan semua Seksyen/Unit Audit Kastam Negeri. Proses penyediaan garis panduan sehingga pelancarannya adalah:

- Bengkel penyediaan garis panduan pengauditan telah diadakan pada 29 September hingga 3 Oktober 2014 di Akademi Audit Negara.
- Bengkel Pengharmonian garis panduan pengauditan diadakan pada 5 hingga 8 November 2014 di MyHotel Langkawi.
- Garis Panduan Pengauditan GST dilancarkan pada 24 November 2014 (sempena Hari Audit 1Malaysia) di Alor Setar, Kedah oleh YAB Dato' Seri Hj. Mukhriz bin Tun Mahthir, Menteri Besar Kedah.



Bengkel Pengharmonian Garis Panduan Pengauditan GST di MyHotel, Pulau Langkawi

Untuk menghadapi cabaran mengaudit satu sistem percukaian yang baru, pegawai Audit yang berkaitan perlu dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan mengenai GST. Oleh itu, latihan asas dan lanjutan perlu dititikberatkan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014, semua pegawai Audit sama ada dari Cawangan Audit Kastam (Ibu Pejabat) atau Seksyen/Unit Audit Kastam di peringkat negeri telah menghadiri kursus/latihan berkaitan GST. Sebanyak 34 kursus dan latihan telah dihadiri oleh seorang hingga enam pegawai Audit yang berkaitan.

## Rumusan

Pada umumnya, Jabatan Audit Negara memang telah bersiap sedia untuk mengaudit GST dan yakin dapat melaksanakan pengauditan dengan profesional serta mencapai tahap standard profesional yang tinggi. Sebagai permulaan, Cawangan Audit GST telah merancang dan akan melaksanakan tiga kajian Audit terhadap pelaksanaan GST pada tahun 2015 iaitu:

- Sistem MyGST;
- Pendaftaran GST; dan
- Bayaran Balik Cukai Input.

Cik Raftah binti Ibrahim  
Timbalan Pengarah Audit  
Cawangan Audit Kewangan  
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan



## KESIAPSIAGAAN JABATAN AUDIT NEGARA MENGAUDIT PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BERASASKAN AKRUAN


### Latar Belakang

YAB Perdana Menteri telah meluluskan pelaksanaan Perakaunan Asas Akruan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Strategic Reform Initiative - Public Finance Reform* (SRI-PFR) pada 11 Mei 2011. Pelaksanaan perakaunan asas akruan akan memberi kesan signifikan dalam pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan selaras dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dan Model Ekonomi Baru. Pelaksanaan perakaunan akruan bagi Kerajaan Persekutuan akan ditetapkan mengikut tarikh pewartaan undang-undang berkaitan, dan selepas satu tempoh percubaan bermula pada tahun 2015.

### Perakaunan Asas Tunai vs Asas Akruan

Perakaunan asas akruan akan membawa perubahan kepada persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Di bawah perakaunan asas tunai, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan hanya menunjukkan transaksi perbelanjaan dan terimaan yang sebenarnya dibayar dan diterima. Manakala sebahagian aset dan liabiliti seperti Akaun Belum Terima, pelaburan dan pinjaman hanya dilaporkan sebagai Nota Kepada Akaun atau di dalam akaun memorandum kerana maklumat tersebut direkodkan di luar sistem perakaunan. Di bawah perakaunan asas akruan, maklumat berkaitan hasil, belanja, aset, liabiliti dan ekuiti akan dilaporkan. Gambaran perubahan utama perakaunan asas tunai dan akruan adalah seperti berikut :

	ASAS TUNAI	ASAS AKRUAN
HASIL	Pengiktirafan dan perekodan hanya dibuat berdasarkan kepada penerimaan tunai.	Pengiktirafan dibuat apabila hasil telah dikenalpasti boleh atau layak diterima pada sesuatu masa walaupun tiada penerimaan tunai.
BELANJA	Pengiktirafan dan perekodan hanya dibuat berdasarkan kepada pembayaran tunai.	Pengiktirafan dibuat apabila urusan perbelanjaan berlaku walaupun pembayaran belum dibuat.
ASET	Dikenakan sepenuhnya kepada perbelanjaan pada masa ianya diperolehi. Tiada belanja susutnilai.	Diiktiraf dan direkodkan selama tempoh usia guna serta dipermodalkan. Susutnilai dikenakan sepanjang tempoh penggunaan.
LIABILITI	Tidak diiktiraf.	Tanggungjawab/Obligasi yang perlu dibayar tetapi belum dibuat bayaran akan diiktiraf dan direkodkan.



Antara faedah pelaksanaan perakaunan asas akruan adalah seperti berikut:


- i. Aset dan liabiliti akan direkodkan/diintergrasikan dalam sistem perakaunan Kerajaan dan dengan ini maklumat yang lebih terperinci mengenai aset dan liabiliti dapat dihasilkan.
- ii. Meningkatkan tahap kecekapan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pengurusan kewangan dan akaun.
- iii. Penjanaan laporan kewangan dan perakaunan yang lebih lengkap serta memberi gambaran kedudukan kewangan Kerajaan yang lebih menyeluruh.
- iv. Memberi petunjuk yang lebih baik dalam pengurusan kewangan ke arah menghasilkan keputusan yang lebih tepat dan berkesan.
- v. Persembahan Penyata Kewangan lebih mudah difahami oleh pihak luar seperti pihak bank, syarikat dan agensi penilaian kredit yang telah lama mengamalkan perakaunan asas akruan.

### Piawaian Perakaunan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan mengadaptasi 29 daripada 32 *International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS) dan dikenali sebagai *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) yang merupakan piawaian perakaunan yang akan digunakan dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berasaskan akruan. Sehingga Disember 2014, sebanyak 20 MPSAS telah diluluskan manakala 9 MPSAS masih di peringkat *Exposure Draft*.

### Pembangunan Sistem 1GFMAS

JANM di peringkat Ibu Pejabat (HO) dan 36 pejabat perakaunan (AO) menggunakan sistem perakaunan *Government Financial and Management Accounting System* (GFMAS) yang dibangunkan pada tahun 2004 bagi perakaunan asas tunai. Manakala di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), sistem yang digunakan antaranya adalah eSPKB, eTerimaan dan sistem legasi seperti Sistem Maklumat Kastam (SMK), eTanah, SPP II, HRMIS, ePerolehan dan sebagainya. JANM telah diberi tanggungjawab untuk menambah baik sistem perakaunan sedia ada dengan membangunkan satu sistem perakaunan berpusat dikenali sebagai 1GFMAS. JANM memutuskan untuk menggunakan *platform Systems, Applications and Products in Data Processing* (SAP) bagi membangunkan 1GFMAS memandangkan sistem GFMAS sedia ada menggunakan *platform* yang sama. Pembangunan 1GFMAS adalah berasaskan ciri-ciri berikut:




Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

### Kesan Utama Perakaunan Akruan Terhadap Pelaksanaan Pengauditan

1GFMAS adalah sistem berpusat dan fungsi eSPKB serta eTerimaan yang digunakan di PTJ akan digantikan dengan 1GFMAS. Pelaksanaan sistem berpusat juga memberi kesan kepada kaedah muat turun data bagi tujuan persampelan. Pada masa sekarang, muat turun data dijalankan di 36 pejabat perakaunan. Walaubagaimanapun, dengan penggunaan 1GFMAS, muat turun data hanya akan dilaksanakan di Ibu Pejabat JANM. Ini melibatkan data yang besar (big data) dan mekanisme penyimpanan, analisis serta pengagihan data ke cawangan/negeri perlu diwujudkan. Selain itu, 1GFMAS akan berintegrasi dan berantara muka dengan lebih daripada 100 sistem legasi seperti ePerolehan, SPP II dan HRMIS serta sistem yang dibangunkan sendiri oleh Kementerian/Jabatan seperti sistem kutipan hasil. **ISSAI menetapkan bahawa setiap sistem yang mempunyai hubung kait dengan penghasilan Penyata Kewangan perlu diaudit bagi menguji tahap kawalan dalaman setiap sistem tersebut serta mengenal pasti kelemahan yang boleh menyebabkan berlakunya fraud.**


Dari segi penyediaan penyata kewangan, Penyata Kewangan berasaskan tunai ubah suai disediakan berdasarkan kehendak satu (1) piawaian perakaunan sahaja iaitu *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*. Manakala, bagi penyediaan penyata kewangan berasaskan akruan, terdapat **29 IPSAS** yang telah dikaji oleh JANM untuk diadaptasi dan akan dikenali sebagai MPSAS. Pertambahan piawaian yang perlu dipatuhi merupakan satu cabaran kepada juruaudit di mana juruaudit juga perlu mahir dengan kesemua piawaian tersebut. Selain itu, **skop pengauditan akan menjadi lebih luas terutama pengesahan terhadap aset (aset alih, aset tak alih, aset kewangan, pelaburan dan lain-lain) serta liabiliti Kerajaan.**



## Kesiapsiagaan Jabatan Audit Negara

Wakil JAN turut menganggotai jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat MIA untuk mengkaji IPSAS serta di peringkat JANM antara jawatankuasa yang ditubuhkan adalah *Public Sector Accounting Committee* (PSAC), *Government Accounting Standards Advisory Committee* (GASAC) dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sistem Akruan (1GFMAS). Penglibatan JAN dalam jawatankuasa tersebut adalah bagi memastikan JAN sentiasa mendapat maklumat terkini berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan selain daripada mengemukakan pandangan bagi isu-isu berbangkit yang melibatkan JAN.

JAN juga telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pengauditan Perakaunan Akruan (JPPA) yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi mempersiapkan Juruaudit dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan berasaskan akruan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh 40 orang pegawai dari Sektor Audit Kerajaan Persekutuan serta Bahagian Audit ICT. Carta Organisasi JPPA adalah seperti berikut :



Sepanjang tahun 2014, JPPA telah bermesyuarat sebanyak 5 kali dan program/aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

### Kursus Mengenai MPSAS

Sebanyak 3 kursus pembelajaran melibatkan 14 MPSAS telah diadakan dengan kerjasama Akademi Audit Negara. Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi latihan kepada ahli JPPA yang seterusnya akan dilantik sebagai tenaga pengajar bagi kursus-kursus yang akan diadakan untuk semua pegawai JAN yang terlibat dengan pengauditan penyata kewangan Kerajaan. Senarai MPSAS yang telah dipelajari adalah seperti berikut:


MPSAS 1	<i>Presentation Of Financial Statement</i>
MPSAS 2	<i>Cash Flow Statement</i>
MPSAS 3	<i>Accounting Policies, Changes in Accounting Estimates and Errors</i>
MPSAS 9	<i>Revenue From Exchange Transaction</i>
MPSAS 12	<i>Inventories</i>
MPSAS 13	<i>Leases</i>
MPSAS 14	<i>Event After The Reporting Date</i>
MPSAS 16	<i>Investment Properties</i>
MPSAS 17	<i>Properties, Plant &amp; Equipment</i>
MPSAS 19	<i>Provision, Contingent Assets and Contingent Liabilities</i>
MPSAS 23	<i>Revenue From Non-Exchange Transaction</i>
MPSAS 24	<i>Presentation of Budget Information</i>
MPSAS 28	<i>Financial Instrument: Presentation</i>
MPSAS 31	<i>Intangibles Assets</i>



Kursus MPSAS di Akademi Audit Negara

### Kursus Manual Perakaunan Akruan

Satu kursus mengenai Manual Perakaunan Akruan yang dikeluarkan oleh JANM telah dijalankan pada 23 hingga 25 Jun 2014. Kursus ini diadakan di Akademi Audit Negara melibatkan 35 orang ahli JPPA. Kursus telah disampaikan oleh tenaga pengajar dari *Pricewaterhouse Coopers (PWC)* yang merupakan konsultan kepada JANM.



### Kursus Mengenai SAP

Dua (2) kursus mengenai *System Applications And Products In Data Processing* (SAP) telah diadakan pada 1 hingga 2 Oktober 2014 dan pada 10 hingga 13 November 2014 di FELDA, Kuala Lumpur dengan kerjasama Sekolah IT, Akademi Audit Negara. Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai komponen sistem SAP yang merupakan platform bagi pembangunan sistem 1GFMAS.



Kursus SAP di FELDA

### Penyediaan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Akruan [ GPPK (A) ]

Pelaksanaan perakaunan akruan akan membawa perubahan kepada skop dan metodologi pengauditan. Sejalan dengan perkembangan tersebut serta bagi memenuhi keperluan ISSAI, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan memutuskan bahawa Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan sedia ada perlu dikaji dan ditambah baik. Bagi mencapai hasrat tersebut, ahli JPPA dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu kumpulan ICT, muktamad I, muktamad II dan interim. Pembahagian kumpulan dan tanggungjawab setiap kumpulan adalah seperti berikut:

KUMPULAN			
ICT Y.HAMDAN BIN MOHD DOM KETUA	MUKTAMAD I CHEW KOH CHON KETUA	MUKTAMAD II MONA BINTI OTHMAN KETUA	INTERIM SAIFUL ANUAR BIN MOHD JAAFAR KETUA
AHLI PASUKAN	AHLI PASUKAN	AHLI PASUKAN	AHLI PASUKAN
Carolina Muyang Lileng	Lai Soon Ming	Nor Asma binti Abdullah Sani	Aneeza binti Mohamad
Che Adnan bin Che Abdullah	Maszura binti Hassan	Nur Aziella binti Mohd Zulkifli	Hafidzah binti Yusuf
Rosmasni binti Mat Isa	Wan Nur Hafidah binti Wan Jusoh	Nurhayati binti Mohamed	Nurhani binti Abdul Manap
Siti Salwani binti Mustapa	Mohd. Ridzam bin Che Ismail	Adlina binti Mohammed	Mohd Faez bin Mohd Fauzi
Mohd. Sauphi bin Sepayu	Natasha binti Muhammad Merejok	Lina	Mohd. Fazrull bin Azahar
Suffian bin Mohd. Zaini	Zulhisham bin Hassan	Eezwan Hafidz bin Ismail	Zurialinda binti Abdul Jabal
Amir bin Ramli	Sharifah Norfaezah binti Syed Zainuddin	Nurul Amira binti Mat Zin	Norhanani binti Mohd. Najib
Khairul Anam bin Muntalib	Ana Salha binti Mohd Junid	Salimah binti Kassim	
Rosliza binti Razi	Norulfazah binti Jamaluddin	Zarina binti Mat Sait	
Menyediakan garis panduan berikut : - Muat turun data - Analisis data dan pensampelan - Pengauditan sistem	Menyediakan Garis panduan bagi pengauditan: - Aset - Pendapatan/hasil - Bajet	Menyediakan Garis panduan bagi pengauditan: - Kedudukan Kewangan - Prestasi Kewangan - Perubahan Aset/ Ekuiti - Aliran Tunai - Nota Kepada Penyata - Liabiliti	Menyediakan Garis panduan bagi pengauditan interim

Penyediaan GPPK (A) telah bermula sejak awal tahun 2014 dan beberapa siri perbincangan telah diadakan oleh setiap kumpulan bagi membincangkan tugas yang diberi. Satu Mesyuarat Pemurnian GPPK (A) telah diadakan pada 12 hingga 16 Oktober 2014 di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Pahang. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ahli JPPA dan beberapa orang wakil dari Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan Sektor Audit Negeri. Penyediaan GPPK(A) adalah berasaskan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Berdasarkan ISSAI, Jabatan Audit

Negara yang telah dilancarkan semasa perasmian Hari Audit 1Malaysia di Alor Setar, Kedah pada 24 November 2014 dan disesuaikan mengikut keperluan pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.




MESYUARAT PEMURNIAN GPPK (A) 12 -16 Oktober 2014

## Rumusan

JAN telah membuat persiapan rapi bagi memastikan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berasaskan akruan berjalan lancar. Persiapan ini akan diteruskan pada tahun 2015 dengan mengadakan kursus MPSAS untuk ahli JPPA, kursus pengauditan penyata kewangan berpandukan GPPK (A), kursus 1GFMAS dengan kerjasama JANM, kursus mengenai SAP dengan kerjasama FELDA dan menjalankan pengauditan terhadap baki awal aset yang mana pengesahan telah dibuat oleh Unit Audit Dalam Kementerian. Adalah dijangkakan semua pegawai yang terlibat dengan pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dapat dilatih pada tahun 2015 bagi mempersiapkan pegawai tersebut dengan ilmu dan kemahiran yang sewajarnya agar pengauditan yang berkualiti dapat dihasilkan.

Tn. Hj Y. Hamdan bin Mohd Dom  
Timbalan Pengarah Audit  
Bahagian Pengauditan ICT  
Sektor Audit Khas & Penyelidikan





## KOMITMEN JABATAN AUDIT NEGARA TERHADAP KAEDAH CAATTs DENGAN MENGGUNAKAN PERISIAN ACL

Sistem penyampaian perkhidmatan berasaskan teknologi maklumat adalah meluas dilaksanakan oleh sektor awam. Semakin meningkat bilangan pembangunan sistem aplikasi baru dan penambahbaikan kepada sistem sedia ada yang disokong melalui peruntukan kewangan dalam skala yang besar di bawah Rancangan Malaysia (setiap 5 tahun) serta melalui inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC) pada 1996 yang antaranya ialah *flagship* Kerajaan Elektronik.

Perubahan penggunaan rekod asalnya fizikal ke digital memberi kesan kepada Juruaudit dari aspek pendekatan untuk pelaksanaan tugas pengauditan seperti tatacara semakan dan keupayaan memahami aliran proses operasi auditi di persekitaran ICT. Cabaran selanjutnya ialah dalam pemilihan skop saiz transaksi yang semakin banyak dan mengenalpasti potensi risiko.

Mengimbangi cabaran ini, adakah wajib bagi juruaudit mempunyai skil ICT selaras dengan skil pada pegawai ICT dalam memenuhi mandat Akta Audit 1957? Ya, jika boleh, namun ada pendekatan mengimbangnya iaitu kaedah *Computer Assisted Audit Techniques and Tools* atau (CAATTs) agar peranan juruaudit masih dan terus relevan. Terdapat pelbagai pilihan perisian yang ditawarkan dipasaran seperti perisian IDEA, ACL, Microsoft Excel dan Microsoft Access untuk melaksanakan kaedah CAATTs tersebut dengan mudah.

Jabatan Audit Negara telah menggunakan perisian ACL sejak tahun 1986 lagi iaitu juga diperingkat awal perisian ACL diperkenalkan. Unit Latihan dan Sistem di Ibu Pejabat pada waktu itu giat menggalakkan pegawai-pegawai audit untuk mengaplikasikannya terhadap data-data dari sistem aplikasi seperti Sistem BAS (Branch Accounting System) Jabatan Akauntan Negara, Sistem Tanah di Pejabat Tanah dan Sistem Bekalan Air di Jabatan Bekalan Air Negeri. Versi yang beroperasi ketika itu ialah menggunakan sistem pengoperasian *Disk Operating System* atau dikenali sebagai DOS.

Dari masa ke semasa, sesi bengkel dianjurkan sebagai perkongsian kemahiran pegawai audit. Sesi diadakan untuk mengenalpasti isu-isu pengauditan dengan menyediakan kriteria ujian untuk membangunkan analisis CAATTs. Antara yang terhasil darinya ialah pelaksanaan persampelan, teknik pemilihan rawak dan klasifikasi transaksi mengikut strata yang digunakan dalam pengauditan interim setiap bulan bagi tujuan pengesahan penyata kewangan.

Akademi Audit Negara yang mulai beroperasi pada tahun 2005 melalui Sekolah ICT turut berperanan melatih pegawai audit, memberi pendedahan dan kemahiran CAATTs menggunakan

tenaga pengajar dalaman. Fungsi asas yang mudah melibatkan *Commands* seperti *Classify*, *Expressions*, *Functions* dan *Scripts* disampaikan secara *hands-on* di makmal komputer. Sejak tahun 2012, silibus CAATs adalah termasuk dalam Program Transformasi Minda (PTM) Juruaudit bagi setiap pegawai baru yang menyertai Jabatan Audit Negara.


Mulai tahun 2006, tatacara pengauditan di Sektor Audit Kerajaan Negeri bagi pengauditan penyata kewangan Kerajaan Negeri dan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan bagi pengauditan penyata kewangan Kerajaan Persekutuan menggunakan data muktamad yang dimuat turun masing-masing dari Sistem SPEKS dan Sistem GFMAS. Pengauditan bulanan dan muktamad tersebut merupakan rutin audit yang merupakan prosedur kerja kepada 23 Cawangan Audit Persekutuan dan 11 Jabatan Audit Negara Negeri. Seramai 87 personel yang terlibat secara langsung bagi maksud tersebut.

Bagi tahun kewangan 2012, keseluruhan pengesahan transaksi dilaksanakan melalui CAATs adalah bernilai RM475 Billion. Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan telah mengautomasikan pengauditan kewangan secara inovatif dikenali projek *1Click Analysis* melibatkan data agensi Seksyen Tetap dan telah memenangi pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Audit Negara pada tahun 2011.

Bagi jenis pengauditan prestasi, penggunaan CAATs adalah seperti data yang melibatkan Pejabat Tanah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pertahanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, PERKESO, Lembaga Tabung Haji dan lain-lain. Untuk menjayakan penggunaannya, pegawai audit perlu menghadapi cabaran multiplatform sistem auditi serta pemahaman kepada struktur data dan aliran proses. Kesan positif kepada tugas pengauditan ialah penjimatan kos dari aspek tempoh masa yang lebih pendek, penjimatan kos perjalanan untuk audit dan liputan semakin lebih luas (populasi). Dengan itu, bakat pegawai audit dapat diperkembangkan kerana beberapa pegawai audit mempunyai berkemahiran menggunakan *advanced scripting* sebagai automasi.

Pengalaman CAATs Jabatan Audit Negara turut dikongsi di peringkat antarabangsa melalui Kursus *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) IT Audit dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri mulai 2007. Secara purata setiap kali kursus, peserta dari 19 buah negara luar telah menghadiri MTCP IT Audit yang diadakan di Akademi Audit Negara.

Atas komitmen awal hingga kini, menjadikan Jabatan Audit Negara adalah institusi yang konsisten kepada pendekatan CAATs, seterusnya menjadi model kepada institusi lain seperti agensi, pihak swasta dan institusi utama audit negara lain.



Jabatan Audit Negara mendapat pengiktirafan dengan memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam pada tahun 2006. Diperingkat antarabangsa pula, pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara menerima anugerah *Grand Prize Winner*. Anugerah adalah sempena *16<sup>th</sup> Annual ACL Impact Awards Winners* yang dianjurkan oleh Syarikat ACL Services Ltd. pada 3 Jun 2014 di perhimpunan ACL Connections 2014 di Dallas, Amerika Syarikat. Anugerah ini terdiri dari 5 kategori, iaitu:-

- *Technology Innovation Award* dimenangi oleh Telfer School of Management, University of Ottawa dan Office of the Comptroller General of Canada
- *Ultimate Scriptor Award* dimenangi oleh TD Financial Group
- *Governance Risk and Compliance Award* dimenangi oleh CHC Helicopter
- *Business Impact Award* dimenangi oleh Australia Post

Perisian ACL mempunyai 14,000 pelanggannya di seluruh dunia dengan 89% organisasi perniagaan penggunaannya adalah yang tersenarai dalam Fortune 500.

Dengan trend teknologi maklumat masa kini terarah kepada *data analytic* dan *big data*, bagaimanapun ruang lingkup ini masih berkaitan dengan analisis data. Sekiranya pegawai audit sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta bersedia untuk berubah kepada persekitaran yang lebih efisien maka Jabatan Audit Negara pasti dapat menghasilkan Laporan Audit yang berkualiti supaya akauntabiliti sektor awam dapat dipertingkatkan.

Pn. Farizah binti Harman  
Ketua Penolong Pengarah Audit  
Cawangan Audit Syarikat  
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan



## INTERNATIONAL STANDARDS OF SUPREME AUDIT INSTITUTIONS (ISSAI) - STANDARD PENGAUDITAN MENGGUNAKAN ISSAI MEMACU TRANSFORMASI JAN

### Pendahuluan

*International Standard of Supreme Audit Institution (ISSAI)* adalah standard pengauditan antarabangsa sektor awam yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institution (INTOSAI)*. Standard pengauditan ISSAI berasaskan *International Standard of Auditing (ISA)* bertujuan memberi panduan kepada juruaudit sektor awam menjalankan pengauditan berdasarkan kehendak perundangan dan peraturan tersendiri yang berlainan daripada amalan sektor swasta atau komersial. Standard pengauditan ISSAI diwujudkan bermula pada tahun 2007 dan standard yang lengkap telah mula digunapakai secara rasminya pada Kongres INTOSAI 2010 di Afrika Selatan sebagai Deklarasi Afrika Selatan.

Jabatan Audit Negara sebagai ahli INTOSAI telah mengambil tindakan proaktif dengan mengambil bahagian untuk melaksanakan pematuhan pengauditan berdasarkan ISSAI melalui program INTOSAI *Development Initiative (IDI3i)*. Program IDI3i bermula pada pada bulan September 2012 dengan pemilihan wakil setiap SAI yang menganggotai *Asian Organization of Supreme Audit Institutions (ASOSAI)* untuk menduduki peperiksaan khas atas talian. Selepas saringan melalui peperiksaan dibuat, pegawai yang lulus akan diserapkan mengikuti program IDI3i sepenuhnya secara atas talian sebelum ditauliahkan sebagai fasilitator ISSAI di SAI masing-masing. Kursus IDI3i merangkumi program pematuhan ISSAI di negara membangun (*development countries*) dan 3i bermaksud tiga inisiatif pengauditan iaitu:



Jabatan Audit Negara juga telah menghantar dua wakil iaitu YBhg. Datuk Hj. Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan ke Phnom Penh, Kemboja untuk menghadiri bengkel pertama pada 27 Februari 2013 hingga 1 Mac 2013 serta menandatangani dokumen komitmen JAN terhadap pematuhan ISSAI.

### Program IDI3i


Tujuan program IDI3i adalah bagi memastikan pematuhan sepenuhnya ISSAI berdasarkan tiga inisiatif tersebut. Pegawai audit terpilih perlu menghadiri program IDI3i seperti pelaksanaan berikut:

- a. Kursus atas talian pertama selama 7 minggu bermula pada 20 Oktober 2012 hingga 7 Disember 2012.
- b. Kursus atas talian kedua selama 7 minggu bermula pada 29 Julai 2013 hingga 13 September 2013.
- c. *Workshop on Facilitating ISSAI Implementation for the IDI's ISSAI Certification Program on Performance Audit* bermula pada 29 September 2013 hingga 6 Oktober 2013 di Bangkok, Thailand.
- d. *Workshop on Facilitating ISSAI Implementation for the IDI's ISSAI Certification Program on Financial Audit* bermula pada 6 Oktober 2013 hingga 13 Oktober 2013 di Bangkok, Thailand.
- e. *Workshop on Facilitating ISSAI Implementation for the IDI's ISSAI Certification Program on Compliance Audit* bermula pada 8 September 2014 hingga 13 September 2014 di Dar E Salam, Tanzania.

### ***International Standard of Supreme Audit Institution (ISSAI)***

#### ***ISSAI Financial Audit***


Struktur ISSAI *financial audit* adalah merujuk kepada standard *International Standard of Auditing (ISA)* yang juga digunapakai oleh sektor swasta, namun ISSAI mempunyai panduan tambahan bagi tujuan pengauditan sektor awam kerana tertakluk kepada kehendak perundangan dan peraturan SAI negara yang berkenaan. Perundangan ini termasuklah antaranya mandat audit, akta yang berkaitan, pekeliling kerajaan dan polisi kerajaan. Struktur ISSAI adalah seperti berikut:



Sebagai panduan, kandungan ISA adalah seperti berikut:



*Practice Note* pula adalah panduan tambahan kepada ISA merujuk kepada keperluan pengauditan di sektor awam yang mengandungi struktur berikut:




Sehubungan ini, ISSAI 1000 *General Introduction to the INTOSAI Financial Audit Guidelines* dan 1003 *Glossary of Terms to the INTOSAI Financial Audit Guidelines Financial Audit* tidak mengandungi standard ISA manakala ISSAI 1200 hingga 1810 merangkumi 36 standard ISA bagi tujuan panduan pengauditan penyata kewangan. ISSAI yang digunakan bagi pengauditan penyata kewangan mempunyai 38 standard kesemuanya seperti berikut:

#### FINANCIAL AUDIT GUIDELINES ISSAI 1000 - 2999

BIL	ISSAI	PERKARA
1.	1000	<i>General Introduction to the INTOSAI Financial Audit Guidelines</i>
2.	1003	<i>Glossary of Terms to the INTOSAI Financial Audit Guidelines</i>
3.	1200	<i>Overall Objectives of the Independent Auditor and the Conduct of an Audit in Accordance with International Standards on Auditing</i>
4.	1210	<i>Agreeing the Terms of Audit Engagements</i>
5.	1220	<i>Quality Control for an Audit of Financial Statements</i>
6.	1230	<i>Audit Documentation</i>
7.	1240	<i>The Auditor's Responsibilities Relating to Fraud in an Audit of Financial Statements</i>

BIL	ISSAI	PERKARA
8.	1250	<i>Consideration of Laws and Regulations in an Audit of Financial Statements</i>
9.	1260	<i>Communication with Those Charged with Governance</i>
10.	1265	<i>Communicating Deficiencies in Internal Control to Those Charged with Governance and Management</i>
11.	1300	<i>Communicating Deficiencies in Internal Control to Those Charged with Governance and Management</i>
12.	1315	<i>Identifying and Assessing the Risks of Material Misstatement through Understanding the Entity and Its Environment</i>
13.	1320	<i>Materiality in Planning and Performing an Audit</i>
14.	1330	<i>The Auditor's Responses to Assessed Risks</i>
15.	1402	<i>Audit Considerations Relating to an Entity Using a Service Organization</i>
16.	1450	<i>Evaluation of Misstatements Identified during the Audit</i>
17.	1500	<i>Audit Evidence</i>
18.	1501	<i>Audit Evidence - Specific Considerations for Selected Items</i>
19.	1505	<i>External Confirmations</i>
20.	1510	<i>Initial Audit Engagements - Opening Balances</i>
21.	1520	<i>Analytical Procedures</i>
22.	1530	<i>Audit Sampling</i>
23.	1540	<i>Auditing Accounting Estimates, Including Fair Value Accounting Estimates, and Related Disclosures</i>
24.	1550	<i>Related Parties</i>
25.	1560	<i>Subsequent Events</i>
26.	1570	<i>Going Concern</i>
27.	1580	<i>Written Representations</i>
28.	1600	<i>Special Considerations - Audits of Group Financial Statements (Including the Work of Component Auditors)</i>
29.	1610	<i>Using the Work of Internal Auditors</i>
30.	1620	<i>Using the Work of an Auditor's Expert</i>
31.	1700	<i>Forming an Opinion and Reporting on Financial Statements</i>
32.	1705	<i>Modifications to the Opinion in the Independent Auditor's Report</i>
33.	1706	<i>Emphasis of Matter Paragraphs and Other Matter Paragraphs in the Independent Auditor's Report</i>
34.	1710	<i>Comparative Information - Corresponding Figures and Comparative Financial Statements</i>
35.	1720	<i>The Auditor's Responsibilities Relating to Other Information in Documents Containing Audited Financial Statements</i>
36.	1800	<i>Special Considerations - Audits of Financial Statements Prepared in Accordance with Special Purpose Frameworks</i>



BIL	ISSAI	PERKARA
37.	1805	<i>Special Considerations - Audits of Single Financial Statements and Specific Elements, Accounts or Items of a Financial Statement</i>
38.	1810	<i>Engagements to Report on Summary Financial Statements</i>

### **ISSAI Performance Audit**

Struktur *ISSAI Performance Audit* pula adalah seperti berikut:


- ISSAI 3000 *Implementation Guidelines for Performance Audit*
- ISSAI 3100 *Performance Audit Guidelines: Key Principles - Appendix*

Standard *ISSAI Performance* mengandungi elemen yang menerangkan pematuhan yang perlu dilaksanakan seperti berikut:



### **ISSAI Compliance Audit**

Standard ISSAI Compliance Audit merupakan pematuhan terhadap pengauditan seperti berikut:



### **Skop Pelaksanaan iCATS**


Bagi memastikan pematuhan terhadap ISSAI oleh Jabatan Audit Negara, *ISSAI Compliance Assessment Tools* (iCATS) dilaksanakan untuk menentukan analisis jurang antara standard ISSAI dengan pelaksanaan pengauditan penyata kewangan oleh JAN. Sehingga bulan Januari 2015, iCATS telah dilaksanakan bagi pengauditan penyata kewangan dan prestasi kerana fasilitator bagi pengauditan pematuhan (*Compliance*) belum ditauliahkan.

### **Tempoh dan Kaedah Pelaksanaan iCATs**

Bagi menjayakan iCATS, pasukan iCATS ditubuhkan di mana seramai 10 pegawai yang berpengalaman mengaudit penyata kewangan dan 5 pegawai terlibat dalam pengauditan prestasi dilantik untuk melaksanakan iCATS. Sampel kertas kerja yang dipilih akan dianalisis, perbincangan kumpulan diadakan secara berkala telah dibuat dan temubual bersama juruaudit yang terpilih. Peringkat seterusnya adalah pembentangan kepada Ketua Audit Negara dan pengurusan tertinggi JAN bagi mendapatkan input sebelum laporan muktamad dihantar kepada IDI. Hasil daripada iCATs yang dijalankan mendapati pematuhan kepada ISSAI bagi pengauditan penyata kewangan ialah 78% dan 79% pematuhan kepada ISSAI bagi pengauditan prestasi

### **Pelan Tindakan ISSAI Jabatan Audit Negara**


Penilaian iCATS bertujuan SAI merangka strategi transformasi yang bersesuaian bagi SAI bagi memastikan pematuhan ISSAI. Hasil daripada rumusan iCATS, JAN telah mengenal pasti pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan pematuhan ISSAI secara keseluruhannya. Pelan tindakan ini meliputi pelan strategik ISSAI bagi tempoh jangka masa pendek dan panjang seperti berikut:



- i. Melaksanakan iCATS bagi pengauditan pematuhan
- ii. Melahirkan lebih ramai pakar iCATS di JAN. Pada masa kini JAN hanya mempunyai 5 orang pakar iCATS sahaja.
- iii. Menyemak semula mandat dan polisi pengauditan dalaman JAN meliputi :
  - a. Polisi pengauditan di *service organisation* iaitu syarikati yang dilantik oleh agensi yang melaksanakan operasi berkaitan dengan transaksi di penyata kewangannya
  - b. Polisi pengauditan fraud
  - c. Polisi pengauditan kawalan IT di auditi
  - d. Polisi menyemak laporan tahunan belum muktamad agensi yang mengandungi maklumat diambil daripada penyata kewangan telah diaudit. Ini melibatkan keperluan perundangan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.
  - e. Memberikan mandat yang jelas kepada juruaudit melaksanakan pengauditan prestasi
- vi. Menambahbaik manual pengauditan disebabkan perubahan dalam standard pengauditan dan perakaunan berasaskan ISSAI bagi pengkhususan berikut:
  - a. JAN telah mengadakan beberapa bengkel dan telah berjaya menghasilkan Buku Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Berdasarkan ISSAI versi Bahasa Malaysia.
  - b. Manual Pengauditan Penyata Kewangan Berasaskan Akrual yang berdasarkan ISSAI telah ditambahbaik dan mula digunapakai oleh SAI Malaysia bermula pada bulan November 2014. Manual ini telah dilancarkan sempena Hari Audit 1Malaysia 2014.
  - c. Menyemak semula Garis Panduan Pengauditan Prestasi
  - d. Menyemak semula Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan
  - e. Menyemak semula Garis Panduan Jaminan Kualiti Pengauditan
  - f. Melaksanakan kertas kerja pengauditan secara atas talian
- v. Pembangunan Kapasiti
  - a. Latihan berbentuk *awareness* kepada warga JAN mengenai ISSAI, iCATS dan pematuhannya
  - b. Melaksanakan analisis keperluan kepada warga JAN bagi memberikan keutamaan latihan yang perlu dijalankan
  - c. Perancangan latihan berkaitan standard pengauditan ISSAI dan kaedah pematuhannya seperti *Fraud & Risk Assessment* untuk pegawai JAN melalui kepakaran luar atau dalaman
  - d. Perancangan latihan berkaitan standard perakaunan seperti *Accounting Estimates, Impairment & Materiality* dan *Group Financial Statements* melalui kepakaran luar atau dalaman
  - e. Mengenalpasti pegawai JAN berpotensi untuk mewujudkan lebih ramai fasilitator ISSAI JAN melalui program latihan khusus. Bagi projek tahun 2015, dijangka seramai 9 juruaudit

akan dilatih sebagai fasilitator ISSAI pengauditan penyata kewangan, pengauditan prestasi dan pengauditan pematuhan. Program ini akan dikendalikan melalui platform *Subject Matter Expert (SME)*

- f. Pembangunan kompeten juruaudit Jabatan Audit Negara yang berperanan sebagai *advocates* dan konsultasi dalam aspek teknikal pengauditan serta perakaunan dengan agensi dan FAS
  - g. Latihan dalam pengauditan secara berterusan melibatkan pegawai atasan sehingga bawahan mengenai pematuhan ISSAI
  - h. Berkongsi maklumat dan pengetahuan terutamanya dengan FAS bersaiz sederhana dan kecil bagi memastikan pematuhan ISSAI semasa mengaudit penyata kewangan agensi/ auditi
  - i. Melaksanakan program latihan sangkutan di luar negara terutamanya bagi pengauditan prestasi
  - j. Penilaian latihan dilaksanakan bagi setiap program latihan yang telah dilaksanakan kepada warga JAN dan kajian impak turut dibuat. Kesemua program latihan dilaksanakan melalui kerjasama bersama Akademi Audit Negara
- vi. Mengeluarkan buletin dan penerbitan berkaitan pengauditan bagi membantu menambah pengetahuan dan kepakaran warga Audit. Antara isu yang dikenalpasti ialah perkembangan terkini pengauditan, artikel berkaitan pengauditan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh SME
- vii. Melaksanakan forum dan *roundtable discussion* yang berfungsi seperti berikut;
- a. *Web based forum* yang boleh menggalakkan interaksi dan perkongsian maklumat
  - b. Menyedia soalan dan jawapan berbentuk *Frequently Asked Questions (FAQs)* di dalam portal kakitangan JAN
  - c. *Roundtable Discussion* yang membolehkan isu peringkat tertinggi dibincangkan. Hasil *roundtable discussion* yang pertama telah menjadikan JAN diiktiraf sebagai ACCA *Approved Employer* berstatus *Gold*
- vii. Pelan Transformasi Jabatan yang berperanan merangka penempatan strategik pegawai JAN untuk pelaksanaan pengauditan penyata kewangan. Sehingga bulan Januari 2015, Bengkel JAN bersama PEMANDU masih berjalan bagi membincangkan struktur organisasi yang bersesuaian bagi JAN yang perlu melaksanakan fungsinya sebagai badan *independence* dan mempunyai autonomi




viii. *Peer Review* di antara sektor JAN bagi memastikan jaminan kualiti pengauditan penyata kewangan dipatuhi sebelum *Peer Review* antara SAI dilaksanakan. *Peer Review* antara SAI telah dilaksanakan pada bulan Disember 2014 yang dilaksanakan oleh National Audit Office (NAO) UK dan dijangka *peer review* ini akan berterusan pada masa hadapan.

## Rumusan

Secara keseluruhannya, JAN telah berjaya melaksanakan iCATS bagi pengauditan penyata kewangan dan prestasi dalam tempoh yang ditetapkan manakala iCATS pengauditan pematuhan sedang dilaksanakan. Hasil utama iCATS adalah rumusan mengenalpasti jurang pematuhan ISSAI telah membolehkan JAN merangka strategi bagi memastikan pematuhan ISSAI sepenuhnya. Strategi yang di kenalpasti merupakan pelan strategik keseluruhan Jabatan terutamanya persediaan pelaksanaan sepenuhnya MFRS, perakaunan akruan akaun Kerajaan Persekutuan dan pelaksanaan MPERS bermula pada tahun 2015. Selain itu strategi juga di kenalpasti untuk memperkasakan pengauditan prestasi, pematuhan, pelaksanaan jaminan kualiti dan pengauditan ICT. Keseluruhan pelan strategik jangka panjang JAN adalah merupakan transformasi yang akan dilaksanakan JAN bagi memastikan pematuhan ISSAI sepenuhnya menjelang tahun 2020.

En. Khairul Nizar bin Khalid  
Ketua Penolong Pengarah  
Unit Integriti





## MEMBUDAYA INTEGRITI DIKALANGAN PEGAWAI DI JABATAN AUDIT NEGARA

Seringkali kita diperingatkan berkaitan integriti, pegawai perlu mempunyai integriti yang tinggi, berintegriti di dalam perkhidmatan dan di dalam kehidupan. Integriti muncul di dalam berita semasa, di dalam ucapan pembesar negara, surat khabar, majalah, buku dan bahan bacaan ilmiah yang lain. Apakah sebenarnya integriti ini.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka memberi maksud integriti merupakan sifat 'kejujuran dan ketulusan', 'kesempurnaan', 'keutuhan'. Integriti boleh disifatkan sebagai 'jati diri' yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai dan sebagainya. Sifat-sifat positif tersebut membolehkan seseorang individu menjadi insan yang baik, unggul, dihormati dan dikagumi.

Institusi Ketua Audit Negara merupakan salah satu daripada elemen tonggak Integriti Nasional dimana Jabatan Audit Negara berperanan melaksanakan mekanisma *Checking, Auditing and reporting*. Ini adalah bagi memastikan Peraturan-peraturan yang ditetapkan kerajaan melalui Parlimen dipatuhi, meningkatkan kecekapan dan mengelakkan berlaku penyelewangan dan salahguna kuasa.

Bagi menjamin ketinggian integriti, ketelitian dan ketelusan di dalam pelaporan terpelihara, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni perlu diterapkan kepada pegawai-pegawai supaya kesedaran dan keinsafan wujud di dalam diri mereka sentiasa. Kefahaman dan kesedaran yang tinggi menjamin pegawai di institusi audit ini berada pada tahap profesionalisme dan integriti yang tinggi.

Pelan Integriti Jabatan Audit Negara telah digarap, disusun dengan rapi dan diterbitkan berdasarkan aspirasi menjadikan Jabatan Audit Negara sebagai Jabatan contoh yang unggul dari pelbagai segi. Juruaudit perlu mempunyai tahap integriti, kejujuran intelek dan profesionalisme yang tinggi. Ini adalah kerana juruaudit berfungsi sebagai pemantau kepada proses akauntabiliti dan tadbir urus sektor awam. Keputusan, pendapat dan pandangan yang dijana daripada kajian yang dijalankan hendaklah berdasarkan kepada fakta dan ketelitian profesional yang sewajarnya bagi memberikan impak yang bermanfaat kepada pengukuhan akauntabiliti kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dan seterusnya memberi faedah kepada rakyat.

Selaras dengan aspirasi kerajaan bagi meningkat dan memperkukuhkan integriti dan nilai-nilai etika warga Jabatan Audit Negara, pewujudan Pelan Integriti ini mampu diperkukuhkan melalui lima TEKAD integriti iaitu:

Tekad Integriti 1: Memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa

Tekad Integriti 2: Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi

Tekad Integriti 3: Meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab

Tekad Integriti 4: Memantapkan institusi keluarga dan komuniti

Tekad Integriti 5 : Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat

Jabatan Audit Negara telah mengenalpasti keutamaan didalam proses pemantapan organisasi melalui fungsi pentadbiran bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan memenuhi kehendak Piagam Pelanggan Jabatan. Dua objektif utama dikenalpasti iaitu pemantapan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus terbaik serta peningkatan integriti jentera pengurusan dan pentadbiran. Fokus utama yang diberikan terhadap tadbir urus terbaik merangkumi bidang pengauditan, pengurusan sumber manusia dan kewangan selaras dengan kehendak Kod Etika Juruaudit Sektor Awam, Manual Prosedur Kerja dan amalan terbaik di peringkat dalaman dan antarabangsa.


Pendekatan pelaksanaan pelan ini adalah melalui mekanisme berikut:

#### **Penghayatan**

Memberi kefahaman dan kesedaran melalui program-program nilai. Ini untuk menjamin setiap warga Jabatan mempunyai kesedaran dan keinsafan tentang pentingnya integriti dalam kehidupan seharian terutamanya di tempat kerja di mana institusi audit itu sendiri memerlukan setiap tindakan anggotanya berada pada tahap profesionalisme dan integriti yang tinggi.

#### **Pendidikan**

Menyediakan program latihan, kursus, bengkel yang berkaitan kepada warga Jabatan Audit Negara untuk meningkatkan kemahiran dalam melaksanakan tugas. Ceramah dan program ilmu juga dapat diadakan bagi memberi percambahan fikiran dan idea kepada warga jabatan berkenaan keperluan pemantapan integriti melalui pemantapan kompetensi dan pembentukan sahsiah diri.



### **Pengukuhan**

Memantapkan mekanisme ketelusan di dalam urusan aktiviti utama Jabatan dan juga operasi pentadbiran bagi memastikan pelanggan sama ada luaran dan dalaman mempunyai keyakinan yang penuh terhadap setiap perkhidmatan yang diberikan oleh bahagian dan unit dalam Jabatan. Selain itu gerakan pemantapan perlu dilaksanakan dalam bentuk latihan dan lain-lain mekanisme yang sesuai untuk melahirkan generasi pemimpin dan pelapis pemimpin yang boleh dijadikan contoh ikutan kepada kumpulan yang diselia.

### **Pencegahan**

Mengesan dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud dalam aktiviti dan operasi seharian Jabatan termasuk sistem dan prosedur kerja, mandat, peraturan serta undang-undang semasa supaya tidak memberi ruang kepada berlakunya perkara-perkara yang boleh menjejaskan institusi audit itu sendiri.

### **Pengiktirafan**

Menentukan bentuk pengiktirafan yang dilaksanakan oleh Jabatan mengambil kira himpunan nilai-nilai murni dan moral yang unggul terus kekal dalam diri individu warga dan Jabatan yang seterusnya boleh menjadi inspirasi dan contoh ikutan kepada setiap warga organisasi yang lainnya dan membentuk piawaian kepada Jabatan.

## **Strategi Pelaksanaan Pelan Integriti Jabatan Audit Negara**

### **Strategi 1 : Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik**

Jabatan Audit Negara memberi penekanan kepada peranan sumber manusia, pengurusan dan pematuhan kepada polisi dan peraturan. Kesemua komponen ini harus didokongi dengan prinsip ketelusan, beretika, akauntabiliti dan integriti, efektif dan efisien serta kecekapan pengurusan perubahan.

### **Strategi 2 : Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan**

sistem penyampaian di Jabatan Audit Negara perlu memenuhi perubahan selaras dengan kehendak pihak-pihak yang berkepentingan, meningkatkan kecekapan dan mengawal kos dalam menangani kekangan kewangan semasa dan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini secara optimum.

Pelaksanaan prosedur perolehan dan pembekalan perkhidmatan dan kontrak secara telus, rasional, terbuka dan adil juga turut diletakkan di bawah strategi ini. Ini bagi memastikan pembekalan perkhidmatan dan kontrak mematuhi undang-undang, peraturan dan pematuhan kepada etika perniagaan. Kepakaran pegawai juga perlu sentiasa dipertingkatkan secara berterusan melalui latihan, sama ada latihan semula mahupun latihan lanjutan

Strategi 3 : Melaksanakan Program Kesedaran Memerangi Rasuah, Penyelewengan Dan Salah Guna Kuasa Serta Meningkatkan Integriti pengauditan sedikit sebanyak memberi petunjuk di mana berlakunya gejala rasuah untuk skop-skop audit tertentu terutamanya apabila melibatkan isu pemborosan, pembaziran dan juga penyelewengan.

Dalam melaksanakan tugas pengauditan, Jabatan Audit Negara perlu menerapkan nilai-nilai murni di kalangan warganya serta menetapkan kawalan-kawalan tertentu supaya ruang dan peluang untuk berlakunya gejala rasuah adalah tipis.

Pelaksanaan program dan aktiviti yang menyeluruh adalah penting untuk memberikesedaran kepada warga jabatan mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing apabila berhadapan dengan unsur-unsur atau situasi yang berkait dengan gejala rasuah.

Strategi 4 : Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia

Persekitaran kerja yang kondusif merupakan titik permulaan bagi warga Jabatan untuk meningkatkan produktiviti dan menghayati budaya kerja cemerlang secara berterusan. Di samping itu, sistem penilaian prestasi yang lebih telus, adil dan saksama juga turut menyumbang kepada pemantapan pengurusan warga Jabatan.

Sistem saringan dalam pemilihan pegawai dan staf memainkan peranan penting dalam memastikan pegawai-pegawai dianggap bersih dan memiliki tahap integriti yang tinggi. aktiviti berterusan diperlukan untuk mempertingkatkan semangat ketaatan dan kesetiaan yang tinggi, semangat kekitaan dan bekerja dalam kumpulan.

## Kesimpulan

Pembudayaan Integriti di Jabatan Audit Negara bermula daripada peringkat akar umbi. Kesedaran perlu dipupuk bermula daripada kehidupan seharian di rumah, bersama masyarakat setempat dan juga ketika bekerja. Pembudayaan Integriti di dalam kehidupan seharian menjamin ketinggian nilai dan membolehkan seseorang individu menjadi insan yang baik, unggul, dihormati dan dikagumi.

# DIARI PERISTIWA



Januari

Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2012



Working Group on IT Audit di Kuwait - 10 - 12 Januari 2014

Februari  
Perarakan Maulidur Rasul



Discussion with IMF Ambassador



Mac  
*XXII Commonwealth Auditors General Conference*



April

Penyusunan LKAN Siri 1 Tahun 2013



Sesi Interaksi KAN Bersama Pegawai PTD



Mei

Perarakan Hari Pekerja



*IDI Programme Audit Of Lending And Borrowing Frameworks - Cooperation Meeting With Heads Of SAls*



Jun  
Mesyuarat Agung KAWIP



Julai

Penyerahan Sumbangan Aman Palestin Media Prima



Ogos

Majlis Perjumpaan Ketua Audit Negara & Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-57 Tahun 2014



## September

### Lawatan Kerja KAN Ke Institut Aminuddin Baki



Annual INTOSAI  
Capacity Building  
Committee (CBC) Meeting  
di Lima, Peru



47 Governing Board Meeting di Moscow, Russia



Lawatan Kerja Tapak -KWSP di London



16th Assembly Meeting of INTOSAI WGEA, Filipina

Oktober  
Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1436H



November

Pelancaran Pelan Integriti Organisasi JAN



Hari Audit Se-Malaysia Tahun 2014



Program Kemasyarakatan Audit Bersama Penduduk Kg. Padang Lengkuas, Baling, Kedah



Sesi Bersama Media: Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 3



Disember  
Seminar Firma Audit Swasta






## TAHNIAH & SYABAS

ATAS PENGANUGERAHAN AHLI YANG PERTAMA (SERI PADUKA) BAGI DARJAH KEBESARAN  
